



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAAN



ISI KANDUNGAN

Table of Contents

SOROTAN | HIGHLIGHT

M/S 5

Persidangan Ekonomi dan Kewangan Awam di INTAN

Public Finance and Economic Conference at INTAN

M/S 6

Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) Dasar Parlimen di Sarawak

Parliamentary Policy Focus Group Discussion (FGD) in Sarawak

M/S 8

Mesyuarat Suku Tahunan Ketiga Staf

Staff Third Quarterly Meeting

M/S 9

Mengakhiri Kemiskinan - Satu Kemungkinan atau Illusi

Ending Poverty - A Possibility or an Illusion

M/S 10

"North Agri-Excellence 2025" di Kebun Model Ipoh

North Agri-Excellence 2025 at Ipoh Model Farm

M/S 11

Peluncuran Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Launch of 2025 Parliament Constituency Issue Mapping Report Compilation

M/S 13

Majlis Pelancaran Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur

Launching Ceremony of the Ruang Komuniti MySDG for the East Coast Zone

M/S 14

Forum Intervensi Dasar SDG: Residen & Pegawai Daerah

SDG Policy Intervention Forum: Residents & District Officers

M/S 16

Pengarusutamaan Sektor Ketiga sebagai Rakan Kongsi dalam Pelaksanaan RMK13 & Bengkel Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE

Mainstreaming the Third Sectors as Partners in Implementing 13MP & ASEAN SDG-SSE Roadmap Workshop

AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH | ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

M/S 18

ZON UTARA Northern Zone

M/S 28

ZON TENGAH Central Zone

M/S 30

ZON PANTAI TIMUR East Coast Zone

M/S 41

ZON SELATAN Southern Zone

M/S 46

WILAYAH SARAWAK Sarawak Region

M/S 56

WILAYAH SABAH Sabah Region

PUSAT-PUSAT MYSDG DAN JABATAN-JABATAN APPGM-SDG | MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

- | | |
|--|----|
| • PUSAT MYSDG UNTUK KETERANGKUMAN SOSIAL MYSDG CENTRE FOR SOCIAL INCLUSION | 65 |
| • AKADEMI MYSDG & JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MYSDG ACADEMY & CORPORATE COMMUNICATION DEPT | 66 |
| • JABATAN PENYELARASAN KAWASAN PARLIMEN CONSTITUENCY COORDINATION DEPT | 74 |
| • JABATAN PENGURUSAN PROJEK PROJECT MANAGEMENT DEPT | 76 |
| • JABATAN SOLUSI DASAR POLICY SOLUTIONS DEPT | 81 |
| • JABATAN ADVOKASI DASAR PERINGKAT PARLIMEN PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY DEPT | 82 |
| • PENGURUSAN PEJABAT OFFICE MANAGEMENT | 85 |

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

- | | |
|--|----|
| • PROGRAM AKAN DATANG UPCOMING PROGRAMME | 94 |
|--|----|

Senarai Singkatan | *List of Abbreviations*

	MALAY	ENGLISH
ADO	Penolong Pegawai Daerah	Assistant District Officer
APPGM-SDG	Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)	All Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (SDG)
CADO	Ketua Penolong Pegawai Daerah	Chief Assistant District Officer
CCD	Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen	Constituency Coordination Department
CLC	Pusat Pembelajaran Komuniti	Community Learning Centre
CSO	Pertubuhan Masyarakat Sipil	Civil Society Organisation
DO	Pegawai Daerah	District Officer
FGD	Perbincangan Kumpulan Fokus	Focus Group Discussion
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	Federal Land Development Authority
IAD	Dialog Antara Agensi	Inter-Agency Dialogue
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung	Village Development and Security Committee
KRT	Kawasan Rukun Tetangga	Neighbourhood Watch
KUSKOP		
LC	Penyelaras Tempatan	Local Coordinator
MDEC		
MP	Ahli Parlimen (AP)	Member of Parliament
MPI	Indeks Kemiskinan Multidimensi	Multidimensional Poverty Index
NGO	Organisasi Bukan Kerajaan	Non-Government Organisation
NPO	Organisasi Bukan Untung	Non-Profit Organisation
OKU	Orang Kurang Upaya	Persons with Disabilities (PwD)
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti	Community Rehabilitation
PKK	Program Kejiranan dan Kepimpinan	Neighbourhood and Leadership Programme
PMD	Jabatan Pengurusan Projek	Project Management Department
PPAD	Jabatan Advokasi Dasar Peringkat Parlimen	Parliamentary Policy Advocacy Department
PPDK	Pusat/Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti	Community Rehabilitation Centre
PPMPL	Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari	Society for the Promotion of Sustainable Development Goals
PSD	Jabatan Solusi Dasar	Policy Solutions Department

Senarai Singkatan | *List of Abbreviations*

	MALAY	ENGLISH
RMK13	Rancangan Malaysia Ketigabelas	Thirteenth Malaysia Plan (13MP)
ROY	Pendaftar Pertubuhan Belia	Registrar of Youth (ROY)
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan	Sustainable Development Goals
SP	Rakan Solusi	Solution Provider
UN	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)	United Nations
UNICEF	Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	United Nations Children's Fund


30.9-1.10.2025

Persidangan Ekonomi dan Kewangan Awam di INTAN *Public Finance and Economic Conference at INTAN*

Pada 30 September dan 1 Oktober 2025, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria telah dijemput sebagai ahli panel dalam Sesi “Menaikkan Lantai” – Meningkatkan Mobiliti Sosial dan Kesejahteraan Rakyat” bersempena Minggu Ekonomi dan Kewangan Awam (MEKA) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kuala Lumpur.

On 30th September and 1st October 2025, the Head of APPGM-SDG Secretariat, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, was invited as a panelist in the session “Menaikkan Lantai” – Meningkatkan Mobiliti Sosial dan Kesejahteraan Rakyat” (Raising the Floor – Enhancing Social Mobility and People’s Well-being). This session was held in conjunction with the Public Finance and Economic Week (MEKA) at the National Institute of Public Administration (INTAN) in Kuala Lumpur.

Fokus persidangan ini adalah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dengan memberi tumpuan kepada peluang saksama untuk peningkatan taraf hidup secara inklusif. Persidangan ini menuntut reformasi segera dalam pendidikan, pasaran buruh, kesihatan, dan perumahan. Matlamat utamanya ialah merapatkan jurang sosioekonomi, meningkatkan taraf hidup rakyat, serta menjamin pembangunan mampan negara melalui kerjasama *quadruple helix*, selaras dengan nilai-nilai kesejahteraan sosial MADANI.

The focus of this conference was the implementation of the Thirteenth Malaysia Plan (RMK13), with emphasis on equal opportunity for the inclusive improvement of living standards. The conference demands immediate reform in education, the labour market, health, and housing. Its primary goals are to close the socio-economic gap, improve the people’s quality of life, and ensure the nation’s sustainable development through quadruple helix cooperation, in line with the values of MADANI social well-being.



Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria &
YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan





**30/9 -
1.10.2025**

Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) Dasar Parlimen di Sarawak *Parliamentary Policy Focus Group Discussion (FGD) in Sarawak*

Jabatan Advokasi Dasar Peringkat Parlimen (PPAD), dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Sarawak, telah menjalankan tiga perbincangan kumpulan fokus (FGD) dasar parlimen di Sarawak pada 30 September dan 1 Oktober 2025 di Raia Hotel & Convention Centre Kuching. Terdapat tiga tema yang telah dibincangkan:

The Parliamentary Policy Advocacy Department (PPAD), in collaboration with the Economic Planning Unit (EPU) Sarawak, conducted three parliamentary policy focus discussions in Sarawak on 30th September and 1st October 2025 at Raia Hotel & Convention Centre Kuching. There were three themes that were discussed:

Golongan Tanpa Dokumen ***Undocumented People***



Sesi ini membincangkan isu kanak-kanak tanpa dokumen di Sarawak dan memberi cadangan utama untuk menambahbaik akses pendidikan kanak-kanak ini

This session touches on the the issue of undocumented children in Sarawak and providing key recommendations to improve these children's access to education.



Dihadiri oleh 21 pegawai kerajaan dari peringkat kementerian, residen dan wilayah Sarawak
Attended by 21 government officials from the ministry, residence and regional level of Sarawak



Hasil perbincangan mendapati bahawa walaupun kanak-kanak tanpa dokumen di Sarawak boleh mendapat akses kepada pendidikan dan kesihatan, cabaran utama yang menghalang akses pendidikan mereka adalah kekangan kesalinghubungan dan infrastruktur ke sekolah.

The outcomes found that although undocumented children in Sarawak have access to education and health services, the main challenge preventing their access to education is the constraint of connectivity and infrastructure to schools.



Kebajikan dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Welfare and Community Rehabilitation Centre



Sesi ini membincangkan isu-isu Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di Sarawak dan mencadangkan penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan Pusat PDK bagi meningkatkan akses pelatih dan memastikan Pusat PDK dapat menjalankan aktiviti rehabilitasi dengan berkesan.

The discussion focused on issues concerning the Community Rehabilitation Centres (PDK) in Sarawak, and proposed improvements to the infrastructure and facilities of PDKs to enhance trainee access and ensure that the PDKs can carry out rehabilitation activities effectively.



Dihadiri oleh 17 pegawai kerajaan dari peringkat kementerian, residen dan wilayah Sarawak

Attended by 17 government officials from the ministry, residential, and divisional levels of Sarawak



Perbincangan menekankan bahawa kesejahteraan komuniti PDK perlulah diberi perhatian oleh pelbagai pihak berkepentingan supaya pelaksanaan program PDK boleh menjadi lebih inklusif, tersasar dan mampan.

The discussion emphasised that the well-being of the PDK community should be given attention by various stakeholders so that the implementation of PDK programmes can become more inclusive, targeted, and sustainable.

Keterjaminan Makanan Food Security



Sesi ini membincangkan cadangan dasar bagi mengatasi isu keterjaminan makanan, perubahan iklim dan ketersediaan bencana bersesuaian dengan konteks Sarawak.

This session highlights policy recommendations to address the issues of food security, climate change, and disaster preparedness appropriate to the context of Sarawak.



Dihadiri oleh 44 pegawai kerajaan dari peringkat kementerian, residen dan wilayah Sarawak

Attended by 44 government officials from the ministry, residential, and divisional levels of Sarawak



Perbincangan bertemakan keterjaminan makanan ini meliputi pengaruh perubahan iklim, monopoli pasaran, dan kerangka dasar yang tidak menyebelahi pekebun kecil. Oleh itu salah satu pendekatan adalah dasar berasaskan komuniti dicadangkan untuk menjamin kelestarian sumber pertanian untuk generasi akan datang.

The discussion on food security in Sarawak highlighted the influence of climate change, market monopoly, and a policy framework that does not favour smallholder farmers. Thus, one of the approaches is to enable a community-based policy approach to ensure the sustainability of agricultural resources for future generations.




7-8.10.2025

Mesyuarat Suku Tahunan Ketiga Staf

Staff Third Quarterly Meeting

Pada 7 dan 8 Oktober 2025, mesyuarat suku tahunan ketiga staf untuk warga APPGM-SDG telah diadakan di Ruang Komuniti MySDG, Petaling Jaya. Hari pertama menumpukan kepada strategi dan penajajaran organisasi. Mesyuarat dimulakan dengan semakan Sasaran 2025 dan Fokus 2026, diikuti dengan ucapan daripada Ketua Sekretariat, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. Aktiviti utamanya melibatkan semua staf mengambil bahagian dalam sesi perbincangan berkumpulan untuk membincangkan dan membentangkan pandangan setiap staf mengenai soalan yang telah disediakan.

The third quarterly staff meeting for APPGM-SDG members was held at the MySDG Community Space, Petaling Jaya, on the 7th and 8th October 2025. Day one focused on organisational strategy and alignment. The meeting began with a review of the 2025 Target and 2026 Focus, followed by an address from the Head of Secretariat, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. The core activity involved all staff participating in Group Breakout sessions to discuss and present each staff's view on the questions provided.



Sesi Perbincangan Berkumpulan
Group Breakout Session

Hari kedua didedikasikan untuk bengkel latihan intensif bertajuk 'Komunikasi Kepimpinan: Dari Memimpin Pasukan kepada Memimpin Organisasi'. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan kebolehan pemimpin untuk berkomunikasi dengan jelas dan berwibawa bagi menyelaraskan matlamat organisasi dengan lebih baik. Sesi dibahagikan kepada dua iaitu untuk Pegawai dan Pengurusan Kanan, dengan pembelajaran utama dijalankan melalui Aktiviti & Perbincangan I-Maze. Bengkel tersebut diakhiri dengan refleksi peserta dan pengajaran yang diperoleh daripada aktiviti tersebut.



Pembentangan Perbincangan Berkumpulan
Group Discussion Presentation

Day two was dedicated to an intensive training workshop titled 'Leadership Communication: From Leading Teams to Leading Organisations'. The goal was to enhance leaders' ability to communicate with clarity and credibility to better align organisational goals. The session was divided into two, for Officers and Senior Management, with the primary learning conducted through the I-Maze Activity & Discussion. The workshop concluded with participant reflection and lessons learned from the activity.


17.10.2025

Mengakhiri Kemiskinan - Satu Kemungkinan atau Ilusi

Ending Poverty - A Possibility or an Illusion

Forum Mengakhiri Kemiskinan (*Ending Poverty*) telah dianjurkan oleh Akademi MySDG dan APPGM-SDG, menghimpunkan lebih 40 peserta untuk menangani kemiskinan multidimensi Malaysia dan menyemak strategi, dengan tumpuan khusus daripada Rancangan Malaysia Ketigabelas (RMK13). Sesi ini menampilkan penceramah terkemuka—termasuk Dr. Richard Marshall (Pejabat Penyelaras Residen PBB), Dr. Juanita Joseph (UNICEF), dan Dato' Sri Mustapa Mohamed (Penasihat PPMPL)—berkongsi perspektif global dan nasional mengenai pembasmian kemiskinan. Inti utama program ini ialah siri perbincangan mendalam, yang distrukturkan kepada tiga soalan tematik: tema pertama memfokuskan kepada “Gambaran Keseluruhan Dasar Konseptual & Global”; yang kedua mengenai “Strategi Nasional & Teras RMK13”; dan yang terakhir mengenai “Realiti Akar Umbi & Implikasi MPI”. Forum ini diakhiri dengan segmen Soal Jawab (Q&A), diikuti dengan Ucapan Penutup yang disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. Melalui dialog ini, Akademi MySDG dan APPGM-SDG terus membina platform kukuh yang membentuk strategi yang berkesan dan berpusatkan rakyat untuk mencegah kemiskinan dan memajukan agenda SDG Malaysia.

The Ending Poverty Forum was organised by MySDG Academy and APPGM-SDG, gathering over 40 participants to address Malaysia's multidimensional poverty and review strategies, with specific focus from the Thirteenth Malaysia Plan (13MP). The session featured prominent speakers—including Dr. Richard Marshall (UN Resident Coordinator's Office), Dr. Juanita Joseph (UNICEF), and Dato' Sri Mustapa Mohamed (Advisor of PPMPL), sharing global and national perspectives on poverty eradication. The core of the programme was a series of in-depth discussions, structured into three thematic questions: the first theme focusing on “Conceptual & Global Policy Overview”; the second on “National Strategies & RMK13 Thrusts”; and the final on “Grounded Realities & Implications of MPI”. The forum wrapped up with a Q&A segment, followed by Concluding Remarks delivered by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. Through this dialogue, MySDG Academy and APPGM-SDG continue to build strong platforms that shape effective, people-centred strategies to prevent poverty and advance Malaysia's SDG agenda.




12-13.10.2025

'North Agri-Excellence 2025' di Kebun Model Ipoh

North Agri-Excellence 2025 at Ipoh Model Farm

Latihan Wilayah Utara – 'North Agri-Excellence 2025' merupakan program dua hari yang berjaya diadakan pada 12 dan 13 Oktober 2025 di Ipoh, dengan tumpuan kepada pertanian mampan. Acara yang diadakan di Kebun Model Ipoh (IMF) dan Cititel Express Ipoh ini, telah menghimpunkan 26 peserta, termasuk Rakan Solusi (SP) APPGM-SDG, penerima manfaat, petani muda, dan ahli NGO. Latihan ini dirasmikan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan menampilkan ucapan khas oleh YB Tuan M. Kulasegaran V. Murugeson (Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen Ipoh Barat). Majlis penutup, yang diadakan pada 13 Oktober 2025, disempurnakan oleh Tn. Sariee Bakar (Penghulu Tertinggi Daerah Kuala Kangsar). Pakar dari Jabatan Pertanian Negeri Perak, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), dan perunding IMF telah menyediakan latihan praktikal dan perbincangan interaktif, yang secara signifikan meningkatkan pengetahuan, motivasi, dan keyakinan peserta dalam amalan pertanian mampan, dengan sesi susulan tambahan dirancang untuk mengukuhkan lagi kemahiran baharu ini.

The North Regional Training – North Agri-Excellence 2025 was a successful two-day programme held on October 12th and 13th in Ipoh, focusing on sustainable agriculture. The event, held at the Ipoh Model Farm (IMF) and Cititel Express, gathered 26 participants, including APPGM-SDG Solution Providers, young farmers, and beneficiaries. The training was officiated by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria and featured a special address by YB Tuan M. Kulasegaran V. Murugeson (Deputy Minister and Member of Parliament for Ipoh Barat). The closing ceremony, held on 13th October 2025, was graced by Mr. Sariee Bakar (Penghulu Tertinggi Daerah Kuala Kangsar). Experts from the Department of Agriculture Perak, Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), and IMF consultants provided hands-on training and interactive discussions, which significantly boosted participants' knowledge, motivation, and confidence in sustainable farming practices, with an additional follow-up session planned to reinforce these new skills.



Hari pertama latihan yang diadakan di Kebun Model Ipoh
The first day of training held at Ipoh Model Farm



Hari kedua latihan yang diadakan di Cititel Express Ipoh
The second day of training held at Cititel Express Ipoh


23.10.2025

Peluncuran Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 *Launch of 2025 Parliament Constituency Issue Mapping Report Compilation*

Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG, telah mengadakan Majlis Peluncuran 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025' & Buku 'Merangka Langkah Ke Arah Masa Depan Mampan: Bengkel Pembangunan Kapasiti 2025' pada 23 Oktober 2025 di Parlimen Malaysia. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi dan majlis turut dihadiri dengan 11 Ahli Parlimen yang telah terlibat dalam gerak kerja APPGM-SDG, wakil Pusat SDG Negara, URBANICE dan staf APPGM-SDG.

The Constituency Coordination Department, APPGM-SDG, held the Launching Ceremony of the '2025 Parliamentary Constituency Issue Mapping Report Compilation' (Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025) & the Book 'Framing Steps Towards a Sustainable Future: Capacity Building Workshop 2025' (Merangka Langkah Ke Arah Masa Depan Mampan: Bengkel Pembangunan Kapasiti 2025) on 23 October 2025, at the Malaysian Parliament. The ceremony was officiated by YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Deputy Minister of Economy, and was also attended by 11 Members of Parliament who have been involved in APPGM-SDG's work, representatives from the National SDG Centre, URBANICE, and APPGM-SDG staff.

“

"Saya melihat hasil penyelidikan ini membuka ruang baharu dalam memahami keperluan rakyat dengan lebih menyeluruh. Usaha pemetaan isu ini amat selaras dengan tumpuan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang menekankan pembangunan wilayah yang seimbang dan berteraskan kesejahteraan rakyat."

"I see the results of this research opening a new space for a more comprehensive understanding of the people's needs. This effort in issue mapping is highly aligned with the focus of the Thirteenth Malaysia Plan (13MP), which emphasises balanced regional development rooted in the well-being of the people."

- YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib



"Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025" oleh APPGM-SDG merangkumi enam (6) jilid mengikut zon termasuk Wilayah Sabah dan Sarawak. Laporan ini merupakan hasil dapatan kajian lapangan di 28 kawasan Parlimen seluruh Malaysia. Buku "Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan" pula menyimpulkan dapatan bengkel kapasiti di 24 kawasan terpilih antara bulan Januari hingga September 2025. Kedua-duanya menekankan penglibatan komuniti, data kukuh dan FGD untuk mengenal pasti isu SDG dalam dimensi sosial, alam sekitar dan ekonomi, mewujudkan pemilikan bersama serta cadangan intervensi inklusif mampan. Dokumen ini menjadi rujukan komprehensif bagi dasar tatakelola, pemimpin dan NGO dalam pembangunan akar umbi tanpa meminggirkan komuniti rentan.

The '2025 Parliamentary Constituency Issue Mapping Report Compilation' (Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025) by APPGM-SDG comprises six (6) volumes according to zone, including the Sabah and Sarawak Regions. This report is the result of study findings across 28 parliamentary constituencies throughout Malaysia. The book 'Framing Steps Towards a Sustainable Future' (Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan) summarises the findings of the capacity building workshops held in 24 selected constituencies between January and September 2025. Both publications emphasise community involvement, robust data, and Focus Group Discussions (FGD) to identify SDG issues across the social, environmental, and economic dimensions, fostering shared ownership and proposing sustainable, inclusive intervention recommendations. These documents serve as a comprehensive reference for governance policies, leaders, and NGOs in grassroots development without marginalising vulnerable communities.



Ucapan Perasmian oleh YB Tuan Saifuddin Abdullah
Officiating Remarks by YB Tuan Saifuddin Abdullah



Kata-Kata Aluan dan Pengenalan oleh Dr. Teo Lee Ken
Opening Remarks and Introduction by Dr. Teo Lee Ken



Maylis Peluncuran



Imbas untuk
salinan digital

Scan to access
the e-copy




26.10.2025

Majlis Pelancaran Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur

Launching Ceremony of the Ruang Komuniti MySDG for the East Coast Zone

Telah berlangsung Majlis Pelancaran Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur di Kota Bharu, Kelantan pada 26 Oktober 2025 dengan kehadiran pihak berkepentingan dalam usaha memperkukuh agenda pembangunan mampan di rantau Pantai Timur. Majlis telah disempurnakan oleh YB Mohamad Nazwan Ismail, Ketua Jajahan Tumpat.

Majlis turut dihadiri oleh beberapa tetamu kehormat termasuk YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff (Ahli Parlimen Rantau Panjang), YB Dato' Hajah Mumtaz Md Naw (Ahli Parlimen Tumpat) dan YB Tuan Haji Abdul Latiff Abdul Rahman (Ahli Parlimen Kuala Krai). Turut hadir Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan James Raj.

Ruang komuniti ini diwujudkan sebagai platform kolaborasi antara pelbagai pihak kerajaan, komuniti dan sektor swasta bagi memperkukuh pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat akar umbi. Ia juga menjadi pusat rujukan dan aktiviti komuniti yang menyokong kesejahteraan sosial, ekonomi dan alam sekitar di Zon Pantai Timur.

The Launching Ceremony of the Ruang Komuniti MySDG for the East Coast Zone, took place in Kota Bharu, Kelantan, on 26 October 2025, with the attendance of stakeholders working to strengthen the sustainable development agenda in the East Coast region. The ceremony was officiated by YB Mohamad Nazwan Ismail, Tumpat District Head.

The event was also attended by several distinguished guests, including YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff (MP for Rantau Panjang), YB Dato' Hajah Mumtaz Md Naw (MP for Tumpat), and YB Tuan Haji Abdul Latiff Abdul Rahman (MP for Kuala Krai). Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria and James Raj were also present.

This community space was established as a collaborative platform among various parties—government, community, and the private sector—to strengthen the implementation of the Sustainable Development Goals (SDG) at the grassroots level. It also serves as a reference and community activity centre that supports social, economic, and environmental well-being in the East Coast Zone.




27-28.10.2025

Forum Intervensi Dasar SDG: Residen & Pegawai Daerah *SDG Policy Intervention Forum: Residents & District Officers*

'Forum Intervensi Dasar SDG: Residen & Pegawai Daerah' telah berlangsung pada 27-28 Oktober 2025 di Hotel Armada, Petaling Jaya. Program ini menghimpunkan seramai 139 peserta yang terdiri daripada Timbalan Residen, Pegawai Daerah (DO), Ketua Jajahan, Ketua Penolong Pegawai Daerah (CADO), Penolong Pegawai Daerah (ADO), Pegawai Pejabat Daerah dan Tanah, Penyelaras Tempatan (LC) serta Rakan Solusi (SP) APPGM-SDG.

Forum dua hari ini berfungsi sebagai platform untuk perkongsian amalan terbaik dan perbincangan antara pemimpin bahagian dan daerah di 55 kawasan intervensi dasar APPGM-SDG, dengan tema "Tadbir Urus Mampan sebagai Pemacu Pembangunan Akar Umbi."

Forum ini merupakan antara objektif utama Inisiatif Intervensi Dasar, iaitu hasil kerjasama antara APPGM-SDG, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan. Pelbagai sesi diadakan termasuk uaputama, ceramah, panel, serta perkongsian pengalaman dan amalan terbaik daripada tokoh perkhidmatan awam, ahli akademik, serta para peserta lain. Pusat Pameran Wilayah dan Zon turut diadakan yang menampilkan inisiatif tempatan APPGM-SDG, termasuk sorotan projek solusi dan kebun komuniti.



'The SDG Policy Intervention Forum: Residents & District Officers' was held on 27-28 October 2025 at the Armada Hotel, Petaling Jaya. The programme brought together a total of 139 participants consisting of Deputy Residents, District Officers (DO), Ketua Jajahan, Chief Assistant District Officers (CADO), Assistant District Officers (ADO), District and Land Office Officers, Local Coordinators (LC), and APPGM-SDG Solution Providers (SP).

This two-day forum served as a platform for sharing best practices and discussions among divisional and district leaders in the 55 APPGM-SDG policy intervention areas, under the theme 'Sustainable Governance as the Driver of Grassroots Development.'



The Forum is among the main objectives of the Policy Intervention Initiative, a collaboration between APPGM-SDG, Yayasan Hasanah and the Ministry of Finance. Various sessions were held, including keynotes, talks, panels, as well as the sharing of experiences and best practices from public service figures, academics, and other participants. Our zone/region Ruang Komuniti SDG activities also showcased.

Ucapan perasmian telah diberikan oleh Tan Sri Dato' Sri Prof. Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Pengerusi UCYP dan Profesor di Jeffrey Sachs Centre for Sustainable Development dan Ucapan Khas disampaikan oleh Pn. Siti Kamariah Ahmad Subki, Pemegang Amanah dan Pengarah Urusan Yayasan Hasanah yang turut melancarkan Buku 'Laporan Awal Inisiatif Intervensi Dasar', yang mendokumentasikan usaha dan impak awal inisiatif ini hasil kerjasama bersama pejabat pentadbiran bahagian dan daerah di seluruh negara. Perasmian program disempurnakan bersama jemputan kehormat termasuk Tan Sri Sulaiman Mahbob, Dato' Sri Mustapa Mohamed, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Dr. Ahmad Hezri Adnan, Pegawai Yayasan Hasanah dan Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria.

Hasil daripada forum ini, sebuah Buku Amalan Terbaik akan diterbitkan, menampilkan artikel yang ditulis oleh staf dan penyelaras tempatan yang terlibat dalam inisiatif ini. Buku tersebut dijangka menjadi rujukan penting bagi pegawai dan pemimpin daerah dalam memperkukuh nilai serta amalan tadbir urus mampan di peringkat akar umbi.

The opening address was delivered by Tan Sri Dato' Sri Prof. Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Chairman of UCYP and Professor at the Jeffrey Sachs Centre for Sustainable Development, and a Special Address was given by Ms. Siti Kamariah Ahmad Subki, Trustee and Managing Director of Yayasan Hasanah, who also launched the book 'Preliminary Report on the Policy Intervention Initiative,' (Laporan Awal Inisiatif Intervensi Dasar) which documents the early efforts and impact of this initiative resulting from collaboration with divisional and district administrative offices nationwide. The programme was jointly officiated with distinguished guests including Tan Sri Sulaiman Mahbob, Dato' Sri Mustapa Mohamed, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Dr. Ahmad Hezri Adnan, officers from Yayasan Hasanah, and Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria.

As a result of this forum, a Best Practices Book will be published, featuring articles written by the staff and local coordinators involved in this initiative. The book is expected to be a crucial reference for district officers and leaders in strengthening the values and practices of sustainable governance at the grassroots level.



Imbas untuk
salinan digital

Scan to access
the e-copy




30.10.2025

Pengarusutamaan Sektor Ketiga sebagai Rakan Kongsi dalam Pelaksanaan RMK13 & Bengkel Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE
Mainstreaming the Third Sectors as Partners in Implementing 13MP & ASEAN SDG-SSE Roadmap Workshop

Akademi MySDG, dengan kerjasama APPGM-SDG, telah berjaya menganjurkan program 'Pengarusutamaan Sektor Ketiga sebagai Rakan Kongsi dalam Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) & Bengkel Pelan Hala Tuju SDG-SSE ASEAN.' Program tersebut menghimpunkan lebih 100 peserta dari pelbagai latar belakang dalam sektor ketiga, termasuk perusahaan sosial, NGO/CSO, dan NPO, bersama wakil dari kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Kementerian Ekonomi, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), ROY, dan lain-lain.

Program ini menyerlahkan sinergi yang semakin berkembang dalam mengukuhkan ekosistem Sektor Ketiga Malaysia, selaras dengan RMK13. Sesi perbincangan utama meneroka topik mengenai ketahanan, keterlihatan, dan model perniagaan inklusif untuk Sektor Ketiga. Antara aktiviti program adalah sesi panel, *Roving Workshop* dan perbincangan berkumpulan. Program ini juga berfungsi sebagai platform untuk membincangkan Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE, yang melengkapi usaha berterusan untuk memperkukuh Sektor Ketiga di peringkat nasional dan serantau.

MySDG Academy, in collaboration with APPGM-SDG, successfully organised the event "Mainstreaming the Third Sector as Partners in Implementing RMK13 & ASEAN SDG-SSE Roadmap Workshop." The event gathered over 100 participants from diverse backgrounds within the third sector, including social enterprises, NGOs/CSOs, and NPOs, alongside representatives from ministries and government agencies such as the Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development (KUSKOP), the Ministry of Economy, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Registrar of Youth (ROY), and many others.

This event highlighted the growing synergy in strengthening Malaysia's Third Sector ecosystem, aligning with the 13th Malaysia Plan (RMK13) launched by the Prime Minister. Key discussion sessions explored topics on resilience, visibility, and inclusive business models for the Third Sector. Among the programme activities were panel sessions, Roving Workshop, and group discussions. The programme also served as a platform to discuss the ASEAN SDG-SSE Roadmap, which complements ongoing efforts to strengthen the Third Sector at both national and regional levels.





AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH

ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

Aktiviti-aktiviti Zon & Wilayah menampilkan pelaksanaan penyetempatan SDG di seluruh negara melalui pelbagai inisiatif di peringkat zon dan wilayah. Setiap zon telah melaksanakan sesi pemetaan isu, dialog antara agensi, serta bengkel pembangunan kapasiti melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Ahli Parlimen, agensi kerajaan, komuniti dan institusi akademik. **Pendekatan ini memperkukuh kerjasama merentasi sektor dan membina ekosistem sokongan yang mampan di peringkat akar umbi.**

Segala pelaksanaan ini digerakkan dengan sokongan berterusan daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG yang menyediakan panduan teknikal, bahan komunikasi, dan pemantauan strategik.

*Activities of Zones & Regions highlight the implementation of SDG localisation efforts across Malaysia through initiatives carried out at the zone and regional levels. Each zone has conducted issue mapping sessions, inter-agency dialogues (IAD), and capacity-building workshops involving key stakeholders, including Members of Parliament, government agencies, communities, and academic institutions. **This approach strengthens cross-sector collaboration and builds a sustainable grassroots support ecosystem.***

All initiatives are carried out with continued support from the APPGM-SDG Headquarter, which provides technical guidance, communication materials, and strategic monitoring.

Accomplished



2.10.2025

Majlis Penutupan Projek Cendawan Kasih Organik

Closing Ceremony of the Cendawan Kasih Organik Project

10



Dr. Thanaraj telah mewakili pasukan Unit Keterjaminan Makanan ke Majlis Penutupan Projek Cendawan Kuih Organik telah diadakan di Maahad Tahfiz Al-Quran Al Barakah Lil Banat, Kampung Sempering, Kangar, Perlis. Majlis ini dihadiri oleh YB Tuan Zakri Hassan (Ahli Parlimen Kangar) bersama Prof. Madya Dr. Mohamed Najib Salleh, Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik UUM; Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Kamarul Irwan Abdul Rahim, Timbalan Dekan; dan Prof. Madya Dr. Noorulsadiqin Azbiya Yaacob selaku Pengurus Projek. Turut hadir Penyelaras Tempatan bagi kawasan Kangar, Arau dan Padang Besar. Antara kejayaan projek ini ialah produk cendawan kukur yang mendapat permintaan tinggi dengan harga RM100 sekilogram, peningkatan kemahiran dan minat peserta dalam menyediakan pelbagai juadah berasaskan cendawan kikir, penambahan lokasi penanaman, serta pengukuhan kolaborasi dengan pelbagai agensi dan unit.

Dr. Thanaraj represented the Food Security Unit team at the Closing Ceremony of the Organic Mushroom Confectionery Project held at Maahad Tahfiz Al-Quran Al Barakah Lil Banat, Kampung Sempering, Kangar, Perlis. The ceremony was attended by YB Tuan Zakri Hassan (Member of Parliament for Kangar), Associate Professor Dr. Mohamed Najib Salleh, Dean of the School of Technology Management and Logistics, UUM; Associate Professor Ts. Dr. Mohd Kamarul Irwan Abdul Rahim, Deputy Dean; and Associate Professor Dr. Noorulsadiqin Azbiya Yaacob as the Project Manager. Also present were Local Coordinators from Kangar, Arau, and Padang Besar. Among the project's achievements were the high demand for the splitgill mushroom product, priced at RM100 per kilogram; the participants' improved skills and growing interest in preparing various mushroom-based dishes; the expansion of cultivation sites; and strengthened collaborations with various agencies and units.

3.10.2025

Sesi Kunjung Hormat dan Perbincangan Bersama Agensi Fokal

Courtesy Visit and Discussion with Focal Agencies

11



Sesi Kunjung Hormat dan Perbincangan Bersama Agensi Fokal yang kedua kalinya telah diadakan bersama Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Perak, Tn. Ts. Osman Haji Isa, serta pegawai daripada setiap unit jabatan. Sesi ini adalah untuk memahami struktur organisasi jabatan dan berkongsi mengenai gerak kerja APPGM-SDG. Pihak APPGM-SDG turut didedahkan kepada pencapaian serta penyelesaian cabaran yang dihadapi oleh JKKP.

The second session of the Courtesy Visit and Discussion with Focal Agencies was held with the Director of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Perak, Mr. Ts. Osman Haji Isa, along with officers from various departmental units. The session aimed to understand the department's organisational structure and share insights on APPGM-SDG's work processes. APPGM-SDG team was also briefed on the department's achievements and its approaches to addressing challenges.

4.10.2025

Parlimen Kuantan - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025

Kuantan Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme

12



Program 'Pemantapan Kepimpinan Kejiranan Inklusif' bagi kejranaan Taman Seri Inderapura, Kuantan telah diadakan di Hotel Megaview, Kuantan dengan kehadiran 30 pemimpin komuniti, Ahli Majlis Bandaraya Kuantan dan Pegawai Khas kepada YB Senator Datuk Hajah Fuziah Salleh. Program ini melibatkan lapan subkomuniti pelbagai kaum termasuk PEKERTI, PESBREND, tiga KRT, BAKTI, Jiranita KRT dan PIBG SK Bunut Rendang. Fokus utama adalah memperkukuh pengurusan Projek Asuhan Anak Ikan Patin Kolam Kanvas bersama Kebun Komuniti MBK, serta membincangkan hala tuju program komuniti 2025 dan 2026.


The 'Pemantapan Kepimpinan Kejiranan Inklusif' for the Taman Seri Inderapura neighbourhood, Kuantan, was held at the Megaview Hotel, Kuantan, with the attendance of 30 community leaders, a Kuantan City Council Member, and a Special Officer to YB Senator Datuk Hajah Fuziah Salleh. The programme involved eight multi-ethnic sub-communities including PEKERTI, PESBREND, three KRTs, BAKTI, Jiranita KRT, and the SK Bunut Rendang PIBG. The main focus was strengthening the management of the Canvas Pond Patin Fish Fry Rearing Project alongside the MBK Community Garden, as well as discussing the direction of community programmes for 2025 and 2026.

7.10.2025

Perbincangan mengenai Program Pembangunan Belia Berisiko

Discussion on the Youth-at-Risk Development Programme

13



Perbincangan mengenai Program Pembangunan Belia Berisiko telah diadakan bersama tujuh ketua cawangan MIYC Perak bagi mendapatkan sokongan mereka dalam mengenal pasti belia yang sesuai untuk projek perintis akan datang di Ipoh. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh James Raj, Vikneswaran, Yoogeswaran dan Pn. Mary Malar, bersama En. Varatharasan Subramaniam, SP merangkap Presiden MIYC Perak, yang turut membawa pasukannya bagi menyokong misi ini.


A discussion on the Youth Risk Development Programme was held with seven branch leaders from MIYC Perak to seek their support in identifying suitable youths for the upcoming pilot project in Ipoh. The meeting was attended by James Raj, Vikneswaran, Yoogeswaran, and Ms. Mary Malar, along with Mr. Varatharasan Subramaniam, SP and President of MIYC Perak, who brought his dedicated team onboard to support the mission.

9.10.2025

Daerah Seberang Perai Tengah - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Kali Ke-2

Seberang Perai Tengah District - The 2nd SDG Committee Meeting

14



Mesyuarat Jawatankuasa SDG Kali Ke-2 Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pinang, Pejabat Daerah dan Tanah SPT, dipengerusikan oleh Dato' Kamarul Haizal Koderat (DO SPT) dengan kehadiran 20 wakil agensi kerajaan. Mesyuarat membincangkan hasil pemetaan isu pencemaran dan kesejahteraan rakyat, dengan sokongan penuh Dato' Kamarul untuk menyelesaikan isu berbangkit. Agensi turut aktif memberi maklum balas, manakala penyerahan surat rasmi dan buku tahunan APPGM-SDG turut dijalankan. Dato' Kamarul merakamkan penghargaan kepada APPGM-SDG atas jemputan ke Forum Pegawai Daerah dan menyatakan sokongan terhadap program pembangunan kapasiti akan datang.

The 2nd SDG Committee Meeting for the Central Seberang Perai District was held at the Pinang Meeting Room, District and Land Office SPT, chaired by Dato' Kamarul Haizal Koderat (District Officer, SPT) and attended by 20 representatives from various government agencies. The meeting discussed the findings of issue mapping related to pollution and community wellbeing, with Dato' expressing full support to resolve the highlighted concerns. Agencies actively provided feedback throughout the session, and the official letter and APPGM-SDG Annual Report were also presented. Dato' DO conveyed his appreciation to APPGM-SDG for the invitation to the District Officers Forum and expressed his support for upcoming capacity-building programmes.

10.10.2025

Program Festival IDEA@Kedah: Taklimat Geran Inovasi Sosial*The Festival IDEA@Kedah Programme: Briefing on the Social Innovation Grant under APPGM-SDG*

15



Program Festival IDEA@Kedah: Taklimat Geran Inovasi Sosial di bawah APPGM-SDG telah diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan menampilkan James Raj, sebagai penceramah jemputan. Dalam sesi tersebut, beliau berkongsi pandangan mengenai keberkesanan model APPGM-SDG dalam pelaksanaan projek berasaskan komuniti serta menekankan bagaimana model ini menyokong pendekatan pembangunan mampan di peringkat akar umbi melalui kolaborasi antara universiti, komuniti dan kerajaan tempatan.

The Festival IDEA@Kedah Programme: Briefing on the Social Innovation Grant under APPGM-SDG was held at Universiti Utara Malaysia (UUM), featuring James Raj as the guest speaker. During the session, he shared insights on the effectiveness of the APPGM-SDG model in implementing community-based projects and emphasised how this model supports sustainable development approaches at the grassroots level through collaboration between universities, communities, and local authorities.

11.10.2025

Parlimen Langkawi - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan*Langkawi Parliament - Capacity Building Programme for Local Leaders*

16



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan Parlimen Langkawi telah diadakan di De Baron Resort sebagai sebahagian daripada Inisiatif Intervensi Dasar APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah bagi memperkukuh peranan pemimpin komuniti. Seramai 27 peserta hadir dengan objektif mempertingkatkan tadbir urus tempatan serta kefahaman terhadap konsep SDG. Peserta aktif dalam perbincangan dan pembentangan kumpulan dengan maklum balas positif terhadap program yang interaktif dan bermanfaat. Program ini turut menghasilkan cadangan pembangunan komuniti berasaskan SDG dan dirasmikan oleh Tn. Mohd Saiful Mustafa, Pegawai Khas kepada Ahli Parlimen Langkawi.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 1: Local Leaders for Langkawi Parliamentary Constituency was held at De Baron Resort as part of the APPGM-SDG and Yayasan Hasanah Policy Intervention Initiative to strengthen the role of community leaders. A total of 27 participants took part with the objective of improving local governance and understanding of the SDG framework. Participants were actively engaged in group discussions and presentations, giving positive feedback on the programme's interactive and beneficial approach. The programme also produced SDG-based community development proposals and was officiated by Mr. Mohd Saiful Mustafa, Special Officer to the Member of Parliament for Langkawi.

12.10.2025

Parlimen Batu Kawan - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025

Batu Kawan Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) 2025

17



Program “Hari Komuniti Masyarakat Perai 2.0” telah diadakan di Taman Perai Utama, Pulau Pinang dengan penyertaan 250 peserta. Majlis dirasmikan oleh YB Dato’ Seri Sundarajoo, Exco Perumahan dan Alam Sekitar Pulau Pinang, serta dihadiri oleh En. Ponnudurai (Ahli Majlis MBSP), Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan Karuppiyah. Program ini bertujuan mengeratkan hubungan komuniti dan memperkukuh semangat kehiranan melalui pelbagai aktiviti menarik bersama agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan komuniti

“Perai Community Day 2.0” was held at Taman Perai Utama, Penang, with the participation of 250 attendees. The event was officiated by YB Dato’ Seri Sundarajoo, Penang State Executive Councillor for Housing and Environment, and attended by Mr. Ponnudurai (MBSP Council Member), Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, and Karuppiyah. The programme aimed to strengthen community ties and foster neighbourhood spirit through various engaging activities involving government agencies, private sectors, and community organisations.

12.10.2025

Daerah Kuala Muda - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Kuala Muda District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

18



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan Daerah Kuala Muda telah diadakan di Park Avenue Hotel dengan penyertaan 28 peserta daripada pelbagai latar belakang. Peserta memberikan kerjasama yang baik, berkongsi pandangan serta menekankan isu-isu penting untuk diketengahkan kepada agensi berkaitan, selain berjaya membentangkan hasil perbincangan setiap aktiviti. Program ini dirasmikan oleh YB Dr. Mohammed Taufiq Johari, Ahli Parlimen Sungai Petani.

The Capacity Building Policy Intervention Workshop Series 1: Local Leaders of Kuala Muda District was held at Park Avenue Hotel with the participation of 28 attendees from various backgrounds. Participants demonstrated strong cooperation, shared valuable insights, and highlighted key issues to be addressed by relevant agencies, while also successfully presenting the outcomes of each group discussion. The programme was officiated by YB Dr. Mohammed Taufiq Johari, Member of Parliament for Sungai Petani.

13.10.2025

RTD Mengenai Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dan Inisiatif untuk Komuniti India Malaysia

RTD on the Thirteenth Malaysia Plan (RMK13) and Initiatives for the Malaysian Indian Community

19



Perbincangan Meja Bulat (RTD) mengenai Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dan Inisiatif untuk Komuniti India Malaysia telah diadakan bagi membincangkan arah tuju, strategi dan pelaksanaan dasar RMK13 dengan fokus kepada pembangunan sosioekonomi komuniti India bersama masyarakat, akademik dan NGO. Majlis dirasmikan oleh YB Tuan M. Kulasegaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi). Sesi kumpulan fokus meneliti pelaksanaan dan isu komuniti pasca RMK13 (2026–2030), bertujuan memperkukuh dasar inklusif serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat India dalam pembangunan nasional.

The Roundtable Discussion (RTD) on the Thirteenth Malaysia Plan (RMK13) and Initiatives for the Malaysian Indian Community was held to discuss the direction, strategies, and policy implementation under RMK13, focusing on the socio-economic development of the Indian community in collaboration with local communities, academia, and NGOs. The event was officiated by YB Tuan M. Kulasegaran, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform). The focus group session examined the implementation and post-RMK13 community issues (2026–2030), aiming to strengthen inclusive policies and enhance the well-being of the Indian community within the national development framework.

13.10.2025

Kunjungan Hormat - Pejabat Daerah dan Tanah Kinta

Courtesy Visit - Kinta District and Land Office

20



Kunjungan hormat bersama Tn. Zulhisham Ahmad Shukori, Pegawai Daerah Kinta, telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta bagi membincangkan pelbagai isu sosial, ekonomi dan komuniti setempat. Dalam pertemuan tersebut, beliau menyatakan sokongan penuh terhadap APPGM-SDG, manakala isu berkaitan penempatan dan kebajikan warga emas turut dibangkitkan. Buku Laporan Tahunan 2024 turut diserahkan kepada beliau sebagai rujukan, dan beliau memaklumkan bahawa Penolong Pegawai Daerah (ADO) akan mewakili Pejabat Daerah Kinta bagi menghadiri Forum Intervensi Dasar SDG yang akan datang.

A courtesy visit was held with Mr. Zulhisham Ahmad Shukori, District Officer of Kinta, at the Kinta District and Land Office to discuss various social, economic, and community-related issues. During the meeting, he expressed his full support for the APPGM-SDG, while issues concerning housing and the welfare of the elderly were also raised. The 2024 Annual Report was presented to him as a reference, and he informed that the Assistant District Officer (ADO) would represent the Kinta District Office at the upcoming SDG Policy Intervention Forum.

14.10.2025

Daerah Kuala Muda - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Kali Ke-1*Kuala Muda District - The First SDG Committee Meeting*

21



Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Kali Ke- 1 Peringkat Daerah Kuala Muda telah diadakan di Pejabat Daerah Kuala Muda dan dipengerusikan oleh Tn. Azmin Zainol Abidin (Pegawai Daerah Kuala Muda). Perbincangan berjalan lancar dengan kerjasama yang baik daripada semua agensi. Pegawai Daerah menjelaskan bahawa platform SDG ini memberi tumpuan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh komuniti dan telah merumuskan isu-isu tersebut di bawah enam teras utama: Pertumbuhan Ekonomi, Infrastruktur dan Utiliti, Sosial dan Budaya, Kesejahteraan Rakyat, Kewarganegaraan, serta Kemampanan Alam Sekitar.

The first SDG Committee Meeting for Kuala Muda District was held at the Kuala Muda District Office, chaired by Azmin Zainol Abidin (Kuala Muda District Officer). The discussion ran smoothly with strong cooperation from all agencies. The District Officer clarified that this SDG platform focuses on community-raised issues and summarised them under six pillars: Economic Growth, Infrastructure and Utilities, Social and Cultural Development, People's Well-being, Citizenship, and Environmental Sustainability.

14.10.2025

Daerah Seberang Perai Tengah - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan*Seberang Perai Tengah District - Capacity Building Workshop for Local Leaders*

22



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah telah diadakan di Hotel Ixora, Seberang Perai. Seramai 25 peserta telah menyertai program ini yang bertujuan memperkukuh keupayaan, kemahiran kepimpinan serta kefahaman terhadap peranan mereka dalam pembangunan komuniti. Program dirasmikan oleh Pn. Sharliza Wahab, Ketua Penolong Pegawai Daerah (CADO) Seberang Perai Tengah, dan menampilkan sesi pembentangan serta aktiviti interaktif mengenai kepimpinan berkesan, perancangan sosial dan pembangunan komuniti. Majlis penutup disempurnakan oleh Dr. Thanaraj yang menekankan kepentingan kolaborasi antara pemimpin akar umbi dan pihak berkuasa tempatan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 1: Local Leaders of Seberang Perai Tengah District was held at Hotel Ixora, Seberang Perai, with 25 participants. The programme aimed to strengthen leadership capacity, skills, and understanding of participants' roles in community development. It was officiated by Ms. Sharliza Wahab, Deputy District Officer (CADO) of Seberang Perai Tengah, and featured presentations and interactive activities on effective leadership, social planning, and community development. The closing ceremony was officiated by Dr. Thanaraj, who emphasised the importance of collaboration between grassroots leaders and local authorities in ensuring community wellbeing.

17.10.2025

Parlimen Taiping - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025

Taiping Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) 2025

23



"Program Ziarah Asnaf Komuniti Muhibbah Semua Kaum (Muhibbah) Semua Kaum" telah diadakan di Dewan KRT Pokok Assam, menumpukan penyampaian bakul makanan sempena Deepavali kepada penduduk miskin pelbagai kaum. Dihadiri Tn. Muhammad Ikhwan Ng Abdullah (Penolong Pegawai Perpaduan Daerah Larut Matang/Selama), program ini dijalankan bagi membantu golongan miskin serta mengenal pasti keperluan mereka. Inisiatif susulan termasuk Kursus Gunting Rambut bersama Kolej Komuniti Taiping dan Program Inspirasi Belia.

"Program Ziarah Asnaf Komuniti Muhibbah Semua Kaum (Muhibbah) Semua Kaum" was held at the Pokok Assam Rukun Tetangga Hall, focusing on distributing food baskets in conjunction with Deepavali to underprivileged residents of various communities. Attended by Mr. Muhammad Ikhwan Ng Abdullah (District Unity Officer for Larut Matang/Selama District), the programme was carried out to assist low-income families and identify their needs. Follow-up initiatives included a Haircut Course with Taiping Community College and a Youth Inspiration Programme.

18.10.2025

Daerah Seberang Perai Utara - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Seberang Perai Utara District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

24



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan Daerah Seberang Perai Utara telah diadakan di Hotel Jannah, Kepala Batas. Program ini bertujuan memperkukuh keupayaan, kemahiran kepimpinan serta kefahaman peserta terhadap peranan mereka dalam pembangunan komuniti setempat, ke arah melahirkan pemimpin akar umbi yang berdaya saing. Antara objektif utama program ialah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pemimpin tempatan, menggalakkan kerjasama antara pemimpin komuniti, agensi kerajaan dan NGO, serta mewujudkan jaringan komuniti yang proaktif dan responsif terhadap isu-isu setempat.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 1: Local Leaders of Seberang Perai Utara District was held at Hotel Jannah, Kepala Batas. The programme aimed to strengthen participants' capabilities, leadership skills, and understanding of their roles in community development, towards nurturing more competitive grassroots leaders. Its key objectives were to enhance leadership knowledge and skills among local leaders, encourage collaboration between community leaders, government agencies, and NGOs, and establish a proactive and responsive community network in addressing local issues.

18.10.2025

Daerah Barat Daya - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Barat Daya District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

25



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan Daerah Barat Daya telah diadakan di Penang Marriott Hotel. Program ini bertujuan memperkukuh keupayaan, kemahiran kepimpinan dan kefahaman peserta terhadap peranan mereka dalam pembangunan komuniti, selaras dengan SDG. Ia juga bertujuan melahirkan pemimpin akar umbi yang berdaya saing dan berwawasan melalui kerjasama strategik antara pemimpin komuniti, agensi kerajaan dan NGO. Program ini dihadiri pemimpin pelbagai lapisan termasuk wakil MPKK, Komuniti Madani, Pejabat Parlimen Bayan Baru dan Bayan Lepas, penghulu mukim, PDK serta NGO tempatan yang aktif dalam pembangunan masyarakat.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 1: Local Leaders of Barat Daya District was held at the Penang Marriott Hotel. The programme aimed to strengthen participants' leadership capacity, skills, and understanding of their roles in community development, in line with the SDGs. It also sought to nurture competitive and visionary grassroots leaders through strategic collaboration between community leaders, government agencies, and NGOs. The programme was attended by leaders from various sectors, including representatives from MPKK, Komuniti Madani, the Parliamentary Offices of Bayan Baru and Bayan Lepas, Mukim Chiefs, PDK, and local NGOs actively involved in community development.

18.10.2025

Parlimen Sungai Siput - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025

Sungai Siput Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) 2025

26



Program "Hari Sukan Negara Peringkat Kg Jaya Setia" telah diadakan di Padang Bola Kg Jaya Setia dan Dewan Baharu, dengan kehadiran sekitar 300 orang peserta. Program yang melibatkan pemimpin, ahli jawatankuasa penduduk dan komuniti ini bertujuan melahirkan generasi sihat dan cergas. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Tn. Arif Zakri Dato' Zulkifli (Pengerusi Majlis Belia Sg Siput) dan Datuk Zaitun Abd Rahman (Ketua Wanita UMNO Bahagian Sg Siput). Turut hadir Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan Karupiah.

"National Sports Day at Kg Jaya Setia" Programme was held at the Kg Jaya Setia Football Field and the new community hall, with around 300 participants in attendance. The programme, involving local leaders, committee members, and community residents, aimed to promote a healthy and active generation. Distinguished guests included Mr. Arif Zakri Dato' Zulkifli (Chairman of the Sg. Siput Youth Council), and Datuk Zaitun Abd Rahman (Head of the Sg. Siput UMNO Women's Division). Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan Karupiah also attended this programme.

24.10.2025

Parlimen Ipoh – Kerjasama antara Hotel Weil, Persatuan Prihatin Perak & Persatuan Sahabat Pejuang Kanser Negeri Perak

Ipoh Parliament - Collaboration between Weil Hotel with Perak Caring Association & Persatuan Sahabat Pejuang Kanser Negeri Perak

27



Sebagai sebahagian daripada inisiatif CSR mereka, Hotel Weil telah menyumbangkan sabun terpakai kepada Rakan Solusi (SP) iaitu Persatuan Prihatin Perak dan Persatuan Sahabat Pejuang Kanser Negeri Perak. Sabun-sabun ini akan diguna semula untuk menghasilkan produk sabun kreatif seperti jambangan bunga sabun dan balang hiasan sabun, sekali gus memberi manfaat kepada penerima projek serta menyokong inisiatif komuniti mampan.

As part of their CSR initiative, Weil Hotel contributed used soaps to Solution Providers (SP), the Perak Caring Association and Persatuan Sahabat Pejuang Kanser Negeri Perak. These soaps will be repurposed to produce creative soap products such as soap flower bouquets, decorative soap jars etc., benefiting the project's beneficiaries and supporting sustainable community initiatives.

26.10.2025

Majlis Sambutan Deepavali - Persatuan Prihatin Perak

Deepavali Celebration - Persatuan Prihatin Perak

28



Rose Helen telah menghadiri Majlis Sambutan Deepavali anjuran Persatuan Prihatin Perak bersama ahli-ahli persatuan, pelajar LAB, guru-guru dan komuniti setempat dengan kehadiran sekitar 120 peserta di pejabat mereka di Meru. Sambutan ini penuh bermakna kerana menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat untuk berkongsi kegembiraan dan semangat Deepavali dalam suasana yang mesra dan penuh kasih sayang.

Rose Helen joined the Deepavali Celebration, organised by Persatuan Prihatin Perak. The celebration invited their members, LAB students, teachers and community, totaling around 120 participants, at their Meru office. It was a meaningful celebration that brought together people from various backgrounds to share the joy and spirit of Deepavali in a warm and caring atmosphere.



ZON TENGAH | CENTRAL ZONE

SELANGOR | WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

4.10.2025

Parlimen Batu - Majlis Perasmian Program Kejiranan Alam Sekitar

Batu Parliament - Opening Ceremony for Environmental Neighbourhood Programme

29



Karuppiah menghadiri Majlis Perasmian Program Kejiranan Alam Sekitar anjuran KRT Beringin, Parlimen Batu dengan kerjasama DBKL. Program disempurnakan oleh Tn. Ismadi Sarin, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL, mewakili Datuk Bandar Kuala Lumpur. Dipimpin oleh Pn. Rozaini, Pengerusi KRT PPR Beringin, program ini bertujuan meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan alam sekitar dan kesihatan. Seramai 300 penduduk setempat turut hadir memeriahkan majlis kelestarian tersebut.

Karuppiah attended the Opening Ceremony and Environmental Neighbourhood Programme organised by KRT Beringin, Batu Parliamentary Constituency, in collaboration with DBKL. The programme was officiated by Mr. Ismadi Sarin, Executive Director of Socioeconomic Development at DBKL, representing the Mayor of Kuala Lumpur. Led by Ms. Rozaini, Chairperson of KRT PPR Beringin, the programme aimed to raise community awareness on the importance of environmental conservation and health. A total of 300 local residents attended and enlivened the sustainability event.

18.10.2025

Parlimen Gombak - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025

Gombak Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) 2025

30



"Program Pemantapan Kepimpinan Jawatankuasa Kejiranan" telah dianjurkan di Hotel Grand Continental, Kuala Lumpur. Program yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang ini dihadiri oleh 25 ahli jawatankuasa KRT PPR Batu Muda dan bertujuan mempertingkatkan inklusiviti serta kelestarian dalam kepimpinan komuniti setempat.

"Program Pemantapan Kepimpinan Jawatankuasa Kejiranan" was held at the Grand Continental Hotel, Kuala Lumpur. Held from 8.00 a.m. to 4.30 p.m., the programme was attended by 25 members of the PPR Batu Muda Rukun Tetangga Committee and aimed to enhance inclusivity and sustainability in local community leadership.





25-26.10.2025

Parlimen Lembah Pantai- Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025
Lembah Pantai Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) 2025

31



Program “Pemantapan Pengurusan Kepimpinan Persatuan Penduduk PPR Seri Cempaka Pantai Dalam Kuala Lumpur” telah diadakan di Riang Ria Beach Resort, Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Melaka. Program bertemakan Pemantapan Pengurusan Kepimpinan ini bertujuan menghargai sumbangan AJK yang telah banyak berkhidmat tanpa sebarang upah serta memperkukuh semangat kerjasama dalam kalangan ahli jawatankuasa. Turut hadir ialah En. Hazizi, wakil Pejabat Khidmat Masyarakat Masjid Tanah bagi YB Datuk Seri Hajah Ermieyati Shamsuddin, dan penceramah jemputan Dr. Muhd Nurishaq Mohd Fauzi.

“Pemantapan Pengurusan Kepimpinan Persatuan Penduduk PPR Seri Cempaka Pantai Dalam Kuala Lumpur” Programme was held at Riang Ria Beach Resort, Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Melaka. The programme, themed Leadership Management Strengthening, aimed to appreciate the contributions of committee members who have served voluntarily without any remuneration, while fostering teamwork and cooperation among the committee. Also present were Mr. Hazizi, representing the Masjid Tanah Community Service Office of YB Datuk Seri Hajah Ermieyati Shamsuddin, and guest speaker Dr. Muhd Nurishaq Mohd Fauzi.



ZON PANTAI TIMUR | EAST COAST ZONE

KELANTAN | TERENGGANU | PAHANG

1.10.2025

Parlimen Paya Besar - Lawatan Projek Kebun Sayur dan Cili Bara

Paya Besar Parliament - Vegetable and Cili Bara Garden Project Visit

32



Lawatan projek telah diadakan ke Projek Kebun Sayur dan Cili Bara yang mempunyai 200 beg poli tanaman cili dan terung dengan penyertaan guru, pensyarah UMP dan UIA serta ibu bapa pelajar. Projek ini juga menjadi aktiviti kokurikulum Kelab Pencinta Alam dan mata pelajaran Sains. Tanaman bermula daripada semaian sebelum dipindahkan ke beg poli, dengan pemantauan menggunakan teknologi IoT. Kawasan dijaga pekerja upahan kerana kekangan masa guru, manakala penuaian dilakukan sendiri dan hasil dijual.

A project visit was held to the Vegetable and Cili Bara Garden Project, which consists of 200 polybags of chilli and eggplant cultivated with the participation of teachers, lecturers from UMP and IIUM, as well as students' parents. The project also serves as a co-curricular activity for the Nature Lovers Club and the Science subject. Planting begins with seedlings before being transferred to polybags, with monitoring supported by IoT technology. The area is maintained by hired workers due to teachers' time constraints, while harvesting is done by the participants themselves and the produce is sold.

1.10.2025

Parlimen Maran - Lawatan Projek PDK Maran

Maran Parliament - Community Rehabilitation Centre Project Visit

33



Lawatan projek telah diadakan ke Projek Menangani Kekurangan Sumber dan Dana Untuk Kelestarian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Maran (Kelab Srikandi Mawaddah Maran). Projek ini melibatkan pembelian peti sejuk, mixer dan stand oven bagi menyokong aktiviti PDK, dengan penyertaan 11 peserta berumur 6 hingga 50 tahun. Peruntukan membantu operasi PDK yang sebelum ini kekurangan dana, khususnya untuk aktiviti luar. Walaupun terhad, PDK tetap menyediakan ruang pembelajaran dan aktiviti harian seperti sesi mewarna.

A project visit was held for the project Addressing the Lack of Resources and Funds for the Sustainability of the Maran Community-Based Rehabilitation Centre (PDK) (Maran Mawaddah Srikandi Club). This project involved the purchase of a refrigerator, a mixer, and a stand oven to support the PDK's activities, with the participation of 11 attendees aged 6 to 50 years old. The allocation helps the PDK's operations, which previously suffered from a lack of funds, especially for outdoor activities. Despite limited resources, the PDK continues to provide a learning space and daily activities such as colouring sessions.

1.10.2025

Parlimen Maran - Lawatan Projek Urutan Orang Asli*Maran Parliament - Orang Asli Massage Project Vlsit*

34



Lawatan projek telah diadakan untuk Projek Urutan Orang Asli yang menetap di Kampung Paya Besar. Projek ini mengalami kelewatan akibat beberapa cabaran seperti faktor kesihatan Rakan Solusi, lokasi projek yang kurang sesuai, peserta terdiri daripada komuniti Orang Asli dari pelbagai kawasan, bukan hanya Paya Besar, yang menimbulkan kekangan pengurusan dan pelaksanaan.

A project visit was held for the Orang Asli Massage Project located in Kampung Paya Besar. The project experienced delays due to several challenges, such as the Solution Provider's health factors, the project's unsuitable location, and participants consisting of the Orang Asli community from various areas, not just Paya Besar, which created management and implementation constraints.

1.10.2025

Pembentangan Perlaksanaan Inisiatif Intervensi Dasar di Kelantan*Presentation on the Implementation of the Policy Intervention Initiative in Kelantan*

35



APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat dan pembentangan Inisiatif Intervensi Dasar bersama Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Haji Hassan, untuk membincangkan penubuhan sebuah Jawatankuasa SDG Multi-agensi dan Matlamat Pembangunan Islamic (IDG). YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli menyambut baik inisiatif berimpak tinggi hasil kerjasama dengan Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan Malaysia ini, dan mencadangkan agar ia disepadukan dengan Kerangka IDG sebagai kerangka pentadbiran mampan negeri. YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli, bersama Ahli Parlimen Tumpat, turut menyarankan agar dasar-dasar kerajaan negeri seperti Dasar Berkeadilan & Kesejahteraan Rakyat serta Indeks Sosio-Taqwa diangkat sebagai model pembelajaran dasar kesejahteraan rakyat di peringkat wilayah dan kebangsaan. APPGM-SDG diwakili oleh Ahli Jawatankuasa termasuk YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff dan YB Dato' Hajah Mumtaz Md Naw, serta delegasi Sekretariat dan Penyelaras Tempatan.

APPGM-SDG held a courtesy visit and presentation on the Policy Intervention Initiative with the Deputy Chief Minister of Kelantan, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Haji Hassan, to discuss the establishment of a Multiagency SDG Committee and IDG. YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli welcomed this high-impact initiative—a collaboration with Yayasan Hasanah and the Ministry of Finance Malaysia—and suggested that it be integrated with the IDG Framework as the state's sustainable governance framework. YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli, along with the Member of Parliament for Tumpat, also recommended that state government policies such as the Welfare and People's Well-being Policy (Dasar Berkeadilan & Kesejahteraan Rakyat) and the Socio-Taqwa Index (Indeks Sosio-Taqwa) be adopted as models for learning about people's welfare policy at the regional and national levels. APPGM-SDG was represented by Committee Members, including YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff and YB Dato' Hajah Mumtaz Md Naw, as well as a delegation from the Secretariat and Local Coordinators.

2.10.2025

Parlimen Tanah Merah - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Tanah Merah Parliament - Capacity Building Workshop for Local Leaders

36



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Parlimen Tanah Merah telah diadakan di Selesa Hall, Tanah Merah. Bengkel ini merangkumi tiga modul utama iaitu Bahagian 1: Pengenalan mengenai SDG dan isu-isu tematik, Bahagian 2: Perancangan fizikal daerah serta kesannya terhadap sosioekonomi dan budaya, dan Bahagian 3: Pengenalan kerja sosial serta pengurusan komuniti. Sepanjang sesi, peserta memberikan kerjasama yang baik dalam perbentangan dan aktiviti. Seramai 17 orang telah menyertai bengkel ini, terdiri daripada Penghulu Mukim, Penghulu tanpa Mukim serta wakil-wakil jawatankuasa kampung.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 1: Local Leaders for the Tanah Merah Parliamentary Constituency was held at Selesa Hall, Tanah Merah. The workshop covered three main modules: Part 1 – Introduction to the SDGs and thematic issues; Part 2 – District physical planning and its socio-economic and cultural impacts; and Part 3 – Introduction to social work and community management. Throughout the session, participants demonstrated excellent cooperation during presentations and activities. A total of 17 participants attended the workshop, comprising Mukim Chiefs, Non-Mukim Chiefs, and representatives from village committees.

4.10.2025

Program Latihan Pengucapan Awam Murid Sekolah

Public Speaking Training Programme for School Students

37



Program Latihan Pengucapan Awam Murid Sekolah telah dijalankan di Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur dengan penyertaan 17 murid Tahun 4 hingga Tahun 6. Program ini bertujuan membina keyakinan dan kemahiran asas pengucapan seperti intonasi, ekspresi wajah dan gerak badan, dikendalikan oleh tenaga pengajar berpengalaman yang berjaya mencetuskan semangat peserta. Sijil penyertaan akan diserahkan semula ke sekolah untuk pengiktirafan rasmi, sekali gus mempromosikan peranan Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur dalam memperkasa pembangunan murid di peringkat sekolah.

Public Speaking Training Programme for School Students was conducted at Ruang Komuniti MySDG for the East Coast Zone, involving 17 students from Year 4 to Year 6. The programme aimed to build students' confidence and develop basic public speaking skills such as intonation, facial expression, and body movement. Conducted by experienced trainers, the session successfully inspired and motivated participants. Certificates of participation will be presented at the school level as official recognition, indirectly promoting the role of the Ruang Komuniti MySDG for the East Coast Zone in empowering student development within schools.

6.10.2025

Daerah Bera - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan*Bera District - Capacity Building Workshop for Local Leaders*

38



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Bera telah diadakan di Dewan Cemerlang, Majlis Daerah Bera, dengan penyertaan seramai 37 orang yang terdiri daripada Pengerusi JPKK, KRT, NGO, Persatuan Penduduk serta ahli jawatankuasa komuniti pelbagai kaum termasuk Melayu, Cina, India dan Orang Asli. Bengkel ini merangkumi tiga modul utama iaitu pengenalan mengenai SDG dan isu-isu tematik, perancangan fizikal daerah serta kesannya terhadap sosioekonomi dan budaya, dan pengenalan kepada kerja sosial serta pengurusan komuniti.

The Capacity Building Workshop on Policy Intervention Series 1: Local Leaders for the Bera District was held at Dewan Cemerlang, Bera District Council, with 37 participants comprising JPKK chairpersons, KRT members, NGOs, Residents' Associations, and local community committee members representing Malay, Chinese, Indian, and Orang Asli communities. The workshop covered three main modules: an introduction to the SDGs and thematic issues, district physical planning and its socio-economic and cultural impacts, and an introduction to social work and community management.

7.10.2025

Daerah Kuala Nerus - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan*Kuala Nerus District - Capacity Building Workshop for Local Leaders*

39



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Kuala Nerus telah diadakan di Dewan Serindit, Pejabat Daerah Kuala Nerus, dengan penyertaan 27 orang terdiri daripada Pengerusi JPKK dan wakil NGO. Bengkel ini dirasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah (ADO) Kuala Nerus, Tengku Hafiz Tengku Heng, bersama Penghulu Tinggi. Peserta terdiri daripada pelbagai kaum termasuk Melayu dan Cina. Bengkel ini meliputi tiga modul utama iaitu pengenalan SDG dan isu tematik, perancangan fizikal daerah serta kesannya terhadap sosioekonomi dan budaya, serta pengenalan kerja sosial dan pengurusan komuniti.

The Capacity Building Workshop on Policy Intervention Series 1: Local Leaders for the Kuala Nerus District was held at Dewan Serindit, Kuala Nerus District Office, with 27 participants comprising JPKK Chairpersons and NGO representatives. The workshop was officiated by the Assistant District Officer (ADO) of Kuala Nerus, Tengku Hafiz Tengku Heng, together with the Senior Village Chief. Participants included various ethnic groups, namely Malay and Chinese. The workshop covered three main modules: an introduction to the SDGs and thematic issues, district physical planning and its socio-economic and cultural impacts, and an introduction to social work and community management.

9.10.2025

Parlimen Kuantan - Perbincangan Pra-Majlis Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Antara Agensi

*Kuantan Parliament - Pre-Council Discussion for the Inter-Agency Policy
Intervention SDG Committee Meeting*

40



Perjumpaan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah Kuantan (CADO), Tn. Nazrifairuz Mahmod, telah diadakan bagi membincangkan isu-isu dalam folder analisis isu dengan fokus mendapatkan pandangan beliau mengenai agensi yang sesuai untuk dijemput ke Mesyuarat Jawatankuasa SDG bagi menjawab isu berkaitan. Dalam masa yang sama, tarikh Mesyuarat Jawatankuasa SDG Pertama turut ditetapkan pada 13 Oktober 2025.

A meeting with the Chief Assistant District Officer (CADO) of Kuantan, Mr. Nazrifairuz Mahmod, was held to discuss the issues outlined in the issue analysis folder, focusing on obtaining his views on suitable agencies to be invited to the SDG Committee Meeting to address related matters. At the same time, the date for the First SDG Committee Meeting was set for 13 October 2025.

9.10.2025

Daerah Kemaman - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Kemaman District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

41



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Kemaman telah diadakan di Bilik Syarahan, Pejabat Daerah Kemaman, dengan penyertaan seramai 23 orang terdiri daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi JPKK serta wakil NGO. Bengkel ini merangkumi tiga modul utama iaitu pengenalan mengenai SDG dan isu-isu tematik, perancangan fizikal daerah serta kesannya terhadap sosioekonomi dan budaya, serta pengenalan kepada kerja sosial dan pengurusan komuniti.

The Capacity Building Workshop on Policy Intervention Series 1: Local Leaders for the Kemaman District was held at the Lecture Room, Kemaman District Office, with 23 participants consisting of JPKK Chairpersons, Deputy Chairpersons, and NGO representatives. The workshop covered three main modules: an introduction to the SDGs and thematic issues, district physical planning and its socio-economic and cultural impacts, and an introduction to social work and community management.

11.10.2025

Daerah Jeli - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Jeli District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

42



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Jeli, Kelantan telah diadakan di Dewan Seminar QAS Hotel, Bukit Bunga, dengan penyertaan seramai 12 orang terdiri daripada Penghulu, Setiausaha, JKKP dan Ketua NGO, termasuk wakil masyarakat Orang Asli dari Kampung Sungai Rual. Bengkel ini merangkumi tiga modul utama iaitu pengenalan mengenai SDG dan isu-isu tematik, perancangan fizikal daerah serta kesannya terhadap sosioekonomi dan budaya, serta pengenalan kepada kerja sosial dan pengurusan komuniti.

The Capacity Building Workshop on Policy Intervention Series 1: Local Leaders for the Jeli District, Kelantan, was held at the QAS Hotel Seminar Hall, Bukit Bunga, with 12 participants comprising Village Heads, Secretaries, JKKP members, and NGO leaders, including representatives from the Orang Asli community of Kampung Sungai Rual. The workshop covered three main modules: an introduction to the SDGs and thematic issues, district physical planning and its socio-economic and cultural impacts, and an introduction to social work and community management.

13.10.2025

Daerah Kuantan - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Kali Pertama

Kuantan District - First Meeting of the SDG District Policy Intervention Committee

43



Mesyuarat pertama Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Daerah Kuantan dengan penglibatan seramai 28 orang daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan berkepentingan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tn. Nazrifairuz Mahmod, Penolong Ketua Pegawai Daerah (CADO) Kuantan, serta dibantu oleh Pn. Amirah Ismail dan Nordalilah Abd Jalil dari Pejabat Tanah Daerah. Sesi ini memberi tumpuan kepada pembentangan dan penerangan isu-isu berdasarkan pemetaan isu yang lepas, diikuti dengan maklum balas ringkas daripada agensi yang hadir. Pembentangan isu telah disampaikan oleh Penyelaras Tempatan (LC) Indera Mahkota, Wasifa. Turut hadir, Dr. Siti Nur Ain, bersama LC yang lain, Suhaila, Syahida, dan Iman.

The first meeting of the SDG Committee for District Policy Intervention in Kuantan was attended by 28 representatives from various government agencies, statutory bodies, and relevant organisations. The meeting was chaired by Mr. Nazrifairuz Mahmod, Assistant District Officer (CADO) of Kuantan, and assisted by Ms. Amirah Ismail and Ms. Nordalilah Abd Jalil from the District Land Office. The session focused on the presentation and explanation of issues based on previous issue mapping, followed by brief feedback from the participating agencies. The issue presentation was delivered by the Local Coordinator of Indera Mahkota, Wasifa. Also in attendance were Dr. Siti Nur Ain, along with other LCs, Suhaila, Syahida, and Iman.

14.10.2025

Daerah Kuala Nerus - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Kali Ke-2

Kuala Nerus District - Second District Policy Intervention SDG Committee Meeting

44



Mesyuarat Kedua Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Daerah Kuala Nerus diadakan dengan penyertaan 27 wakil agensi kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan berkepentingan. Dipengerusikan oleh En. Abd Razak Abd Rahman, Ketua Penolong Pegawai Daerah (CADO) Kuala Nerus, mesyuarat menumpukan kepada pembentangan dan maklum balas isu berdasarkan pemetaan terdahulu dengan respon konstruktif daripada agensi yang hadir. Pembentangan disampaikan oleh Atikah, LC Kuala Nerus bersama Masniza Eliyana Idayu dan Noor Aini.

The Second District Policy Intervention SDG Committee Meeting for Kuala Nerus was held with the participation of 27 representatives from various government agencies, statutory bodies, and relevant organisations. Chaired by Mr. Abd Razak Abd Rahman, Chief Assistant District Officer (CADO) of Kuala Nerus, the meeting focused on issue presentations and feedback based on previous mappings, with constructive responses from attending agencies. The presentation was delivered by Atikah, LC for Kuala Nerus, assisted by Masniza Eliyana Idayu and Noor Aini.

14.10.2025

Program 'Terengganu Smart City Activation Day 2025'

Terengganu Smart City Activation Day 2025 Programme

45



Program 'Terengganu Smart City Activation Day 2025' yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar telah menghimpunkan semua Pegawai Daerah di Negeri Terengganu bersama pelbagai agensi bagi merealisasikan visi "Ke arah Terengganu Pintar, Sejahtera dan Dinamik Menjelang 2040" serta misi untuk menjadikan pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai peneraju utama dalam perancangan dan pembangunan bandar pintar melalui kerjasama antara agensi. Program ini menampilkan tujuh komponen utama iaitu *Smart People*, *Smart Government*, *Smart Digital Infrastructure*, *Smart Environment*, *Smart Mobility*, *Smart Economy*, dan *Smart Living* di bawah Projek Smart Terengganu, yang merangkumi 46 projek perintis daripada tujuh PBT di Negeri Terengganu, selaras dengan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dan Ke-13.

The Terengganu Smart City Activation Day 2025, officiated by YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, gathered all district officers in Terengganu along with various agencies to advance the vision of "Towards a Smart, Prosperous and Dynamic Terengganu by 2040" and the mission of positioning local authorities (PBT) as key drivers of smart city planning and development through inter-agency collaboration. The programme highlighted seven key components: Smart People, Smart Government, Smart Digital Infrastructure, Smart Environment, Smart Mobility, Smart Economy, and Smart Living, under the Smart Terengganu Project, which encompasses 46 pilot projects from seven local authorities, aligned with initiatives under the 12th and 13th Malaysia Plans.

15.10.2025

Daerah Kemaman - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar

Kemaman District - Meeting of the SDG District Policy Intervention Committee

46



Mesyuarat Pertama Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Daerah Kemaman disertai 35 wakil agensi kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan berkepentingan. Dipengerusikan oleh Pn. Hanum Isa @ Ghazali dan dibantu En. Ahmad Bukhari Abdul Rahman, mesyuarat menumpukan kepada pengenalan APPGM-SDG, intervensi dasar multiagensi, pembentangan hasil pemetaan serta maklum balas agensi. Pembentangan disampaikan oleh Penyelaras Tempatan Kemaman, Dr. Rabeah Adawiyah, dengan kehadiran Dr. Siti Nur Ain dan LC iaitu Syahida dan Iman.

The First Meeting of the SDG District Policy Intervention Committee for Kemaman was attended by 35 representatives from various government agencies, statutory bodies, and relevant organisations. Chaired by Ms. Hanum Isa @ Ghazali and assisted by Mr. Ahmad Bukhari Abdul Rahman, the meeting focused on the introduction of APPGM-SDG, multi-agency policy interventions, presentation of mapping results, and agency feedback. The presentation was delivered by Kemaman Local Coordinator's Dr. Rabeah Adawiyah, with the attendance of Dr. Siti Nur Ain and LC Syahida, and Iman.

19-21.10.2025

Parlimen Cameron Highlands - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025

Cameron Highlands Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) 2025

47



Program “Lawatan Penanda Aras JPKKOA Gerachi Jaya dan Kejiranan” telah diadakan di Taman Eko Rimba Lata Kinjang, Chenderiang dan Cameron Highlands dengan kehadiran 16 peserta. Program ini bertujuan memperkukuh ilmu kepimpinan dan etika kerja JPKKOA ke arah tadbir urus yang lebih berkesan. Modul yang dilaksanakan merangkumi pembentukan organisasi berasaskan model komuniti Lata Kinjang, komunikasi dua hala melalui sesi soal jawab, kerjasama berpasukan melalui aktiviti berkumpul, serta keusahawanan yang membuka ruang kepada idea dan produk berpotensi.

“Lawatan Penanda Aras JPKKOA Gerachi Jaya dan Kejiranan” Programme was held at Taman Eko Rimba Lata Kinjang, Chenderiang, and Cameron Highlands with the participation of 16 attendees. The programme aimed to strengthen leadership knowledge and work ethics of JPKKOA towards more effective governance. The modules implemented covered organisational development based on the Lata Kinjang community model, two-way communication through Q&A sessions, teamwork through group activities, and entrepreneurship that provided space for exploring potential ideas and products.

20.10.2025

Daerah Tumpat - Program Sukaneka Komuniti Siam Kg. Jambu*Tumpat District - Community Sports Day for the Siamese Community of Kg. Jambu*

48



Program Sukaneka Komuniti Siam Kg Jambu, Tumpat, Kelantan telah diadakan di Wat Phothivihan dengan kehadiran seramai 180 peserta. Acara sukaneka ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi (Ahli Parlimen Tumpat) dan Hj Mohd Rusli Abdullah (ADUN Wakaf Bharu) bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kesukanan dalam kalangan komuniti Siam setempat.

The Community Sports Day for the Siamese Community of Kg Jambu, Tumpat, Kelantan was held at Wat Phothivihan with a total of 180 participants. The event was officiated by YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi (MP Tumpat) and Hj Mohd Rusli Abdullah (ADUN Wakaf Bharu) aimed to strengthen community bonds while promoting the spirit of sportsmanship among the local Siamese community.

21.10.2025

Kunjungan Hormat daripada Pertubuhan Serumpun Lestari Negeri Kelantan*Courtesy Visit from Pertubuhan Serumpun Lestari Negeri Kelantan*

49



Pertubuhan Serumpun Lestari Negeri Kelantan telah mengadakan kunjungan hormat ke Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur. Kunjungan tersebut dihadiri oleh Hafizul Nizam Abdullah (Pengerusi), Zulkefnain Ismail (Setiausaha Agung), Muhammed Rizzal Abiding (AJK Negeri & Pengerusi Daerah Kuala Krai) dan Norasikin Che Omar (AJK Negeri). Perbincangan menumpukan kepada peluang kerjasama antara APPGM-SDG dan Pertubuhan Serumpun Lestari Negeri Kelantan. Pn. Norasikin, Pegawai Eksekutif Unit Korporat dan Penjenamaan Proton JM Automobile, turut berkongsi minat untuk menjalin kerjasama antara APPGM-SDG dan sektor korporat dalam pembangunan pendidikan, peluang kerjaya serta kesihatan mental melalui inisiatif CSR. APPGM-SDG mengalu-alukan kerjasama pelbagai pihak dalam usaha penyetempatan SDG di peringkat komuniti.

Pertubuhan Serumpun Lestari Negeri Kelantan made a courtesy visit to the Ruang Komuniti MySDG for the East Coast Zone. The visit was attended by Hafizul Nizam Abdullah (Chairman), Zulkefnain Ismail (Secretary-General), Muhammed Rizzal Abiding (State Committee Member & Kuala Krai District Chairperson), and Norasikin Che Omar (State Committee Member). The discussion focused on exploring potential collaborations between APPGM-SDG and Pertubuhan Serumpun Lestari Negeri Kelantan. Ms. Norasikin, Executive Officer of the Corporate and Branding Unit at Proton JM Automobile, also expressed interest in establishing cooperation between APPGM-SDG and the corporate sector in areas such as education development, career opportunities, and mental health through CSR initiatives. APPGM-SDG welcomes collaborations with various stakeholders to advance SDG localisation efforts at the community level.

22.10.2025

Daerah Bentong - Kunjungan Hormat

Bentong District - Courtesy Visit

50



Kunjungan hormat ke Pejabat Daerah Bentong dan bertemu dengan Pegawai Daerah, Dato' Mohammad Shahid Ismail, bagi menerangkan gerak kerja APPGM-SDG serta penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar di Bentong. Turut hadir ialah Paniirselvam dan Suhaila (LC). Dalam kunjungan itu, pihak APPGM-SDG turut menyerahkan Laporan Tahunan 2024 kepada Pegawai Daerah, yang menyambut baik inisiatif ini. Hasil perbincangan menetapkan bahawa penubuhan jawatankuasa tersebut akan ditentukan dalam masa terdekat.

A courtesy visit was made to the Bentong District Office to meet with the District Officer, Dato' Mohammad Shahid Ismail, to present the work of APPGM-SDG and discuss the establishment of the District Policy Intervention SDG Committee in Bentong. Also present were Paniirselvam and Suhaila (LC). During the visit, the APPGM-SDG team presented the 2024 Annual Report to the District Officer, who welcomed the initiative. The discussion concluded that the formation of the committee will be finalised in the near future.

24-26.10.2025

Parlimen Bentong - Pengesahan Isu bersama Komuniti

Bentong Parliament - FGD with 7 Communities

51



Sesi Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) untuk pemetaan isu di Parlimen Bentong telah dijalankan dengan melibatkan sembilan komuniti sasaran yang telah dikenal pasti. Sesi yang telah dilaksanakan merangkumi komuniti Ibu Tunggal, Peniaga dan Penjaja, komuniti Orang Asli dan komuniti Cina, komuniti OKU & PDK, komuniti India, komuniti Belia serta komuniti Petani & Penternak telah, dan komuniti Peneroka FELDA. Pelaksanaan FGD ini berjalan lancar dan teratur, dibantu oleh pegawai bertugas di setiap komuniti.

The Focus Group Discussion (FGD) session for issue mapping in the Bentong Parliament constituency was conducted, involving nine identified target communities. The sessions that were executed included the communities of Single Mothers, Traders and Hawkers, the Orang Asli community and the Chinese community, the PWD (OKU) & Community Rehabilitation Centre (PDK) community, the Indian community, Youth community and the Farmers & Breeders community, and the FELDA community. The implementation of this FGD proceeded smoothly and orderly, assisted by the officers in charge of each community.

25.10.2025

Daerah Kuantan - Program Jom Fit! Santai Sukan Rakyat

Kuantan District - The Jom Fit! Santai Sukan Rakyat Programme

52



Program “Jom Fit! Santai Sukan Rakyat” telah diadakan di Taman Berjaya Permai, Kuantan dengan kehadiran seramai 160 peserta. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Pengerusi JPKK Kempadang, En. Saaban Awang, Ahli Majlis Bandaraya Kuantan, Hj. Fakhru Anuar Zulkawi, dan Pegawai Perpaduan Daerah Kuantan, Pn. Mass Darlina Kassim. Program ini melibatkan pelbagai kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, pelajar, belia, dewasa dan warga veteran melalui penyertaan KRT, sukarelawan serta institusi tempatan seperti masjid dan kelab sukan. Pelbagai acara sukan diadakan mengikut peringkat umur dalam suasana ceria dan harmoni. Selain itu, booth saringan kesihatan percuma oleh Klinik Kesihatan Bandar Kuantan turut disediakan.

The “Jom Fit! Santai Sukan Rakyat” programme was held at Taman Berjaya Permai, Kuantan with a total of 160 participants. Distinguished guests included JPKK Kempadang Chairman, Mr. Saaban Awang, Kuantan City Council Member, Hj. Fakhru Anuar Zulkawi, and Kuantan District Unity Officer, Ms. Mass Darlina Kassim. The programme involved various community groups, including children, students, youth, adults, and senior citizens, through participation from KRT, volunteers, and local institutions such as mosques and sports clubs. A variety of sports activities were held in a cheerful and harmonious atmosphere, and a free health screening booth by the Kuantan City Health Clinic was also provided.

25.10.2025

Parlimen Pasir Puteh - Kunjung Hormat dan Lawatan Projek Solusi

Pasir Puteh Parliament - Courtesy and Solution Project Visit

53



Satu kunjungan hormat dan perjumpaan telah diadakan bersama Ahli Parlimen Pasir Puteh, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh, oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan James Raj. Perjumpaan ini turut merangkumi lawatan ke projek-projek solusi yang sedang giat dijalankan di Pasir Puteh, iaitu projek penternakan ikan sangkar dan projek usahanita pastri serta kek. Kunjungan ini telah menyuntik semangat dan komitmen yang tinggi dalam kalangan peserta dan rakan solusi untuk meneruskan usaha pembangunan ekonomi setempat.

A courtesy visit and meeting was held with the Member of Parliament for Pasir Puteh, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh, by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria and James Raj. This meeting also included a visit to the solution projects actively being carried out in Pasir Puteh, specifically the caged fish farming project and the women's enterprise (usahanita) pastry and cake project. This visit instilled high morale and commitment among the participants and solution partners to continue their efforts in local economic development.



NEGERI SEMBILAN | MELAKA | JOHOR

2.10.2025

Parlimen Kuala Pilah - Perjumpaan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah (CADO)
Kuala Pilah Parliament - Meeting with Chief Assistant District Officer (CADO)

54



Perjumpaan bersama Tn. Zamrizam Samsuri (CADO Kuala Pilah), telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah bagi membincangkan beberapa perkara utama. Program Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan dipersetujui berlangsung pada 15 Oktober 2025 di Hotel Melang Inn, manakala bersama agensi daerah ditetapkan pada 30 Oktober 2025 di lokasi sama. Mesyuarat SDG Bil. 2 Parlimen Kuala Pilah akan diadakan bersama Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) pada Oktober, dengan tarikh rasmi menunggu pengesahan DO.

A meeting with Mr. Zamrizam Samsuri (CADO of Kuala Pilah), was held at the Kuala Pilah District and Land Office to discuss several key matters. The Capacity Building Workshop for Local Leaders was agreed to be held on 15 October 2025 at Hotel Melang Inn, while for the district agencies was scheduled for 30 October 2025 at the same venue. The SDG Committee Meeting No. 2 for the Kuala Pilah Parliament will be held jointly with District Development Action Committee (JTPD) in October, with the official date pending confirmation from the District Officer (DO).

3.10.2025

Parlimen Tangga Batu - Perjumpaan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah (CADO)*Tangga Batu Parliament - Meeting with Chief Assistant District Officer (CADO)*

55



Perjumpaan bersama Tn. Mohd Azri Mohideen Abdul Kadir (CADO Melaka Tengah) telah diadakan bagi menetapkan tarikh Mesyuarat Jawatankuasa SDG Daerah Tangga Batu Bil. 02/2025. Dalam perbincangan tersebut, turut dimaklumkan cadangan untuk menganjurkan Program Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar bagi Pemimpin Tempatan dan Agensi Daerah. CADO Bahagian Pembangunan, telah bersetuju untuk memaklumkan perkara ini kepada para penghulu di kawasan DUN terlibat.

A meeting with Mr. Mohd Azri Mohideen Abdul Kadir (CADO of Melaka Tengah) was held to set the date for the Tangga Batu District SDG Committee Meeting No. 02/2025. During the discussion, a proposal was also presented to organise a Capacity Building Programme on Policy Intervention for Local Leaders and District Agencies. The CADO, from the Development Division, agreed to inform the village heads in the respective state constituencies (DUN) about the initiative.



5.10.2025

Parlimen Pulau - Program 'Majlis Keluarga Bersatu Jiwa'*Pulai Parliament - 'United Family of the Heart Gathering' Programme*

56



Program 'Majlis Keluarga Bersatu Jiwa' telah dilaksanakan di Pusat Persahabatan Kaarainagar, Kangkar Pulau dengan mencatatkan kehadiran seramai 233 orang dan dirasmikan oleh Ketua Kampung Melayu Kangkar Pulau. Program sehari suntuk ini menampilkan pelbagai acara yang meriah, menggabungkan persembahan kebudayaan seperti Tarian Kompang, Tarian Zapin, dan Silambam, sesi kesihatan seperti senaman yoga, serta ceramah pendidikan daripada Agensi Anti Dadah dan Malaysian Indian Youth Council.

The 'Majlis Keluarga Bersatu Jiwa' (United Family of the Heart Gathering) Programme was held at the Kaarainagar Friendship Centre, Kangkar Pulau, recording an attendance of 233 people and was officiated by the Village Head of Kampung Melayu Kangkar Pulau. This whole-day program featured various lively events, combining cultural performances such as Kompang Dance, Zapin Dance, and Silambam, health sessions like yoga exercises, as well as educational talks from the Anti-Dadah Agency (Anti-Drug Agency) and the Malaysian Indian Youth Council.

7.10.2025

Parlimen Mersing- Kunjungan Hormat*Mersing Parliament - Courtesy Visit*

57



Kunjungan hormat telah diadakan bersama Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan Mersing dengan tujuan memperkenalkan diri sebagai Penyelaras Tempatan (LC) APPGM-SDG serta menerangkan hala tuju Mesyuarat Jawatankuasa SDG Daerah Mersing. Susulan pelantikan Pengurus Besar yang baharu, sesi ini turut dimanfaatkan untuk memberi penerangan mengenai kronologi pemetaan isu tahun 2023 hingga Mesyuarat Jawatankuasa SDG Bil. 1, bagi mendapatkan maklum balas berkaitan isu dan keperluan yang telah dibangkitkan oleh komuniti peladang.

A courtesy visit was held with the General Manager of the Mersing Area Farmers' Organisation to introduce the Local Coordinator (LC) of APPGM-SDG and to explain the direction of the Mersing District SDG Committee Meeting. Following the appointment of the new General Manager, the session was also used to provide an overview of the issue mapping chronology from 2023 up to the first SDG Committee Meeting, in order to gather feedback on the issues and needs raised by the farming community.

15.10.2025

Daerah Kuala Pilah - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Kuala Pilah District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

58



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Kuala Pilah telah diadakan di Hotel Melang Inn, Kuala Pilah, melibatkan 22 orang peserta yang terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan NGO. Program ini membincangkan tiga modul utama, merangkumi Pengenalan APPGM-SDG, Perancangan Fizikal Daerah, dan Pengenalan Kerja Sosial serta Pengurusan Komuniti, dengan tujuan untuk memperkukuh pemahaman pemimpin tempatan mengenai isu tematik dan kesannya terhadap sosioekonomi dan budaya daerah.

The Capacity Building Workshop for Policy Intervention Series 1: Local Leaders for Kuala Pilah District was held at Hotel Melang Inn, Kuala Pilah, involving 22 participants comprising Village Development and Security Committee (JPKK) Chairmen and NGOs. The programme discussed three main modules, covering Introduction to APPGM-SDG, District Physical Planning, and Introduction to Social Work and Community Management, with the aim of strengthening local leaders' understanding of thematic issues and their effects on the district's socio-economy and culture.

16.10.2025

Daerah Jelevu - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Jelevu District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

59



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Jelevu telah diadakan di Hotel Sri Klawang, Jelevu, melibatkan seramai 19 orang peserta, terdiri daripada Pengerusi JPKK, Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT), dan NGO. Bengkel ini membincangkan tiga modul utama yang merangkumi pengenalan mengenai SDG dan isu tematik, perancangan fizikal daerah serta kesannya terhadap sosioekonomi dan budaya, di samping pengenalan kerja sosial dan pengurusan komuniti.

The Capacity Building Workshop for Policy Intervention Series 1: Local Leaders for Jelevu District was held at Hotel Sri Klawang, Jelevu, involving a total of 19 participants, consisting of JPKK Chairmen, Neighbourhood Watch (KRT) Chairmen, and NGOs. This workshop discussed three main modules, covering an introduction to the SDG and thematic issues, district physical planning and its effects on the socio-economy and culture, in addition to an introduction to social work and community management.

18.10.2025

Daerah Muar - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Muar District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

60



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Muar telah diadakan di Muar Traders Hotel, Muar, melibatkan 10 orang peserta termasuk ketua kampung, ketua Masyarakat Cina, dan NGO. Program ini membincangkan tiga modul utama mengenai Pengenalan APPGM-SDG dan Isu Tematik, Perancangan Fizikal Daerah, serta Kerja Sosial dan Pengurusan Komuniti, bertujuan untuk memperkukuh pemahaman dan kerjasama dalam pembangunan akar umbi. Program berjalan lancar dengan penglibatan aktif, dan maklum balas peserta amat positif, dengan sokongan penuh agar program seumpama ini diteruskan bagi mengukuhkan jaringan kerjasama antara pemimpin tempatan dan agensi kerajaan.

The Capacity Building Workshop for Policy Intervention Series 1: Local Leaders for Muar District was held at Muar Traders Hotel, Muar, involving 10 participants including village heads, Chinese community leaders, and NGOs. The programme discussed three main modules covering an introduction to the SDG and thematic issues, district physical planning and its effects on the socio-economy and culture, in addition to an introduction to social work and community management, aiming to strengthen understanding and cooperation in grassroots development. The programme ran smoothly with active involvement, and participant feedback was very positive, with full support for the continuation of such programmes to reinforce the network of cooperation between local leaders and government agencies.

19.10.2025

Daerah Tangga Batu - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Tangga Batu District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

61



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Tangga Batu telah diadakan di Puteri Bay Hotel, melibatkan seramai 10 orang peserta yang terdiri daripada Pengerusi JPKK, Pengerusi KRT, dan NGO. Dengan bantuan fasilitator dan penyelaras tempatan (LC), program berjalan dengan lancar dan mencatatkan penglibatan serta komitmen yang positif daripada peserta, yang membolehkan pemimpin tempatan menyuarakan isu-isu yang dihadapi di peringkat akar umbi.

The Capacity Building Workshop for Policy Intervention Series 1: Local Leaders for Tangga Batu District was held at Puteri Bay Hotel, involving a total of 10 participants consisting of JPKK Chairmen, KRT Chairmen, and NGOs. With the assistance of facilitators and local coordinators (LC), the programme ran smoothly and recorded positive involvement and commitment from the participants, enabling local leaders to voice the issues faced at the grassroots level.

21.10.2025

Daerah Tampin - Perjumpaan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah (CADO)

Tampin District - Meeting with Chief Assistant District Officer (CADO)

62



Satu perbincangan hala tuju Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan Daerah Tampin telah diadakan di Pejabat Daerah Kecil dan Tanah Gemas bersama CADO Tampin, Tn. Asri Md Yusof, dan Penghulu Mukim Air Kuning, Pn. Hazlina. Mesyuarat ini menekankan penglibatan pemimpin tempatan di Gemas, dengan sokongan untuk melibatkan penyelia PPDK bagi memperluas perbincangan dari perspektif OKU. Tn. Asri turut menegaskan kepentingan penyampaian penerangan SDG yang mudah dan berkesan kepada peserta.

A meeting regarding the direction of the Tampin District Capacity Building Workshop for Local Leaders was held at the Gemas Sub-District and Land Office with CADO of Tampin, Mr. Asri Md Yusof, and the Chief of Mukim Air Kuning, Ms. Hazlina. The meeting emphasised the involvement of local leaders in Gemas and supported the inclusion of PPDK supervisors to broaden discussions from the perspective of persons with disabilities (PWD). Mr. Asri also highlighted the importance of delivering SDG explanations in a simple and effective manner to participants.

23.10.2025

Daerah Jelebu - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah

Jelebu District - Capacity Building Workshop for District Agencies

63



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 2: Agensi Daerah bagi Daerah Jelebu telah diadakan di Hotel Sri Klawang, Jelebu, menghimpunkan 10 agensi utama termasuk Penghulu Daerah, FAMA, JKM, dan PKD. Program ini merangkumi modul yang menumpukan kepada Pengenalan SDG, Penilaian Risiko, Perancangan Fizikal Daerah, Peranan & Kepimpinan Agensi Daerah, serta Perancangan Agensi Daerah melalui Pelan Tindakan 2 Tahun. Program berjalan lancar dengan penglibatan aktif agensi-agensi, di mana mereka menyatakan sokongan penuh terhadap program tersebut. Maklum balas proaktif agensi dalam aktiviti berkumpul turut memberi input berharga mengenai isu yang diperoleh daripada pemimpin tempatan, dan mereka berharap agar program ini dapat diteruskan bagi memperkukuh perbincangan antara agensi di Jelebu.

The Capacity Building Workshop for Policy Intervention Series 2: District Agencies for Jelebu District was held at Hotel Sri Klawang, Jelebu, gathering 10 key agencies including the District Head (Penghulu Daerah), FAMA, JKM, and PKD. The programme covered modules focusing on the Introduction to SDGs, Risk Assessment, District Physical Planning, Roles & Leadership of District Agencies, and District Agency Planning through a 2-Year Action Plan. The programme ran smoothly with the active involvement of the agencies, who expressed full support for the initiative. The proactive feedback from the agencies during group activities also provided valuable input regarding issues obtained from local leaders, and they hope that this programme can be continued to strengthen inter-agency discussions in Jelebu.

WILAYAH SARAWAK | SARAWAK REGION

SARAWAK

1.10.2025

Daerah Kuching - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Kuching District - Community Rehabilitation Centre Study

64



Kajian tentang PDK telah dijalankan di PDK Suria Kuching yang berlangsung selama satu jam. Pada asalnya dikenali sebagai Pibakat 2, nama pusat ini ditukar kepada PPDK Suria Kuching pada tahun 2018 atas arahan JKM agar semua PDK berdaftar dengan ROS bagi melayakkan menerima geran Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU). Beliau juga menyatakan harapan agar hasil kajian ini bukan sahaja menambah baik data dan kualiti hidup OKU serta PDK, tetapi turut membuka peluang kepada sokongan kewangan bagi memperkasa program yang dijalankan.

A study on Community Rehabilitation Centre was conducted at PDK Suria Kuching and lasted for one hour. Originally known as Pibakat 2, the centre was renamed PPDK Suria Kuching in 2018 following a directive from the Department of Social Welfare (JKM) requiring all PDKs to register with the Registrar of Societies (ROS) to qualify for the JPOKU grant. The supervisor conveyed her aspiration that the findings of this study would not only improve data and the quality of life of persons with disabilities (OKU) and the PDK but also open opportunities for financial support to strengthen the programmes being implemented.

2.10.2025

Persidangan Kind Borneo 2025 di BCKK

The Kind Borneo 2025 Conference at BCKK

65



Raine Melissa, Eva Kristin, dan Corrin Alicia telah menghadiri Persidangan Kind Borneo 2025 di BCKK, sebuah platform untuk memperkukuh kerjasama NGO dengan pihak korporat dan yayasan. Melissa menjadi panelis dalam Sesi 2: 'Beyond Grants – A Strategic Blueprint for NGO Success', dengan menekankan kerjasama strategik bersama yayasan berkaitan kerajaan dan mekanisme sokongan. Beberapa Rakan Solusi turut berkongsi kerja mereka bersama komuniti rentan, termasuk Dato' Jacqueline Fong (Tanoti Sdn. Bhd.), Gill Raja (SWWS), Dr. Boon (MHAS), dan Datin Dona Drury Wee (SSPCA).

Raine Melissa, Eva Kristin, and Corrin Alicia attended the Kind Borneo 2025 Conference at BCKK, a platform to strengthen NGO partnerships with corporates and foundations. Melissa was a panelist in Session 2: Beyond Grants – A Strategic Blueprint for NGO Success, highlighting strategic collaborations with government-linked foundations and support mechanisms. Several Solution Providers also shared their work with vulnerable communities, including Dato' Jacqueline Fong (Tanoti Sdn. Bhd.), Gill Raja (SWWS), Dr. Boon (MHAS), and Datin Dona Drury Wee (SSPCA).

2.10.2025

Daerah Kuching - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Kuching District - Community Rehabilitation Centre Study

66



Kajian tentang PDK telah dijalankan di daerah Kuching yang melibatkan PPDK Petra Jaya. PPDK Petra Jaya aktif menggunakan Facebook untuk mempromosikan produk hasil gotong-royong penyelia, petugas dan pelatih, dengan hasil jualan digunakan bagi penyelenggaraan serta program pelatih. Isu utama melibatkan elaun rendah dan masalah keselamatan seperti kecurian. Mereka berharap kebajikan tenaga kerja dan pelatih dapat dipertingkatkan. Secara keseluruhan, PPDK Petra Jaya menunjukkan usaha proaktif menjana pendapatan, namun keberkesanan jangka panjang masih bergantung pada sokongan institusi yang berterusan.

A study on Community Rehabilitation Centre was conducted in the Kuching district, involving PPDK Petra Jaya. PPDK Petra Jaya actively uses Facebook to promote products made through the collaborative efforts of supervisors, staff, and trainees, with sales proceeds used for maintenance and trainee programmes. The main issues identified include low allowances and safety concerns such as theft. They expressed hope that the welfare of staff and trainees can be improved. Overall, PPDK Petra Jaya demonstrates proactive efforts in income generation, though its long-term effectiveness still depends on sustained institutional support.

3.10.2025

Daerah Julau - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Julau District - Community Rehabilitation Centre Study

67



Kajian tentang PDK yang melibatkan PDK Julau telah berlangsung selama satu jam. Penyelia berkongsi bahawa PDK ini ditubuhkan pada 23 April 2012 serta menjelaskan latar belakang dan penggunaan geran atau sumbangan yang diterima. Beliau memaklumkan bahawa masyarakat sekitar Julau masih kurang pendedahan tentang kepentingan dan peranan PDK. Antara isu utama yang dibangkitkan ialah elaun penyelia dan petugas yang tidak selaras dengan gaji maksimum semasa, keperluan pelantikan tetap bagi penyelia dan petugas, penambahbaikan kemudahan infrastruktur, penyediaan pengangkutan, kekurangan peruntukan aktiviti, keperluan kursus berkala, peningkatan promosi melalui media sosial bagi kemasukan pelatih OKU, serta keperluan memiliki bangunan PDK sendiri.

A study on the Community Rehabilitation Centre which involved PDK Julau was conducted for one hour. The supervisor shared that the centre was established on 23 April 2012 and explained its background as well as the use of grants or contributions received. She noted that the local community around Julau still lacks awareness of the importance and role of PDK. Among the key issues raised were the misalignment of supervisors' and staff allowances with the current maximum salary scale, the need for permanent appointments for supervisors and staff, improvements to infrastructure facilities, provision of transportation, limited funding for activities, the need for regular training courses, enhanced promotion through social media to encourage OKU (persons with disabilities) enrolment, and the need for a dedicated PDK building.

4.10.2025

Program Buku “Pemulai ke Nanga Jela” “Return to Nanga Jela” Programme

68



Raine Melissa telah menjadi moderator dalam satu sesi di Hotel Telang Usan yang menampilkan sarjana kemanusiaan Borneo terkemuka Dr. Christine Padoch, Jayl Langub dan Dr. Charlie Dudang, Pengarah Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS). Program anjuran bersama Friends of Sarawak Museum (FoSM), Sarawak Dayak Graduates Association (SDGA) dan Sarawak Heritage Society (SHS) ini menumpukan kepada buku dwibahasa Iban-Inggeris *Pemulai ke Nanga Jela / Return to Nanga Jela* karya Dr. Padoch, Bobby anak Nyegang dan Itin anak Langit, diterjemah oleh Dr. Dudang. Turut hadir ialah Dr. Eva Kristin, Prof. Datuk Dr. Jayum Jawan serta penyelidik Sarawak dalam bidang antropologi, sosiologi dan sejarah.

*Raine Melissa became the moderator for a session held at Telang Usan Hotel featuring renowned Bornean humanities scholars Dr. Christine Padoch, Jayl Langub, and Dr. Charlie Dudang, Director of Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS). The programme was organised in collaboration with the Friends of Sarawak Museum (FoSM), the Sarawak Dayak Graduates Association (SDGA), and the Sarawak Heritage Society (SHS), focusing on the bilingual Iban-English book *Pemulai ke Nanga Jela / Return to Nanga Jela*. Dr. Eva Kristin, Prof. Datuk Dr. Jayum Jawan, and several of Sarawak's distinguished researchers in anthropology, sociology, and history, including former lecturers and mentors from UNIMAS also attended.*

6.10.2025

Daerah Miri - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Miri District - Community Rehabilitation Centre Study

69



Kajian tentang PDK yang melibatkan PDK Pibakis Miri telah dijalankan selama dua jam dan disambut mesra oleh penyelia serta para petugas. PDK ini dikenali sebagai Pibakis sebelum didaftarkan semula di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memenuhi syarat pendaftaran dengan ROS untuk melayakkan menerima geran JPOKU. PDK Pibakis Miri mempunyai kemudahan mesra OKU, persekitaran kondusif, serta menerima pelbagai sumbangan termasuk barangan makanan, lampin pakai buang, dan bantuan kewangan daripada pemimpin tempatan seperti YB Tuan Chiew Choon Man, Ahli Parlimen Miri, serta ADUN kawasan tersebut.

A study on the Community Rehabilitation Centre which involved PDK Pibakis Miri was conducted over two hours and was warmly received by the supervisor and staff. The centre, originally known as Pibakis, was later re-registered under the Department of Social Welfare (JKM) to meet the registration requirements set by the Registrar of Societies (ROS) and to qualify for the JPOKU grant. PDK Pibakis Miri features OKU-friendly facilities and a conducive environment, and it receives various forms of contributions, including food supplies, disposable diapers, and financial assistance from local leaders such as YB Tuan Chiew Choon Man, Member of Parliament for Miri, and the area's State Assemblyman.

8.10.2025

Perbincangan Ringkas - Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC)

Brief Discussion - Sarawak Housing Development Corporation (HDC)

70



Sesi perbincangan bersama Pegawai HDC di Wisma Sultan Tengah, Kuching melibatkan En. Hamizan dan Pn. Crispin bagi menjelaskan gerak kerja pemetaan isu APPGM-SDG dan mendapatkan pandangan strategik untuk pelaksanaan FGD di Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Matang Batu 6 dan Batu 8. Pegawai HDC berkongsi cabaran seperti tunggakan yuran penyelenggaraan dan kegagalan AGM mencapai korum serta berminat menyertai FGD sebagai pemerhati dan menerima laporan dapatan bagi memahami isu komuniti dengan lebih mendalam.

A discussion session with HDC officers at Wisma Sultan Tengah, Kuching, involving Mr. Hamizan and Ms. Crispin, was held to clarify the APPGM-SDG issue mapping process and gather strategic input for the implementation of FGDs at People Housing Programme (RPR) Matang Batu 6 and Batu 8. HDC officers shared challenges such as maintenance fee arrears and the failure of AGMs to reach a quorum, and expressed interest in joining the FGDs as observers and receiving the findings report to better understand community issues.

8-9.10.2025

Program "ASEAN Sustainable Urbanisation Strategy (ASUS)"

"ASEAN Sustainable Urbanisation Strategy (ASUS)" Programme

71



Dr. Eva Kristin dan Raine Melissa merupakan antara penceramah jemputan dalam Program "ASEAN Sustainable Urbanisation Strategy (ASUS), Fasa II" anjuran UN-Habitat yang diadakan di The Ritz-Carlton, Kuala Lumpur. Program dua hari ini menghimpunkan wakil majlis bandar dan agensi serantau bagi membincangkan strategi mempercepat pelaksanaan ASUS melalui kerjasama pelbagai pihak, pembiayaan bersama dan perkongsian ilmu. Raine Melissa berkongsi pandangan mengenai tadbir urus bandar dinamik serta kepimpinan APPGM-SDG dalam memupuk pembangunan inklusif dan bertanggungjawab sosial, manakala Dr. Eva Kristin menekankan kepentingan kerjasama, kepercayaan dan pembangunan berteraskan manusia untuk pembiayaan mampan. Sesi turut menampilkan amalan terbaik dari Sarawak termasuk Inisiatif Bandar Mesra Kanak-kanak UNICEF dan rangka kerja Akta Pembangunan Semula Bandar (PSB) PLANMalaysia.

Dr. Eva Kristin and Raine Melissa were among the invited speakers at UN-Habitat's ASEAN Sustainable Urbanisation Strategy (ASUS), Phase II Programme held at The Ritz-Carlton, Kuala Lumpur. The two-day event gathered representatives from city councils and agencies across the region to discuss strategies for accelerating ASUS implementation through partnerships, funding collaborations, and knowledge exchange. Raine spoke on dynamic urban governance and APPGM-SDG's leadership in fostering inclusive, socially responsible, and culturally sensitive development. Dr. Eva highlighted the importance of partnership, trust-building, and human-centred development for sustainable financing. The session also featured best practices from Sarawak, including UNICEF's Child-Friendly Cities Initiative and PLANMalaysia's Urban Renewal Act (URA) framework.

8.10.2025

Kuching - FGD anjuran United Nations Population Fund (UNFPA) in Malaysia

Kuching - FGD organised by United Nations Population Fund (UNFPA) in Malaysia

72



Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bertajuk “Advancing Sexual & Reproductive Health and Rights (SRHR), Gender Equality, Gender-Based Violence (GBV) Response & Ageing Support in Sarawak” anjuran UNFPA telah diadakan di Pullman Kuching melibatkan agensi kerajaan, NGO dan institusi akademik bagi membincangkan cabaran dasar dan pelaksanaan berkaitan kesihatan reproduktif, kesaksamaan gender, GBV dan penuaan di Sarawak. Isu utama yang dibangkitkan termasuk tumpuan perkhidmatan kesihatan di bandar, kekurangan tenaga pakar luar bandar, kadar malnutrisi dan kehamilan remaja tinggi serta keperluan pendekatan sensitif budaya. Perbincangan turut menekankan kekurangan data dan penjaga terlatih bagi warga emas serta keperluan memperkukuh infrastruktur penjagaan.

The Focus Group Discussion (FGD) titled Advancing Sexual & Reproductive Health and Rights (SRHR), Gender Equality, Gender-Based Violence (GBV) Response & Ageing Support in Sarawak, organised by UNFPA was held at Pullman Kuching, brought together government agencies, NGOs, and academic institutions to discuss policy and implementation challenges related to reproductive health, gender equality, GBV, and ageing in Sarawak. Key issues raised included the urban concentration of health services, shortage of specialists in rural areas, high rates of malnutrition and teenage pregnancies, and the need for culturally sensitive approaches. The discussion also highlighted the lack of data and trained caregivers for the elderly, as well as the need to strengthen care infrastructure.

13.10.2025

Majlis Pelancaran Lembut Projek Orkid SARORSO

Soft Launch of the SARORSO Orchid Project

73



Raine Melissa dan Dr. Eva Kristin menghadiri majlis pelancaran lembut Projek Orkid SARORSO di SABAKi Farm, Kota Samarahan, yang disempurnakan oleh Pn. Dayang Norjihan Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari, Penaung baharu Persatuan Orkid Sarawak (SARORSO). Inisiatif ini adalah Fasa 2 Program Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC). Program ini telah meningkatkan keyakinan, pengetahuan teknikal dan kepimpinan peserta, sekali gus menunjukkan impaknya dalam menggalakkan inovasi tempatan, pemerksaan komuniti dan sumber pendapatan yang mampan.

Raine Melissa and Dr. Eva Kristin attended the soft launch ceremony of the SARORSO Orchid Project at SABAKi Farm, Kota Samarahan, which was officiated by Ms. Dayang Norjihan Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari, the new Patron of the Sarawak Orchid Association (SARORSO). This initiative is Phase 2 of the Community Learning Centre (CLC) Programme. The program has successfully boosted participants' confidence, technical knowledge, and leadership skills, thereby demonstrating its impact on promoting local innovation, community empowerment, and sustainable income sources.

13.10.2025

Sesi Jaringan bersama Rakan Kolaborasi Berpotensi pada Masa Hadapan

Networking Session with Potential Future Collaborator

74



Sesi jaringan telah diadakan bersama Prof. Madya Dr. Meixi, seorang sarjana pendidikan berasaskan tanah yang bekerjasama dengan komuniti Orang Asli di seluruh dunia dalam bidang penceritaan, pendidikan yang diterajui komuniti, dan pembelajaran berasaskan tanah. Kajian beliau, termasuk projek "Redesigning Schools with Family Story Walks" di Thailand, Mexico dan Minnesota, meneliti bagaimana pendidikan dapat memperkukuh kelangsungan hidup serta sistem pengetahuan komuniti Orang Asli.

A networking session was held with Assoc. Prof. Dr. Meixi, a land-based education scholar working with Indigenous communities worldwide on storytelling, Indigenous-led schooling, and land-based learning. Her research, including the project "Redesigning Schools with Family Story Walks" in Thailand, Mexico, and Minnesota, explores how education can strengthen Indigenous livelihoods and knowledge systems.

17.10.2025

Parlimen Lubok Antu & Stampin - Bengkel Pembangunan Kapasiti SDG

Lubok Antu & Stampin Parliament - SDG Capacity Building Workshop

75



Bengkel Pembangunan Kapasiti SDG bagi Parlimen Stampin dan Lubok Antu telah diadakan di The Grand Margherita Hotel, Kuching, dengan penyertaan 21 peserta daripada pelbagai agensi daerah serta kehadiran Tn. Akoi Ejau, Pegawai Daerah Lubok Antu. Bengkel ini membincangkan keperluan komuniti menua ke arah status bandar melalui penyediaan fasiliti asas yang mencukupi, selaras dengan Pelan Pembangunan Pasca-COVID-19 Sarawak (PCDS) 2030 dan SDG. Isu penyalahgunaan dadah turut diberi perhatian bagi Parlimen Stampin, manakala di Lubok Antu, migrasi penduduk dikenal pasti menjejaskan sosioekonomi setempat. Agensi terlibat mencadangkan penubuhan Hab Industri Perubatan dan pembangunan eko-pelancongan bagi meningkatkan peluang pekerjaan serta pendapatan komuniti tempatan.

The SDG Capacity Building Workshop for the Parliamentary constituencies of Stampin and Lubok Antu was held at The Grand Margherita Hotel, Kuching, with 21 participants from various district agencies and the attendance of Mr. Akoi Ejau, District Officer of Lubok Antu. The workshop discussed the need for ageing communities to prepare for urban status through adequate basic facilities, in line with the Post-COVID-19 Development Strategy (PCDS) 2030 and the Sustainable Development Goals (SDG). The issue of drug abuse was also highlighted for the Stampin constituency, while in Lubok Antu, population migration was identified as a factor affecting local socioeconomics. Participating agencies proposed the establishment of a Medical Industry Hub and the development of eco-tourism initiatives to create employment opportunities and enhance community income.

18.10.2025

The Grand Finale 1.0: CLC Music Showcase & Graduation Night*The Grand Finale 1.0: CLC Music Showcase & Graduation Night*

76



Corrin Alicia dan Danish menghadiri majlis “The Grand Finale 1.0: Community Learning Centre (CLC) Music Showcase & Graduation Night” di Universiti Teknologi Sarawak (UTS), yang dirasmikan oleh En. Lu Yew King, Pengarah Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar. Program ini menandakan penutupan projek CLC oleh NRP Production & Services yang diketuai oleh En. Nicholas Bamphield, melibatkan latihan muzik kepada 15 belia dalam bidang gitar, dram dan vokal. Persembahan ini meraikan kejayaan peserta yang menjalani latihan dari Julai hingga September, menampilkan pelbagai genre muzik dari pop hingga rock serta dua kumpulan muzik dari UTS.

Corrin Alicia and Danish attended “The Grand Finale 1.0: Community Learning Centre (CLC) Music Showcase & Graduation Night” at University of Technology Sarawak (UTS), officiated by Mr. Lu Yew King, Director of the Student Development and Services Centre. The event concluded the CLC project by NRP Production & Services, led by Mr. Nicholas Bamphield, which trained 15 youths in guitar, drums, and vocals. The showcase celebrated their July–September training with performances from pop to rock, including two UTS bands.

21.10.2025

Kunjungan Hormat ke Pejabat Residen Miri*Courtesy visit to Miri Resident Office*

77



Penyelaras Tempatan Parlimen Miri, Cik Marilyn Kunn Minggat dan Penyelaras Tempatan Parlimen Baram, Tn. Clement Langet Sabang telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan Residen Miri untuk membentangkan gerak kerja Inisiatif Solusi Dasar di Bahagian Miri yang merangkumi empat Daerah iaitu, Daerah Miri, Beluru, Marudi dan Telang Usan. Rombongan APPGM-SDG diiringi oleh Dr. Eva Kristin & Raine Melissa Rlman. Kunjungan disambut mesra oleh Pn. Melissa & Pn. Nora yang mewakili Pejabat Residen, serta Puan Muzalifah yang mewakili Pegawai Daerah Miri.

Local Coordinator for Parliament Miri, Ms. Marilyn Kunn Minggat, and Local Coordinator for Parliament Baram, Mr. Clement Langet Sabang, paid a courtesy visit to the Miri Deputy Resident's Office to present the Policy Solution Initiative's work in the Miri Division, covering four districts: Miri, Beluru, Marudi, and Telang Usan. The APPGM-SDG delegation was accompanied by Dr. Eva and Raine Melissa Riman. The visit was warmly received by Ms. Melissa and Ms. Nora, representing the Resident's Office, as well as Ms. Muzalifah, representing the Miri District Officer.

22.10.2025

Daerah Mukah - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan*Mukah District - Capacity Building Workshop for Local Leaders*

78



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar: Siri 1 Pemimpin Tempatan bagi Daerah Mukah telah diadakan di Lihua Hotel dengan kehadiran 21 peserta. Program dikendalikan oleh Pelatih Maurice Josaphat Jepun serta fasilitator Fauzan Ali dan Ursula Jane Bruno melalui ceramah, soal jawab, perbincangan kumpulan, pembentangan dan pemurnian isu. Bengkel ini bertujuan melengkapi pemimpin tempatan dengan pengetahuan dan kemahiran melalui tiga modul utama iaitu Pengenalan APPGM-SDG dan Isu Sistemik, Perancangan Fizikal Daerah, serta Kerja Sosial dan Pengurusan Komuniti bagi memacu inisiatif SDG di akar umbi dan mengintegrasikan dapatan tempatan ke dasar nasional.

The Capacity-Building Workshop on Policy Intervention: Series 1 for Local Leaders of Mukah District was held at Lihua Hotel with 21 participants. The workshop was conducted by Trainer Maurice Josaphat Jepun and facilitators Fauzan Ali and Ursula Jane Bruno through lectures, Q&A sessions, group discussions, presentations, and issue refinement. The workshop aimed to equip local leaders with knowledge and skills through three main modules which are the Introduction to APPGM-SDG and Systemic Issues, District Physical Planning, and Social Work and Community Management to drive SDG initiatives at the grassroots level and integrate local findings into national policy.

22.10.2025

Daerah Selangau - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan*Selangau District - Capacity Building Workshop for Local Leaders*

79



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar: Siri 1 Pemimpin Tempatan Daerah Selangau telah diadakan di Pejabat Daerah Selangau, dikendalikan oleh Pelatih Sadang Paing, Fasilitator Kevin Rampang Ranggak, dan Sukarelawan Alexander Tegong dengan penyertaan 14 peserta. Bengkel ini bertujuan memperkuat pengetahuan dan kemahiran pemimpin tempatan melalui tiga modul utama iaitu Pengenalan APPGM-SDG dan Isu Sistemik, Perancangan Fizikal Daerah, serta Kerja Sosial dan Pengurusan Komuniti bagi memacu inisiatif SDG di akar umbi dan menyokong dasar nasional.

The Capacity Building Workshop on Policy Intervention: Series 1 for Local Leaders of Selangau District was held at the Selangau District Office, conducted by Trainer Sadang Paing, Facilitator Kevin Rampang Ranggak, and Volunteer Alexander Tegong, with 14 participants. The workshop aimed to strengthen the knowledge and skills of local leaders through three main modules which are the Introduction to APPGM-SDG and Systemic Issues, District Physical Planning, and Social Work and Community Management to drive SDG initiatives at the grassroots level and support national policy integration.

23.10.2025

Parlimen Batang Sadong - FGD bersama Pemimpin Masyarakat*Batang Sadong Parliament - FGD with Local Leaders*

80



Sesi Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) telah dijalankan oleh Penyelaras Tempatan Batang Sadong, Mohd Aqmal Ali di Gedong Proper. Kawasan ini melibatkan lebih daripada 1,000 rumah dari 12 kampung, dengan majoriti penduduk bergantung kepada pertanian kecil, perniagaan desa, dan sektor awam. Sesi ini bertujuan untuk mengumpul dan menganalisis input komuniti bagi menyokong perancangan pembangunan setempat.

The Focused Group Discussion (FGD) session was conducted by Local Coordinator of Batang Sadong, Mohd Aqmal Ali at Gedong Proper. The area covers over 1,000 households across 12 villages, with the majority of residents relying on small-scale agriculture, village businesses, and the public sector. The session aimed to collect and analyse community input to support local development planning.

23.10.2025

Bahagian Serian - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Kali Kedua*Serian Division - 2nd Policy Intervention SDG Committee Meeting*

81



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bahagian Serian (DDC) Bil. 2/2025 telah diadakan di Pejabat Residen Serian, yang dihadiri oleh 40 wakil daripada agensi kerajaan dan kementerian untuk mengkaji projek pembangunan yang sedang berjalan serta membincangkan penubuhan Jawatankuasa SDG di peringkat Bahagian. Dipengerusikan oleh YBhg. Puan Caroline Cleophas Joseph, Residen Bahagian Serian, mesyuarat menekankan kepentingan menyelaraskan keutamaan pembangunan bahagian dengan SDG dan menangani isu kemiskinan di Daerah Tebedu. Jennifer Biyos, Penyelaras Tempatan Parlimen Serian, membentangkan cadangan penubuhan jawatankuasa tersebut. Turut hadir ialah Pegawai Dasar dan Penyelidikan Dr. Eva Kristin Larry Sait, Pegawai Pengurusan Projek Corrin Alicia Nero, dan LC Kuching Fahmi Fazrin Abdul Karim.


The Serian Divisional Development Committee (DDC) Meeting No. 2/2025 was held at the Serian Resident's Office, bringing together 40 representatives from government agencies and ministries to review development projects and discuss the formation of a Divisional-Level SDG Committee. Chaired by YBhg. Puan Caroline Cleophas Joseph, Resident of Serian Division, the meeting emphasised aligning divisional priorities with the SDGs and addressing poverty in Tebedu District. Jennifer Biyos, Local Coordinator for Parliament Serian, briefed attendees on the proposed committee. Also present were Policy and Research Officer Dr. Eva Kristin Larry Sait, Project Management Officer Corrin Alicia Nero, and Kuching LC Fahmi Fazrin Abdul Karim.

30.10.2025

Mesyuarat Pemantauan Projek CBDP Bersama Rakan Solusi (SP) Sarawak

Project Monitoring Meeting of CBDP with Sarawak Solution Providers (SPs)

82



Corrin Alicia telah mengadakan sesi pemantauan bulanan bagi bulan Oktober. Sesi tersebut dihadiri oleh enam orang Rakan Solusi untuk membentangkan perkembangan terkini projek masing-masing bagi bulan Oktober.

Corrin Alicia held a monthly monitoring session for the month of October. The session was attended by six Solution Partners to present the latest developments of their respective projects for the month of October.

31.10.2025

Daerah Julau - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Julau District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

83



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Julau telah dilaksanakan di Oriental Evermore Hotel, Sarikei, dengan kehadiran seramai 38 peserta termasuk Ketua Masyarakat (Penghulu), Ketua Kampung (Tuai Rumah), dan Kapitan, yang melebihi sasaran asal. Program ini bertujuan melengkapkan pemimpin tempatan dengan pengetahuan dan kemahiran melalui tiga modul utama iaitu Pengenalan APPGM-SDG dan Isu Sistemik, Perancangan Fizikal Daerah, serta Kerja Sosial dan Pengurusan Komuniti untuk memacu inisiatif SDG di peringkat akar umbi dan mengintegrasikan dapatan tempatan ke dasar nasional. Dirasmikan dan ditutup oleh YB Datuk Larry Sng Wei Shien, program sehari ini mencapai objektifnya dengan peserta menunjukkan minat dan maklum balas positif, serta berharap ia dapat diteruskan bagi memperkukuh peranan mereka dalam pembangunan komuniti selaras dengan 17 matlamat SDG.

The Capacity Building Workshop for Policy Intervention Series 1: Local Leaders for Julau District was implemented at the Oriental Evermore Hotel, Sarikei, with an attendance of 38 participants, including Community Chiefs (Penghulu), Village Heads (Tuai Rumah), and Kapitan, exceeding the original target. The programme aimed to equip local leaders with knowledge and skills through three main modules—Introduction to APPGM-SDG and Systemic Issues, District Physical Planning, and Social Work and Community Management to drive SDG initiatives at the grassroots level and integrate local findings into national policy. Officially opened and closed by YB Datuk Larry Sng Wei Shien, this one-day programme achieved its objectives, with participants showing keen interest and positive feedback, and expressing hope that it will be continued to strengthen their role in community development in line with the 17 SDGs.

WILAYAH SABAH | SABAH REGION

SABAH | WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

2.10.2025

Forum Ekonomi Biru ASEAN ke-3 2025 3rd ASEAN Blue Economy Forum 2025

84



Mc Jeanet, Nor Amirul dan Mohd Ikram telah menghadiri Forum Ekonomi Biru ASEAN ke-3 2025 yang dianjurkan oleh Sekretariat Sabah Maju Jaya. Forum ini berperanan sebagai platform untuk berkongsi amalan terbaik, memperkukuh kerjasama serantau dan meneroka peluang pembangunan ekonomi biru mampan dengan penglibatan kerajaan, industri, akademik dan masyarakat sivil. Hari pertama menonjolkan inisiatif komuniti Sabah, termasuk projek APPGM-SDG yang menukar sisa kepada sumber pendapatan, seperti yang diketengahkan dalam Aktiviti Komuniti Ekonomi Biru di Sabah oleh The Asia Foundation Malaysia. Forum ini merumuskan lima keutamaan utama: sinergi data, penggunaan sumber strategik, pemerkasaan komuniti, pembiayaan dan kerjasama rentas agensi.

Mc Jeanet, Nor Amirul, and Mohd Ikram attended the 3rd ASEAN Blue Economy Forum 2025, hosted by the Sabah Maju Jaya Secretariat. The forum served as a platform to share best practices, strengthen regional cooperation, and explore opportunities for sustainable blue economy growth involving governments, industry, academia, and civil society. Day one highlighted Sabah's community initiatives, including an APPGM-SDG project turning waste into income, featured in Community Blue Economy Activities in Sabah by The Asia Foundation Malaysia. The forum concluded with five priorities: data synergy, strategic resource use, community empowerment, financing, and cross-agency collaboration.



3.10.2025

Parlimen Beluran - Sesi Libat Urus Komuniti Usahawan Paitan*Beluran Parliament - Paitan Entrepreneur Community Engagement Session*

85



Dr. Jain Yassin (Penasihat APPGM-SDG Wilayah Sabah), En. Jamal Gabir (SP), dan Pn. Mary Jim dari GM EBHS Academy, yang juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah INSKEN, telah mengadakan sesi libat urus bersama komuniti usahawan di Paitan bagi menilai potensi ekonomi produk tempatan serta mengenal pasti peluang pasaran dan jaringan industri. Rombongan turut melawat dua projek di bawah APPGM-SDG, iaitu Kursus Botanik Kg. Pinangkau yang kini menjana pendapatan sendiri dengan potensi inovasi dan peluasan pasaran, serta Pusat Hub Paitan yang masih kurang dimanfaatkan.

Dr. Jain Yassin (Advisor APPGM-SDG Sabah Region), Mr. Jamal Gabir (Solution Provider), and Ms. Mary Jim from GM EBHS Academy, who is also a Board of Trustee member of INSKEN, held an engagement session with the entrepreneur community in Paitan to assess the economic potential of local products and identify market opportunities and industry linkages. The delegation also visited two APPGM-SDG projects, the Botany Course in Kg. Pinangkau, which is now self-sustaining with potential for product innovation and market expansion, and the Paitan Hub Centre, which remains underutilised.

3-6.10.2025

Parlimen Kalabakan - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025*Kalabakan Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)*

86



Program "Pemantapan Jati Diri dan Kepimpinan", dianjurkan oleh Persatuan Wanita Kalabakan (PEWAKAL), telah dilaksanakan di Awani Homestay, Semporna, melibatkan 20 peserta wanita terdiri daripada AJK Pelaksana PKK dan ahli Rukun Tetangga Taman Victoria. Program tiga hari dua malam ini dijalankan di luar kawasan kejiranan bagi memberi peluang kepada peserta membuka minda dan mengasah kemahiran kepimpinan melalui latihan serta bimbingan yang memperkasa wanita, meningkatkan kemandirian dan menerapkan nilai murni serta jati diri melalui pengisian rohani dan aktiviti riadah. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah agama, kuliah Maghrib dan Subuh, taklimat kepimpinan, serta lawatan ke muzium dan lokasi pelancongan sekitar Semporna.

The programme "Strengthening Self-Identity and Leadership" (Pemantapan Jati Diri dan Kepimpinan), organised by the Kalabakan Women's Association (PEWAKAL), was held at Awani Homestay, Semporna. It involved 20 female participants consisting of PKK Executive Committee members and Taman Victoria Rukun Tetangga members. This three-day, two-night programme was conducted outside the neighbourhood area to provide participants with the opportunity to broaden their minds and hone their leadership skills through training and guidance that empower women, enhance self-reliance, and instill moral values and self-identity through spiritual content and recreational activities. Activities carried out included religious talks, Maghrib and Subuh lectures, leadership briefings, as well as visits to museums and tourist locations around Semporna.

11.10.2025

Daerah Kota Belud - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Kota Belud District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

87



Bengkel Pembangunan Kapasiti Siri I: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Kota Belud telah diadakan di Dewan Belia dan Sukan, Kota Belud, dianjurkan oleh Penyelaras Tempatan (LC) Lailah Chung Foh Sin dengan bantuan fasilitator Nur Fadilah dan Fionna George. Seramai 24 peserta hadir, terdiri daripada wakil JKKK, SP, persatuan dan kelab belia pelbagai latar belakang kepimpinan komuniti. Bengkel ini dirasmikan oleh Mc Jeanet dan ditutup oleh Mohd Ikram, dengan sokongan Norita Yapi dan Shirley (LC). Perbincangan kumpulan mengenal pasti isu utama seperti kekurangan peluang pekerjaan dan pendapatan rendah (SDG 8), cabaran infrastruktur asas (SDG 9), serta isu alam sekitar seperti hakisan sungai dan banjir (SDG 11 & 13). Peserta turut menekankan kepentingan kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan pembangunan daerah yang inklusif dan lestari.

The Capacity Building Workshop Series I: Local Leaders for the Kota Belud District was held at the Youth and Sports Hall, Kota Belud, organised by Local Coordinator Lailah Chung Foh Sin with the assistance of facilitators Nur Fadilah and Fionna George. A total of 24 participants attended, comprising representatives from JKKK, Solution Providers, associations, and youth clubs from diverse community leadership backgrounds. The workshop was officiated by Mc Jeanet and concluded by Mohd Ikram, with support from Norita Yapi Shirley (LC). Group discussions identified key community issues, including limited job opportunities and low income levels (SDG 8), basic infrastructure challenges (SDG 9), and environmental concerns such as riverbank erosion and flooding (SDG 11 & 13). Participants also emphasised the importance of multi-stakeholder collaboration to ensure inclusive and sustainable district development.

12.10.2025

Parlimen Ranau - Lawatan Projek Komuniti Berasaskan Pelancongan (CBT)

Ranau Parliament - Community-Based Tourism (CBT) Project Visit

88



Nor Amirul dan Mc Jeanet melawat projek Komuniti Berasaskan Pelancongan di Sagindai Lama, Ranau, anjuran Persatuan Eksplorasi Sabah diketuai oleh En. Eljaian bersama Pn. Norita dan En. Razlee, dengan kehadiran En. Dexter dari Sabah Tourism Board. Seramai 14 peserta menyertai kursus yang menekankan pembangunan produk pelancongan berasaskan sumber tempatan dan kemahiran asas pemanduan pelancong. Antara potensi produk dikenal pasti ialah herba tradisional, agro-pelancongan, masakan tradisional dan sejarah Nunuk Ragang.


Nor Amirul and Mc Jeanet visited the Community-Based Tourism (CBT) project in Sagindai Lama, Ranau, organised by the Sabah Exploration Association led by Mr. Eljaian together with Madam Norita and Mr. Razlee, and attended by Mr. Dexter from the Sabah Tourism Board. A total of 14 participants joined the course, which focused on developing tourism products based on local resources and basic tour guiding skills. The identified potential products include traditional herbs, agro-tourism, traditional cuisine, and the history of Nunuk Ragang.

13.10.2025

Sesi Libat Urus Rakan Solusi (SP) 2025

Solution Provider (SP) Engagement Session 2025

89



Sesi Libat Urus Rakan Solusi (SP) 2025 telah diadakan dengan menghimpunkan SP dari 2020 hingga 2025 bagi memperkukuh jaringan kerjasama serta memperkenalkan semula peranan dan hala tuju APPGM-SDG. Seramai 39 SP daripada kluster Keterjaminan Makanan dan Projek Pembangunan Berasaskan Komuniti (CBDP) hadir dalam sesi yang turut memperkenalkan sembilan LC, sistem mentoring untuk pemantauan projek, serta garis panduan pelaksanaan berasaskan prinsip pembangunan mampan. Sesi ini turut menjadi platform untuk berkongsi pandangan dan cadangan.

The Solution Partners (SP) Engagement Session 2025 was held, bringing together SP from 2020 to 2025 to strengthen the cooperation network and reintroduce the role and direction of APPGM-SDG. A total of 39 SP from the Food Security and Community-Based Development Project (CBDP) clusters attended the session. The session also introduced nine Local Coordinators (LC), a mentoring system for project monitoring, and implementation guidelines based on sustainable development principles. This session also served as a platform for sharing views and suggestions.

13.10.2025

Daerah Ranau - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Kali Kedua

Ranau District - 2nd Policy Intervention SDG Committee Meeting

90



Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Kali Kedua Daerah Ranau yang dipengerusikan oleh Tn. Tinus Manggam telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Ranau sebagai susulan kepada penubuhan jawatankuasa tersebut pada Jun 2025. Diketuai oleh Jabatan Solusi Dasar APPGM-SDG, sesi ini membentangkan kemajuan inisiatif SDG peringkat tempatan oleh LC, Norita Yapi, serta membincangkan Forum Intervensi Dasar SDG yang dijadualkan pada bulan Oktober. Mesyuarat yang dihadiri lebih 20 wakil agensi ini termasuk staf Pejabat APPGM-SDG Wilayah Sabah melaporkan enam isu komuniti telah diselesaikan manakala sembilan lagi sedang dalam pelaksanaan, menunjukkan kerjasama kukuh antara agensi dan kemajuan berterusan ke arah pembangunan mampan di Ranau.

The second meeting of the Ranau District Policy Intervention SDG Committee, chaired by Mr. Tinus Manggam, was held at the Ranau District Office Meeting Room as a follow-up to the establishment of the committee in June 2025. Led by the APPGM-SDG Policy Solution Department, the session presented the progress of local-level SDG initiatives by Local Coordinator (LC) Norita Yapi, and discussed the upcoming SDG Policy Intervention Forum scheduled for October. The meeting, attended by over 20 agency representatives including staff from the APPGM-SDG Sabah Regional Office, reported that six community issues have been resolved while nine others are currently being implemented, demonstrating strong cooperation among agencies and continuous progress toward sustainable development in Ranau.

14.10.2025

Daerah Ranau - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Ranau District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

91



Bengkel Pembangunan Kapasiti Siri I: Pemimpin Tempatan Daerah Ranau yang diadakan di Redhill Residence telah menghimpunkan seramai 33 pemimpin tempatan. Bengkel ini dirasmikan oleh Tn. Tinus Manggam dan ditutup oleh YB Datuk Jonathan Yassin. Program ini memperkukuh pemahaman peserta terhadap pembangunan mampan, tadbir urus inklusif serta kerjasama dengan agensi dan pejabat parlimen. Melalui sesi interaktif, peserta memperoleh kemahiran praktikal dalam menganalisis isu setempat, merancang intervensi komuniti, dan melibatkan pemegang taruh utama bagi pembangunan daerah yang lebih bersepadu.

The Capacity Building Workshop Series I: Local Leaders for the Ranau District, was held at Redhill Residence, gathered a total of 33 local leaders. The workshop was officiated by Mr. Tinus Manggam and closed by YB Datuk Jonathan Yassin. The programme strengthened participants' understanding of sustainable development, inclusive governance, and cooperation with agencies and the parliamentary office. Through interactive sessions, participants gained practical skills in analysing local issues, planning community interventions, and engaging key stakeholders for more integrated district development.

22.10.2025

Parlimen Kudat - Lawatan ke Projek Pusat Pembelajaran Komuniti Jahitan

Kudat Parliament - Community Sewing Learning Centre Project Visit

92



Nor Amirul dan Mohd Ikram telah melawat Projek Pusat Pembelajaran Komuniti Jahitan di Matunggong, Kudat yang dilaksanakan di bawah bimbingan Pn. Cehrolina dengan bantuan Pn. Roslinah dan disertai sembilan peserta. Pusat ini menjadi ruang pembelajaran bagi komuniti, khususnya wanita tempatan seperti petani dan suri rumah, untuk mempelajari kemahiran menjahit. Hasil latihan, peserta kini mampu menjahit pakaian tradisional dan kemeja, malah jahitan baju pertama mereka dijadikan pakaian rasmi program. Beberapa peserta turut berjaya menjual hasil jahitan mereka, menunjukkan impak positif projek ini serta komitmen tinggi tenaga pengajar dalam memperkasa komuniti setempat.

Nor Amirul and Mohd Ikram visited the Community Sewing Learning Centre Project in Matunggong, Kudat, implemented under the guidance of Ms. Cehrolina with assistance from Ms. Roslinah and joined by nine participants. The centre serves as a learning space for the community, particularly local women such as farmers and housewives, to acquire sewing skills. As a result of the training, participants are now able to sew traditional clothing and shirts, with their first sewn garment adopted as the official attire of the programme. Several participants have also successfully sold their handmade products, reflecting the project's positive impact and the strong commitment of the instructors in empowering the local community.

23-25.10.2025

Parlimen Tawau - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)*Tawau Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme*

93



Program Kecantikan Dan Kesejahteraan Taman telah berjaya dilaksanakan di Taman Victoria, Tawau. Acara ini bertujuan untuk menceriakan kawasan perumahan Taman Victoria dan mewujudkan persekitaran yang lebih menarik serta selesa untuk aktiviti riadah penduduk. Program selama tiga hari ini melibatkan aktiviti gotong-royong serta penanaman pelbagai jenis pokok bunga. Kemuncak program ini termasuk Senamrobik, diikuti oleh acara Sukaneka untuk kanak-kanak, remaja, dan dewasa, yang dirasmikan penutupannya oleh Tuan Julaidi Simon, Timbalan Pegawai Perpaduan Bahagian Tawau.

The Garden Beautification and Well-being Programme (Kecantikan Dan Kesejahteraan Taman) was successfully held at Taman Victoria, Tawau. This event aimed to cheer up the Taman Victoria housing area and create a more attractive and comfortable environment for residents' recreational activities. The three-day programme involved communal cleanup activities (gotong-royong) as well as the planting of various types of flowering trees. The programme's highlight included Aerobics (Senamrobik), followed by Fun Games (Sukaneka) for children, teenagers, and adults, the closing of which was officiated by Mr. Julaidi Simon, Deputy Unity Officer of the Tawau Division.

24.10.2025

Parlimen Keningau - Lawatan Projek Penanaman Padi Hidroponik*Keningau Parliament - Hydroponic Paddy Cultivation Project*

94



Pejabat Wilayah Sabah APPGM-SDG telah mengadakan lawatan ke Projek Penanaman Padi Hidroponik di Kg Timbou, Tambunan, yang diketuai oleh SP En. James Kulip dan melibatkan 10 peserta. Semasa lawatan itu, pegawai berpeluang melawat rumah hijau yang baru siap dan memerhatikan sistem hidroponik yang baru dipasang, dengan aktiviti pemindahan benih dijangka bermula pada awal November. Sesi perkongsian yang diadakan mendedahkan cabaran yang dihadapi, seperti keadaan cuaca dan kelewatan bekalan hidroponik. Kebanyakan peserta adalah pesara kerajaan yang masih bersemangat dalam bidang pertanian, membolehkan mereka meneruskan aktiviti pertanian dengan lebih mudah dan efisien melalui kaedah moden.

The Sabah Regional Office of APPGM-SDG conducted a project visit to the Hydroponic Paddy Cultivation Project in Kg Timbou, Tambunan, which was led by SP Mr. James Kulip and involved 10 participants. During the visit, officers had the opportunity to tour the newly completed greenhouse and observe the newly installed hydroponic system, with seed transfer activities expected to begin in early November. The sharing session that was held revealed the challenges faced, such as unpredictable weather conditions and delays in hydroponic supply. Most participants are government retirees who still have a passion for agriculture, allowing them to continue farming activities more easily and efficiently through modern methods.

25.10.2025

Daerah Kudat - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Kudat District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

95



Bengkel Pembangunan Kapasiti Siri I: Pemimpin Tempatan bagi Daerah Kudat telah diadakan di Friendly Hotel, Kudat termasuk 30 pemimpin tempatan dari pelbagai latar belakang, termasuk JKKK dan wakil NGO berteraskan agama, veteran ATM, pelancongan, pemuliharaan alam, dan belia. Sepanjang sesi yang berlangsung, lebih daripada 35 isu baharu peringkat akar umbi telah dibentangkan, merangkumi isu infrastruktur asas serta cadangan menarik seperti penubuhan Taman Monyet dan pelancongan paya bakau. Salah satu solusi yang dicapai adalah inisiatif dari Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) Bahagian Kudat yang bersetuju untuk menjalankan bancian masjid dan surau di Kudat bagi menangani isu berkaitan rumah ibadah yang belum berdaftar.

The Capacity Building Workshop Series I: Local Leaders for the Kudat District was held at Friendly Hotel, Kudat, including 30 local leaders from diverse backgrounds, comprising JKKK and NGO representatives focusing on religion, ATM veterans, tourism, environmental conservation, and youth. Throughout the session, more than 35 new grassroots issues were presented, covering basic infrastructure problems as well as interesting proposals such as the establishment of a Monkey Park and mangrove swamp tourism. One of the solutions reached was an initiative by the All Sabah Islamic Organization (USIA) Kudat Division, which agreed to conduct a census of mosques and suraus across Kudat to address issues related to unregistered houses of worship.

29.10.2025

Mesyuarat Pemantauan Projek CBDP Bersama Rakan Solusi (SP) Sabah

Project Monitoring Meeting of CBDP with Sabah Solution Providers (SPs)

96



Sesi Pemantauan Projek CBDP Sabah dan W.P. Labuan telah dilaksanakan oleh dengan kehadiran Dr. Jain Yasin sebagai pemerhati. Sesi tersebut dihadiri oleh 11 SP dan penerima manfaat, yang digunakan sebagai platform untuk berkongsi perkembangan projek. Semasa sesi berlangsung, para pegawai turut memberikan peringatan kepada semua SP agar segera menghantar laporan dan dokumen berkaitan serta memastikan pelaksanaan projek kekal mematuhi garis masa yang telah ditetapkan bagi memastikan kelancaran dan kejayaan projek.


The Project Monitoring Session for the CBDP Sabah and W.P. Labuan was conducted with the presence of Dr. Jain Yasin as an observer. The session was attended by 11 SPs and beneficiaries, serving as a platform to share project progress. During the session, officers also reminded all SPs to promptly submit reports and related documents and to ensure project implementation remains compliant with the defined timeline to ensure the smooth running and success of the project.

30.10.2025

Mesyuarat Pemantauan Bulanan Keterjaminan Makanan Bersama SP Sabah

Monthly Monitoring Meeting of Food Security with the Sabah SP

97



Mesyuarat Pemantauan Bulanan bagi Projek Keterjaminan Makanan Wilayah Sabah telah berjaya dijalankan oleh pasukan, menghimpunkan seramai 20 Rakan Solusi (SP). Sepanjang sesi tersebut, SP telah memberikan maklumat terkini dan berkongsi kemajuan projek masing-masing. Para pegawai menekankan keperluan mendesak kepada semua SP untuk segera menghantar laporan dan dokumen berkaitan serta memastikan pematuhan ketat terhadap garis masa projek yang telah ditetapkan untuk pemantauan dan kejayaan berterusan.

The Monthly Monitoring Meeting for the Sabah Regional Food Security Project was successfully conducted by the team, gathering a total of 20 SPs. During the session, SPs provided updates and shared progress on their respective projects. The officers emphasised the crucial need for all SP to promptly submit their reports and related documents and ensure strict adherence to their defined project timelines for continuous monitoring and success.

31.10.2025

Mesyuarat Bulanan bersama Penasihat Pejabat APPGM-SDG Wilayah Sabah

Monthly Meeting with the Advisor for the APPGM-SDG Sabah Regional Office

98



Pasukan APPGM-SDG Wilayah Sabah telah mengadakan mesyuarat bulanan dengan Dr. Jain Yassin untuk membuat persediaan bagi kunjungan hormat mereka yang akan datang ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN) pada 7 November. Sesi perancangan ini memfokuskan kepada usaha memastikan kunjungan hormat itu berjalan lancar dan mencapai objektifnya dengan menyelaraskan peranan pasukan, memuktamadkan semua bahan yang diperlukan, menyemak mesej utama, dan mengenal pasti isu-isu keutamaan untuk dibincangkan. Persediaan ini juga memastikan lawatan itu dianjurkan dengan baik, profesional, dan dapat mengeratkan kerjasama antara APPGM-SDG dengan kerajaan negeri.

The Sabah Regional APPGM-SDG team held a monthly meeting with Dr. Jain Yassin to prepare for their upcoming courtesy visit to the Sabah State Economic Planning Unit (UPEN) on 7th November. This planning session focused on ensuring the visit runs smoothly and meets its objectives by coordinating team roles, finalising all necessary materials, reviewing key messages, and identifying the priority issues for discussion. This preparation also ensures the visit is well-organised, professional, and strengthens collaboration between APPGM-SDG and the state government.



PUSAT-PUSAT MYSDG & JABATAN-JABATAN APPGM-SDG MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

Pusat-pusat MySDG dan Jabatan-jabatan APPGM-SDG berfungsi sebagai tulang belakang pelaksanaan agenda pembangunan mampan melalui penyelidikan dasar, pembangunan kapasiti, dan keterangkuman sosial. Setiap pusat dan jabatan—termasuk **Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial, Akademi MySDG, Jabatan Solusi Dasar, dan Jabatan Advokasi Dasar Peringkat Parlimen**—mempunyai mandat khusus dalam memperkukuh penyetempatan SDG.

Dengan sokongan strategik daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG, jabatan-jabatan ini saling melengkapi dalam membentuk dasar berasaskan bukti, memperkasa komuniti, serta menjalin kerjasama dengan rakan pelaksana di seluruh negara.

*MySDG Centres and APPGM-SDG Departments serve as the backbone of sustainable development implementation through policy research, capacity building, and social inclusion. Each centre and department—including **MySDG Centre for Social Inclusion, MySDG Academy, Policy Solutions Department and Parliamentary Policy Advocacy Department**—carries a specific mandate to strengthen SDG localisation.*

With strategic support from the APPGM-SDG Headquarters, these departments work in synergy to shape evidence-based policies, empower communities, and foster collaboration with implementing partners across the country.




14.10.2025

Mesyuarat Kolaborasi untuk Modul MySDG-CSI tentang Demokrasi Tempatan

Collaboration Meeting for the MySDG-CSI Module on Local Democracy

99



Dr. Khairil Ahmad dan Abdullah Nishad telah mengadakan perbincangan bersama Beatrice Leong daripada Autism Inclusiveness Direct Action Group (AIDA) dan Majlis Kebangsaan Bagi OKU mengenai potensi kerjasama bagi modul MySDG-CSI berkaitan demokrasi tempatan yang memfokuskan kepada SDG16.

Dr. Khairil Ahmad and Abdullah Nishad had a discussion with Beatrice Leong from Autism Inclusiveness Direct Action Group (AIDA) and Majlis Kebangsaan Bagi OKU on the possibilities for collaboration on MySDG-CSI's module on local democracy focusing on SDG16.

23.10.2025

Program Academia-Industry Collaboration 3.0 Universiti Poly-Tech Malaysia

Universiti Polytech Malaysia's Academia-Industry Collaboration 3.0 programme

100



Dr. Khairil Ahmad menghadiri Program Academia-Industry Collaboration 3.0 Universiti Poly-Tech Malaysia di Hotel Premiera Kuala Lumpur. Turut menghadiri ialah Datuk Wira Dr. Asyraf Wajdi Dato' Dusuki, Pengerusi MARA merangkap Pro-Canselor UPTM; Prof. Madya Dr. Sharifah Syahirah Sy. Shiekh, Naib Canselor UPTM; Dato' Zulfikri Osman, Ketua Pengarah MARA; serta wakil pengurusan tertinggi UPTM dan MARA, ahli akademik (termasuk Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli), pelajar, dan rakan industri. Dokumen pengiktirafan sebagai salah satu rakan industri rasmi UPTM turut diterima.

Dr. Khairil Ahmad attended the Academia-Industry Collaboration 3.0 Program organised by Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) at Hotel Premiera Kuala Lumpur. Also in attendance were Datuk Wira Dr. Asyraf Wajdi Dato' Dusuki, MARA Chairman cum Pro-Chancellor of UPTM; Assoc. Prof. Dr. Sharifah Syahirah Sy. Shiekh, Vice-Chancellor of UPTM; Dato' Zulfikri Osman, MARA Director-General; as well as representatives from the senior management of UPTM and MARA, academics (including Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli), students, and industry partners. Recognition documents as one of UPTM's official industry partners were also received."

Akademi

MySDG

Academy

Corporate
Communications Department

2.10.2025

Forum on ASEAN: Shaping a More Inclusive and Sustainable Future*Forum on ASEAN: Shaping a More Inclusive and Sustainable Future*

101



Iman Nurhakim telah menghadiri Forum ASEAN: Shaping a More Inclusive and Sustainable Future di Hotel Hilton Kuala Lumpur, yang membincangkan bagaimana ASEAN dapat berfungsi dengan lebih baik untuk memberi manfaat kepada negara anggota dan rakyatnya. Perbincangan merangkumi topik seperti kecerdasan buatan generatif (generative AI) untuk belia, perlindungan sosial, serta peranan ASEAN dalam pelaburan global. Iman turut bertemu dengan Dato' Zainol Rahim, Ketua Pengarah IDFR, bagi berkongsi tentang usaha dan impak APPGM-SDG serta Akademi MySDG dalam memajukan pencapaian SDG di Malaysia, selain bertemu Danial Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif ASLI, yang bertindak sebagai moderator salah satu sesi.

Iman Nurhakim attended the Forum on ASEAN: Shaping a More Inclusive and Sustainable Future at Hilton Kuala Lumpur, which explored how ASEAN can better serve its member countries and citizens. Discussions covered generative AI for youth, social protection, and ASEAN's global investment role. Iman also met Dato' Zainol Rahim, Director General of IDFR, to share about APPGM-SDG and MySDG Academy's work in advancing Malaysia's SDG goals, and Danial Rahman, CEO of ASLI, who moderated one of the sessions.

2.10.2025

Mesyuarat bersama Ecochange bagi Future Action Summit 2025*Meeting with Ecochange for Future Action Summit 2025*

102



Mesyuarat bersama bersama Ecochange telah diadakan, rangkaian belia global untuk Future Action Summit 2025. Akademi MySDG akan bersama-menganjurkan acara ini dengan kumpulan tersebut serta merekrut pemimpin belia sebagai pemangkin kepada Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE.

A meeting was held with Ecochange, a global youth network for the Future Action Summit 2025. MySDG Academy will co-organise the event with this group and recruit youth leaders to serve as catalysts for the ASEAN SDG-SSE Roadmap.

6.10.2025

Mesyuarat Penyusunan Kandungan Sidang Kemuncak Tindakan Masa Depan

Future Action Summit Content Curation Meeting

103



Mesyuarat Penyusunan Kandungan Sidang Kemuncak Tindakan Masa Depan (Future Action Summit) memberi tumpuan kepada penyediaan acara perkongsian strategik yang bertujuan melibatkan golongan belia dalam memajukan Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE serta menyediakan platform kepada Rakan Solusi (SP) untuk mempamerkan amalan terbaik dan pendekatan inovatif mereka kepada komuniti global.

The Future Action Summit Content Curation Meeting focuses on preparing a partnership event that aims to engage youth actors in advancing the ASEAN SDG-SSE Roadmap while providing a platform for Solution Providers (SP) to showcase their best practices and innovative approaches to the global community.

16.10.2025

Latihan mengenai Pendekatan Kaizen bersama 1Utama

Kaizen Approach Training with 1Utama

104



Zoel Ng telah mengendalikan sesi latihan bersama kakitangan 1Utama mengenai pendekatan Kaizen, di samping membentangkan pemetaan ESG dan SDG dalam perniagaan. 1Utama merupakan salah satu rakan strategik bagi Malaysian-ASEAN Youth SDG Summit tahun ini. Latihan tersebut turut dihadiri oleh Iman Nurhakim, yang memimpin sesi suai kenal pada permulaan program.

Zoel Ng led a training session with 1Utama staff on the Kaizen approach, while also presenting on the integration of ESG and SDG principles in business. 1Utama is one of the strategic partners for the Malaysian-ASEAN Youth SDG Summit this year. The session was also attended by Iman Nurhakim, who facilitated the initial ice-breaking activity.

16.10.2025

Konvensyen Inovasi Sosial

Social Innovation Convention

105




Zoel Ng telah menghadiri Konvensyen Inovasi Sosial dan mengadakan perbincangan bersama Yayasan Inovasi Malaysia. Yayasan tersebut memaklumkan bahawa mereka telah merujuk kepada Laporan Pemetaan Isu APPGM-SDG bagi mengenal pasti cabaran tempatan dan membangunkan intervensi berasaskan penyelesaian yang lebih tepat. Mereka juga menyatakan minat yang tinggi untuk meneroka peluang kerjasama bersama APPGM-SDG bagi memperkukuh inisiatif inovasi berasaskan komuniti.

Zoel Ng attended the Social Innovation Convention and had a productive discussion with Yayasan Inovasi Malaysia. The foundation shared that they have been referring to APPGM-SDG's Issue Mapping Report to identify local challenges and develop targeted, solution-based interventions. They also expressed strong interest in exploring further collaboration opportunities with APPGM-SDG to strengthen community-driven innovation initiatives.

17.10.2025

Sesi Jaringan bagi Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga*Networking in conjunction of Mainstreaming the Third Sector Workshop*

106



Zoel Ng dan Iman Nurhakim mengadakan mesyuarat bersama Bahagian Industri Perkhidmatan, Kementerian Ekonomi bagi membincangkan Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga pada 29 Oktober. Perbincangan menumpukan kepada peranan utama kementerian serta pandangan mereka mengenai penglibatan sektor ketiga dalam pembangunan nasional dan serantau.

Zoel Ng and Iman Nurhakim met with the Services Industry Division of the Ministry of Economy to discuss the Mainstreaming the Third Sector Workshop on 29 October. The discussion focused on the Ministry's key roles and perspectives on Third Sector involvement in national and regional development.

17.10.2025

Forum PKS ASEAN 2025*ASEAN SME Forum 2025*

107



Zoel Ng menghadiri Forum PKS ASEAN 2025 dan bertemu Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), menjemput SKM serta Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk menyertai program Mainstreaming the Third Sector pada 29 Oktober bagi berkongsi model dan pengalaman pembangunan ekonomi sosial dan koperasi.

Zoel Ng attended the ASEAN SME Forum 2025 and met with the Assistant Director of the Malaysian Cooperative Commission (SKM), inviting both SKM and the Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) to join the Mainstreaming the Third Sector programme on 29 October to share their models and experiences in social and cooperative-based economic development.



17.10.2025

Sesi Jaringan bagi Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga*Networking in conjunction of Mainstreaming the Third Sector Workshop*

108



Sebagai persediaan untuk Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga pada 29 Oktober 2025, Zoel Ng bertemu dengan Dr. Sharmila Mohamed Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di bawah MOSTI bagi meneroka kerjasama dalam inisiatif inovasi sosial dan pemberdayaan komuniti. Dengan YIM menerajui inisiatif Buy for Impact, kerjasama ini membuka peluang untuk memperkukuh peranan Sektor Ketiga dalam ekosistem pembangunan negara. Zoel turut bertemu YB Dato' Mohamad Nizar Dato' Sri Mohamad Najib, EXCO Pahang, untuk berkongsi mengenai usaha APPGM-SDG dan agenda nasional dalam memperkasakan Sektor Ketiga sebagai rakan utama pembangunan mampan.

In preparation for the Mainstreaming the Third Sector Workshop on 29 October 2025, Zoel Ng met with Dr. Sharmila Mohamed Salleh, CEO of Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) under MOSTI, to explore collaboration on grassroots and social innovation initiatives. With YIM leading the Buy for Impact initiative, the partnership offers opportunities to strengthen and mainstream Third Sector actors in Malaysia's development ecosystem. Zoel also met YB Dato' Mohamad Nizar Dato' Sri Mohamad Najib, Pahang EXCO for Investment, Industry, Science, Technology & Innovation, to share APPGM-SDG's work and the national agenda positioning the Third Sector as a key partner in sustainable development.

21.10.2025

Kunjungan Hormat bagi Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga*Courtesy Visit for Mainstreaming the Third Sector Workshop*

109




Zoel Ng, Arif Azhad, dan Iman Nurhakim telah berkunjung hormat bersama Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali, Pengarah MINDA-UKM, mengenai pelaksanaan sektor ketiga di Malaysia. Tan Sri turut berkongsi pengalaman luas beliau dalam bekerjasama dengan kementerian dan agensi kerajaan dalam memacu impak sosial dari peringkat akar umbi ke peringkat nasional. Sesi tersebut turut merangkumi rakaman video bagi Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga yang akan diadakan pada 29 Oktober.

Zoel Ng, Arif Azhad, and Iman Nurhakim had a courtesy visit with Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali, Director of MINDA-UKM, on the implementation of the third sector in Malaysia. Tan Sri shared his extensive experience collaborating with ministries and government agencies in driving social impact from the local level upward. The session also included a video recording for the upcoming event, Mainstreaming the Third Sector, which will be held on 29 October.

21.10.2025

Sesi Jaringan bagi Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga*Networking in conjunction of Mainstreaming the Third Sector Workshop*

110




Mesyuarat bersama pengasas Wiki Impact bagi membincangkan penglibatan mereka dalam Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga pada 29 Oktober. Wiki Impact ialah platform dalam talian yang memfokuskan kepada industri impak dengan berkongsi data dan kisah berasaskan impak. Mereka juga merupakan penulis bagi buku Project Best Practices pertama kami.

A meeting with the founder of Wiki Impact to explore their involvement in the Mainstreaming the Third Sector workshop on 29 October. Wiki Impact is an online platform dedicated to the impact industry, sharing stories and data on issues that matter while highlighting impact-driven initiatives. They also served as the writer for our first Project Best Practices book.

21.10.2025

Sesi Jaringan bagi Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga*Networking in conjunction of Mainstreaming the Third Sector Workshop*

111




Mesyuarat bersama pengasas InspiraCom, syarikat latihan impak sosial terkemuka yang membantu individu dan organisasi berkembang dari dalam ke luar. Berpengalaman bekerjasama dengan syarikat tersenarai, kementerian dan universiti, InspiraCom akan menyertai bengkel Mainstreaming the Third Sector pada 29 Oktober sebagai Penyampai Roving Workshop dengan topik "Impact Communication & Collaboration Mastery," selaras dengan Strategi A10.2 – Meningkatkan Keterlihatan Sektor Ketiga.

A meeting with the founder of InspiraCom, a renowned social impact training company that helps individuals and organizations grow from the inside out. Having partnered with various listed companies, ministries, and universities to mobilize and empower communities, InspiraCom will be joining the upcoming Mainstreaming the Third Sector Workshop on 29 October as a Roving Workshop Presenter. They will share insights on "Impact Communication & Collaboration Mastery," directly addressing Strategy A10.2 – Increasing the Visibility of the Third Sector.

22.10.2025

Potensi Kerjasama dengan Jabatan Komunikasi Massa, Universiti UCSI*Potential Collaboration with Mass Communication Department, UCSI University*

112



Hirzawati Atikah, Saparguly dan Zoel Ng telah mengadakan mesyuarat dalam talian bersama Prof. Madya Dr. Vimala Govindasamy, Ketua Jabatan Komunikasi Massa UCSI University, bagi membincangkan kerjasama melibatkan pelajar universiti dalam advokasi SDG melalui kajian kes dan penerbitan APPGM-SDG. Dr. Vimala berkongsi pandangan mengenai projek tahun akhir pelajar dan mencadangkan pertemuan susulan di kampus bagi memperincikan kerjasama.

Hirzawati Atikah, Saparguly, and Zoel Ng held an online meeting with Asst. Prof. Dr. Vimala Govindasamy, Head of Mass Communication at UCSI University, to discuss collaboration in engaging students to advocate for the SDGs through APPGM-SDG case studies and publications. Dr. Vimala shared insights on final-year projects and proposed an on-campus follow-up to refine the partnership.

22.10.2025

Sesi Jaringan bagi Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga*Networking in conjunction of Mainstreaming the Third Sector Workshop*

113



Zoel Ng telah mengadakan pertemuan dengan Encik Max Sim, pengasas BePartof, sebuah syarikat reka bentuk berasaskan impak, bagi persiapan Bengkel Pengarusutamaan Sektor Ketiga pada 29 Oktober. Max, yang turut berperanan sebagai penasihat pro bono mengetuai pasukan belia dalam mereka bentuk inisiatif WAY Forward, akan berkongsi strategi bagi meningkatkan keterlihatan Sektor Ketiga (Strategi A10.2).

Zoel Ng had a meeting with Mr. Max Sim, founder of BePartof, an impact-driven design company, to prepare for the Mainstreaming the Third Sector workshop on 29 October. Max, who also serves as a pro bono advisor leading the youth team in designing the WAY Forward initiative, will be sharing strategies on increasing the visibility of the Third Sector (Strategy A10.2).

23.10.2025

Kursus Pembangunan Kapasiti dalam Penyetempatan SDG*Capacity-Building Course on Localising the SDGs*

114



Akademi MySDG dijemput oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai fasilitator utama bagi kursus pembangunan kapasiti dalam penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ke dalam Rancangan Selangor Pertama dan Kedua (RS-1 & RS-2). Sepanjang dua hari ini telah mencetuskan perbincangan bermakna, pemikiran strategik serta komitmen bersama dalam memajukan agenda pembangunan lestari di seluruh negeri.

MySDG Academy was invited by the Selangor State Government as the lead facilitator for the capacity-building course on localising the Sustainable Development Goals (SDGs) into the Selangor First and Second State Plans (RS-1 & RS-2). Over two inspiring days, the sessions fostered meaningful conversations, strategic thinking, and a shared commitment to advancing sustainable development across the state.

24.10.2025

Kepimpinan Belia SDG di Malaysia*Youth SDG Leadership in Malaysia*

115



Iman Nurhakim telah dijemput oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UiTM Shah Alam untuk menyampaikan ceramah bertajuk Kepimpinan Belia SDG di Malaysia. Sesi tersebut menekankan kepentingan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) di Malaysia, perancangan kerjaya dalam bidang kejuruteraan serta inisiatif teras APPGM-SDG dan Akademi MySDG. Perkongsian berinformasi ini telah dihadiri oleh 30 orang pelajar daripada pelbagai disiplin kejuruteraan.

Iman Nurhakim was invited by the Faculty of Mechanical Engineering, UiTM Shah Alam, to deliver a talk on Youth SDG Leadership in Malaysia. The session highlighted key points on the importance of SDGs in Malaysia, career planning in the engineering field, and the core initiatives of APPGM-SDG and MySDG Academy. This insightful discussion was attended by 30 students from various engineering disciplines.

24.10.2025

Mesyuarat Persiapan bagi Mainstreaming the Third Sector Workshop

Meeting Preparation for Mainstreaming the Third Sector Workshop

116



Mesyuarat persiapan telah diadakan bagi Mainstreaming the Third Sector Workshop yang dijadualkan pada 29 Oktober. Bengkel ini akan menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan termasuk MDEC, Kementerian Ekonomi, DOSM dan KUSKOP, serta pihak berkepentingan utama seperti Mercy Malaysia, SOLS dan 7979 bagi membincangkan usaha kolaboratif dalam memperkukuh ekosistem Sektor Ketiga di Malaysia.

A preparation meeting was held for the Mainstreaming the Third Sector workshop scheduled on 29 October, which will gather multiple government agencies including MDEC, the Ministry of Economy, DOSM, and KUSKOP, along with key stakeholders such as Mercy Malaysia, SOLS, and 7979 to discuss collaborative efforts in strengthening Malaysia's Third Sector ecosystem.

26.10.2025

Majlis Perasmian Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 & Sidang Kemuncak Berkaitan

Opening Ceremony of the 47th ASEAN Summit & Related Summits

117



Zoel Ng menghadiri Majlis Perasmian Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan, menyaksikan detik bersejarah apabila Timor-Leste secara rasmi menjadi ahli ke-11 ASEAN. Dalam ucapannya, Perdana Menteri YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan teknologi dan inovasi dalam memacu agenda pembangunan bersama Malaysia dan ASEAN.

Zoel Ng attended the Opening Ceremony of the 47th ASEAN Summit and Related Summits, witnessing a historic moment as Timor-Leste officially became the 11th member of ASEAN. In his address, Prime Minister YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim underscored the importance of technology and innovation in driving Malaysia's and ASEAN's collective development agenda.

31.10.2025

Mesyuarat bersama SK Magic

Meeting with SK Magic

118



SK Magic meneroka perkongsian Nilai Sosial Kongsi Korporat (CSSV) dengan Akademi MySDG, dengan matlamat bersama untuk menyumbang secara signifikan kepada pembangunan lestari komuniti. Perbincangan tertumpu kepada cara terbaik bagi produk SK Magic menyokong pelbagai matlamat kelestarian. Strategi-strategi ini dimaklumkan oleh pandangan utama daripada laporan pemetaan isu APPGM-SDG dan diperkukuh melalui penglibatan rakan kongsi dalam rangkaian SDG yang lebih luas.

SK Magic is currently exploring a Corporate Social Shared Value (CSSV) partnership with the MySDG Academy, with the shared goal of contributing significantly to community sustainable development. The discussions centered on determining how SK Magic products can best support various sustainability goals. These strategies are being informed by key insights from the APPGM-SDG issue mapping report and strengthened through the involvement of partners within the broader SDG network.



31.10.2025

Mesyuarat bersama Yayasan Peaceland
Meeting with Peaceland Foundation

119



Satu mesyuarat telah diadakan bersama Yayasan Peaceland, bersama Yoogeswaran (PMD), untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif mengenai usaha global Peaceland yang meluas merangkumi 32 buah negara. Kerja mereka meliputi pelbagai bidang, termasuk bantuan bencana, bantuan pelarian, tindakan iklim, dan penglibatan belia. Mesyuarat itu juga membincangkan peluang kolaborasi untuk menubuhkan Sayap Belia yang berdedikasi untuk memajukan Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE.

A meeting was held with the Peaceland Foundation, alongside Yoogeswaran (PMD), to gain a comprehensive understanding of Peaceland's extensive global efforts, which span 32 countries. Their work covers areas, including disaster relief, refugee aid, climate action, and youth engagement. The meeting also discussed a collaborative opportunity to establish a Youth Wing dedicated to advancing the ASEAN SDG-SSE Roadmap.



JABATAN PENYELARASAN KAWASAN PARLIMEN | CONSTITUENCY COORDINATION DEPARTMENT

6.10.2025

Program Sambutan Hari HABITAT Sedunia 2025

The 2025 World Habitat Day Celebration Programme

120



Nurul Syaza telah menghadiri Program Sambutan Hari HABITAT Sedunia 2025 bertajuk Urban Breakfast: High Impact Dialogue and Urban Resilience Clinic yang diadakan di Dewan Semarak, Cyberjaya. Dalam ucapan utama, YBhg. Tan Sri Prof. Dr. Noorul Ainur, Profesor Amalan di JSC on Sustainable Development, menekankan kepentingan kolaborasi bagi menggerakkan perubahan berstruktur melalui pendekatan seperti mengenal pasti juara (*champions*), pembangunan kapasiti, kerjasama, teknologi dan inovasi. Sesi panel pula memberi tumpuan kepada inisiatif komuniti dan NGO, dasar semasa serta tahap kesedaran dalam memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim. Syaza turut berpeluang berinteraksi dengan Pengarah Perancang MBPJ, TPr Lee, dan Pegawai Perancang Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, TPr Rozaidi, yang merupakan ahli Jawatankuasa Mampan Institut Perancang Malaysia.

Nurul Syaza attended the 2025 World Habitat Day celebration programme, Urban Breakfast: High Impact Dialogue and Urban Resilience Clinic, held at Dewan Semarak, Cyberjaya. In her keynote, YBhg. Tan Sri Prof. Dr. Noorul Ainur, Professor of Practice at JSC on Sustainable Development, highlighted the importance of collaboration to drive structured change through identifying champions, capacity building, partnerships, technology, and innovation. The panel discussion focused on community and NGO initiatives, policies, and awareness in strengthening climate resilience. Syaza also networked with MBPJ Planning Director TPr Lee and Hang Tuah Jaya Municipal Council Planner TPr Rozaidi, members of the Malaysian Institute of Planners' Sustainability Committee.

2.10.2025

RTD - Status Sosioekonomi Komuniti B40 Cina Bandar

RTD - Socioeconomic Status of the Urban Chinese B40 Community

121



Dr. Teo Lee Ken telah menghadiri Sesi Perbincangan Meja Bulat (RTD) mengenai status sosioekonomi komuniti B40 Cina bandar di Kepong sebagai salah seorang panelis. Sesi ini telah diadakan di Universiti Malaya (UM), dianjurkan oleh Pusat Pengajian Ungku Aziz (UAC) dengan sokongan daripada APPGM-SDG.

Dr. Teo Lee Ken attended a Roundtable Discussion (RTD) on the socioeconomic status of the urban Chinese B40 community in Kepong as one of the panelists. The session was held at Universiti Malaya (UM), organised by the Ungku Aziz Centre for Development Studies (UAC) with support from APPGM-SDG.

18.10.2025

Persidangan Iklim MYD 2025
MYD Climate Conference 2025

122



Nurul Syaza mewakili APPGM-SDG dalam Persidangan Iklim MYD 2025, di mana beliau berkongsi pandangan mengenai infrastruktur luar bandar bagi penyesuaian terhadap perubahan iklim. Pembentangannya menyorot dapatan utama daripada pemetaan yang mencerminkan suara serta realiti kehidupan komuniti setempat.

Nurul Syaza represented APPGM-SDG at the MYD Climate Conference 2025, where she shared insights on rural infrastructure for climate adaptation. Her presentation highlighted key mapping findings that reflect the voices and lived realities of local communities.

30.10.2025

Forum Perancang Bandar Muda 2025
Young Planners Forum 2025

123



Nurul Syaza mewakili APPGM-SDG membentangkan penemuan dan dapatan terkini daripada inisiatif pembangunan mampan di peringkat akar umbi. Dalam sesi tersebut, beliau berkongsi hasil kajian lapangan APPGM-SDG serta pendekatan komuniti yang menyumbang kepada perancangan yang lebih inklusif, responsif dan berdaya tahan.

Nurul Syaza, representing APPGM-SDG, presented key findings from our ground-level sustainable development initiatives. She highlighted community-based insights and localised data that are helping shape more inclusive, responsive, and resilient planning strategies.




JABATAN PENGURUSAN PROJEK | PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT

2.10.2025

Mesyuarat Pemantauan Bulanan CBDP CBDP Monthly Monitoring Meeting

124




Mesyuarat pemantauan bulanan CBDP telah dijalankan oleh Corrin Alicia dan Danish bersama Nor Amirul. Mesyuarat pemantauan ini dihadiri oleh tujuh Rakan Solusi (SP) dari Sarawak dan empat dari Sabah yang membentangkan perkembangan projek masing-masing. Selain itu, Corrin Alicia turut berjumpa secara bersemuka dengan tiga lagi Penyedia Solusi (SP) semasa acara Kind Borneo bagi mendapatkan kemas kini projek mereka.

The CBDP monthly monitoring meeting was carried out by Corrin Alicia and Danish, together with Nor Amirul. The monitoring meeting was attended by seven Sarawak SPs and four Sabah SPs, who presented updates on their respective projects. In addition, Corrin Alicia met with three other Solution Providers (SP) in person during the Kind Borneo event to get updates on their projects.

3.10.2025

Mesyuarat Penubuhan Enam Kelab Belia di Semua Zon dan Wilayah A Meeting for the Formation of Six Upcoming Youth Clubs Across All Zones and Regions

125



Yoogeswaran telah mengadakan mesyuarat bersama Rakan Solusi terpilih yang berjaya melaksanakan inisiatif Kem Belia sebelum ini bagi membincangkan penubuhan enam Kelab Belia di semua zon dan wilayah. Sesi tersebut memberi tumpuan kepada pra-perancangan strategik penubuhan kelab berkenaan dan turut dihadiri oleh Nur Farah Ezzaty, yang memberikan ucapan serta panduan berharga untuk menyokong proses tersebut.

Yoogeswaran conducted a meeting with selected Solution Providers who had successfully implemented previous Youth Camp initiatives to discuss the formation of six upcoming Youth Clubs across all zones and regions. The session focused on strategic pre-planning for their establishment and was joined by Nur Farah Ezzaty, who shared her remarks and valuable guidance to support the process.

4.10.2025

Sesi Interaktif Mengenai Pengurusan Tanah
An Engaging Session on Soil Management

126



Darshini telah dijemput untuk mengendalikan sesi interaktif mengenai Pengurusan Tanah bersama Dr. Saraswathi dari Universiti AIMST. Sesi ini menekankan peranan penting tanah dalam menjamin keselamatan makanan serta memberi pemahaman mendalam tentang bagaimana tanah yang subur menyokong produktiviti pertanian, kelestarian ekosistem dan kesejahteraan komuniti. Perbincangan turut menegaskan kepentingan menjaga kesihatan tanah bagi meningkatkan daya tahan dan memelihara biodiversiti.

Darshini was invited to conduct an interactive session on Land Management with Dr. Saraswathi from AIMST University. The session highlighted the crucial role of land in ensuring food security and provided a deep understanding of how fertile land supports agricultural productivity, ecosystem sustainability, and community well-being. The discussion also emphasised the importance of maintaining soil health to enhance resilience and preserve biodiversity.

4.10.2025

Parlimen Tasek Gelugor - Lawatan Projek Hub Padi Komuniti
Tasek Gelugor Parliament - Community Paddy Hub Project Visit

127



Vikneswaran telah melawat Projek Fasa 1 Hub Padi Komuniti di Tasek Gelugor bersama Pegawai Parlimen, En. Shahril, dan Penyelaras Projek, En. Ruzaimi. Kerja-kerja pendawaian dan penyediaan tapak bagi pusat pemprosesan padi telah siap sepenuhnya, dan mesin yang baru tiba telah lulus pemeriksaan. Latihan operasi akan dijalankan tidak lama lagi sebelum pengeluaran dimulakan. Projek yang dibiayai oleh APPGM-SDG ini merupakan aset berharga kepada komuniti pesawah tempatan, meningkatkan produktiviti serta memberi impak lestari kepada komuniti setempat.

Vikneswaran visited Phase 1 Project Hub Padi Komuniti in Tasek Gelugor with Parliamentary Officer, Mr. Shahril and Project Coordinator, Mr. Ruzaimi. The wiring and site preparation for the rice processing centre are complete, and the newly arrived machine has passed inspection. Operation training will begin soon before production starts. This APPGM-SDG-funded project is a valuable asset to the local farming community, enhancing productivity and delivering sustainable impact.

5.10.2025

Majlis Graduasi Projek Meridian Therapy for Community Wellbeing and Holistic Health*Graduation Ceremony of the Meridian Therapy for Community Wellbeing and Holistic Health Project*

128




Vikneswaran telah menghadiri majlis graduasi Projek Penjanaaan Pendapatan – SDG Meridian Therapy for Community Wellbeing and Holistic Health yang dianjurkan oleh JCI Pearl di Bukit Mertajam. Di bawah pimpinan Pengurus Projek Vivian dan Jurulatih Cik Ang Ee Ling, program ini telah melatih 10 peserta dalam teori Perubatan Tradisional Cina, penyembuhan holistik dan aliran tenaga. Presiden JCI Pearl, Angeline, turut hadir. Para peserta berkongsi bagaimana kursus ini telah memperdalam pemahaman mereka tentang kesejahteraan, penjagaan diri dan amalan kesihatan mampan, mencerminkan kerjasama antara JCI Pearl dan APPGM-SDG dalam mempromosikan kesejahteraan komuniti serta penyelesaian kesihatan yang lestari.

Vikneswaran attended the graduation ceremony of the Income Generation Project – SDG Meridian Therapy for Community Wellbeing and Holistic Health, organised by JCI Pearl in Bukit Mertajam. Led by Project Manager Vivian and Trainer Ms. Ang Ee Ling, the programme trained 10 participants in Traditional Chinese Medicine theory, holistic healing, and energy flow. President Angeline of JCI Pearl was also present. Participants shared how the course deepened their understanding of wellness, self-care, and sustainable health practices, reflecting JCI Pearl's collaboration with APPGM-SDG in promoting community wellbeing and sustainable health solutions.

6.10.2025

Mesyuarat Penilaian Impak
Impact Evaluation Meeting

129



James Raj, Nur Farah Ezzaty, Darshini dan Dana Claudia bersama-sama dengan En. Karthi dan Dr. Wong telah mengadakan mesyuarat Penilaian Impak bagi membincangkan metodologi serta cadangan garis masa untuk proses penilaian tersebut.

James Raj, Nur Farah Ezzaty, Darshini, and Dana Claudia, together with Mr. Karthi and Dr. Wong, held an Impact Evaluation meeting to discuss the methodology and proposed timeline for the evaluation process

21.10.2025

Pemantauan Projek bagi Zon Tengah
Project Review for Central Zone

130



Mesyuarat telah diadakan bagi menilai kemajuan projek Zon Tengah yang dipengerusikan oleh Nur Farah Ezzaty serta dihadiri oleh Nur Shaidatul dan Faiz Hadzim.

A meeting was held to review the project progress for the Central Zone, led by Nur Farah Ezzaty and attended by Nur Shaidatul and Faiz Hadzim.

24.10.2025

Pemantauan Projek bagi Zon Utara
Project Review for North Zone

131



Rose Helen dan Karthiga membentangkan perkembangan projek Zon Utara yang merangkumi Projek Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Berasaskan Komuniti kepada Nur Farah Ezzaty.

Rose Helen and Karthiga presented the North Zone project updates, covering both Food Security and Community-Based Development Project, to Nur Farah Ezzaty.

24.10.2025

Pemantauan Bulanan bagi Unit Keterjaminan Makanan Zon Utara
Monthly Monitoring for Food Security Unit of Northern Zone

132



Sesi pemantauan bulanan bagi inisiatif Keterjaminan Makanan Zon Utara telah diketuai oleh Rose Helen dan menampilkan pembentangan daripada tujuh Penyedia Solusi.

The monthly monitoring session for the Northern Zone Food Security initiative was led by Rose Helen and featured presentations from seven Solution Providers.

26.10.2025

Parlimen Alor Gajah - Program Pemasaran Digital Veteran

Alor Gajah Parliament - Veteran Digital Marketing Programme

133



Yoogeswaran telah menghadiri Majlis Graduasi dan Penutupan bagi Program Pemasaran Digital Veteran yang disempurnakan oleh YB Tuan Hj. Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan, bersama Mej. Jen. Dato' Haji Semaon Haji Marjuki, Ketua Pengarah JHEV. Majlis tersebut turut disiarkan secara langsung di laman rasmi TikTok YYB Tuan Hj. Adly, di mana beliau sendiri mempromosikan produk hasil usahawan veteran yang terlibat. Dalam ucapannya, YB Tuan Hj. Adly memuji usaha berimpak APPGM-SDG dalam memperkasa komuniti veteran melalui pemasaran digital. Kesemua 10 peserta veteran turut berpeluang mempamer dan mempromosikan produk mereka semasa sesi TikTok Live, yang berjaya menarik sekitar 182,000 penonton.


Yoogeswaran attended the Graduation and Closing Ceremony for Veteran Digital Marketing Programme, officiated by YB Tuan Hj. Adly Zahari, Deputy Minister of Defence, and Major General Dato' Haji Semaon Haji Marjuki, Director General of JHEV. The event, streamed live on YB Tuan Hj. Adly's official TikTok page, saw him personally promoting products by the project's veteran beneficiaries. In his speech, YB Tuan Hj. Adly commended APPGM-SDG for its impactful efforts in empowering the veteran community through digital marketing. All 10 veteran participants showcased their products during the TikTok Live session, which reached around 182,000 viewers.

31.10.2025

Mesyuarat Perancangan 'Tamu SDG': Karnival Kelestarian Komuniti APPGM-SDG

Planning Meeting for 'Tamu SDG': APPGM-SDG Community Sustainability Carnival

134



PMD telah mengadakan mesyuarat perancangan, yang diketuai oleh Nur Farah Ezzaty dan Darshini, sebagai persiapan untuk 'Tamu SDG': Karnival Kelestarian Komuniti APPGM-SDG yang akan datang di parlimen. Mesyuarat tersebut membincangkan perkara termasuk deskripsi tugas terperinci dan menggariskan semua tugas yang diperlukan merentasi fasa pra-karnival, semasa karnival, dan pasca-karnival. Pasukan itu telah menetapkan langkah-langkah persediaan dan merancang untuk mesyuarat susulan seterusnya bagi memastikan pelaksanaan karnival berjalan lancar dan berjaya.


PMD held a planning meeting, led by Nur Farah Ezzaty and Darshini, to prepare for the upcoming Tamu SDG': PPGM-SDG Community Sustainability Carnival at the parliament. The meeting discussed matters including detailed job descriptions and outlined all necessary tasks across the pre-carnival, during-carnival, and post-carnival phases of the event. The team established preparatory steps and planned for their next follow-up meeting to ensure the carnival's smooth and successful execution.

JABATAN SOLUSI DASAR | POLICY SOLUTIONS DEPARTMENT

21.10.2025

Mesuarat Pemantauan Bulan Oktober bagi Penyelaras Tempatan (LC) October Monthly Monitoring Meeting for Local Coordinator (LC)

135



Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan (LC) bagi bulan Oktober telah dijalankan melalui Zoom, di mana LC berkongsi kemajuan dan perkembangan terkini mereka. Antara sorotan utama ialah Pembangunan Kapasiti untuk Pemimpin Tempatan yang bertujuan memperkukuh kefahaman mereka terhadap isu dasar serta keupayaan berinteraksi dengan agensi. Dapatan menunjukkan ramai pemimpin tempatan masih belum mengetahui tentang Rancangan Tempatan Daerah atau peranan mereka dalam menambah baik pelan tersebut.

The October Local Coordinator (LC) Monthly Monitoring was conducted via Zoom, where LC shared their progress and updates. A key highlight was the recent Capacity Building (CB) sessions for Local Leaders, aimed at strengthening their understanding of policy issues and engagement with agencies. Findings showed that many leaders were unaware of the Local District Plan (Rancangan Tempatan Daerah) or their role in improving it.

23.10.2025

Kunjungan Hormat ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Courtesy Visit to the Petaling Jaya City Council (MBPJ)

136



Kunjungan hormat dan perbincangan strategik antara APPGM-SDG dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di Ruang PJKITA, The Spine, membincangkan penubuhan Jawatankuasa SDG Parlimen Petaling Jaya. Sesi dihadiri oleh TPr. Lee Lih Shyan, Pn. Nazihah Jaafar, Dr. Jeffery Phang, En. Lazim dan Paniirselvam. Dalam sesi tersebut, Paniirselvam membentangkan pelaksanaan Intervensi Dasar APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah serta mencadangkan penubuhan Jawatankuasa SDG dengan MBPJ sebagai agensi utama dan APPGM sebagai penyelaras. TPr. Lee Lih Shyan bersetuju melantik APPGM-SDG sebagai ahli Jawatankuasa Kerja Kecil Pembangunan Mampan MBPJ dan menggalakkan penglibatan komuniti dalam sistem aduan MBPJ-SISPAA serta program kepimpinan dan keusahawanan komuniti.

A courtesy visit and strategic discussion between APPGM-SDG and the Petaling Jaya City Council (MBPJ) were held at Ruang PJKITA, The Spine, to discuss the establishment of the Petaling Jaya Parliamentary SDG Committee. The session was attended by TPr. Lee Lih Shyan, Pn. Nazihah Jaafar, Dr. Jeffery Phang, En. Lazim, and Paniirselvam. During the meeting, Paniirselvam presented the APPGM-SDG and Yayasan Hasanah Policy Intervention implementation and proposed the formation of an SDG Committee with MBPJ as the lead agency and APPGM as coordinator. TPr. Lee Lih Shyan agreed to appoint APPGM-SDG as a member of MBPJ's Sustainable Development Working Committee and encouraged community participation through the MBPJ-SISPAA complaint system, as well as in leadership and entrepreneurship programmes.

JABATAN ADVOKASI DASAR PERINGKAT PARLIMEN | PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY DEPARTMENT

Mesyuarat Bersama Pakar Bidang Dalam Penulisan Laporan Akhir Dasar Peringkat Parlimen APPGM-SDG

3.10.2025

Meeting with Subject Experts Involved in the writing of the APPGM-SDG Parliamentary-Level Policy Final Report

137



Perbincangan secara dalam talian telah diadakan bersama pakar bidang yang terlibat dalam penyediaan dan penulisan laporan akhir dasar peringkat parlimen APPGM-SDG. Sesi ini merupakan pertemuan susulan bagi memastikan setiap pakar mematuhi gaya penulisan yang ditetapkan bagi tujuan reka bentuk dan penyediaan laporan akhir sebelum diterbitkan. Selain itu, sesi ini juga berfungsi sebagai platform untuk mendapatkan perkembangan semasa, membincangkan cabaran yang dihadapi serta berkongsi idea dan pandangan daripada setiap pakar bidang berkaitan penulisan mereka.

An online discussion was held with subject experts involved in the preparation and writing of the APPGM-SDG Parliamentary-Level Policy Final Report. This session served as a follow-up meeting to ensure that all experts adhere to the required writing style for the design and preparation of the final report prior to publication. Additionally, the session functioned as a platform to obtain progress updates, address challenges encountered, and exchange ideas and insights from each expert regarding their respective sections.

23.10.2025

Kunjungan Hormat bagi Penulisan Laporan Bertema Pemerkasaan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Courtesy Visit for Policy Report Writing on Empowering the Community Rehabilitation Centre (PDK) Programme

138



Kunjungan hormat bersama YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff di Bangunan Parlimen bertujuan bagi berkongsikan perkembangan terkini bagi penulisan laporan cadangan dasar bertemakan 'Pemerkasaan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) – Strategi Memperkukuhkan Ekonomi Penjagaan dan Inklusiviti OKU di Malaysia'. Pertemuan ini adalah diharapkan agar pihak YB dapat menjadikan laporan ini sebagai satu cadangan yang dapat dibahaskan semasa sidang parlimen kelak.

A courtesy visit was held with YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff at the Parliament Building to share updates on the policy proposal report titled "Empowering Community Rehabilitation Centre (PDK) Programmes – Strategies to Strengthen the Care Economy and Disability Inclusivity in Malaysia." The meeting aimed to encourage YB's support in considering the report as a proposal to be discussed during the upcoming parliamentary session.

27.10.2025

Kunjungan Hormat bagi Penulisan Laporan Bertema Keterjaminan dan Keselamatan Makanan bagi Sayur-sayuran dan Buah-buahan*Courtesy Visit for Policy Report Writing on Food Security and Safety for Vegetables and Fruits*

139



Kunjungan hormat bersama YB Puan Young Syefura Othman di Bangunan Parlimen bertujuan bagi berkongsikan perkembangan terkini bagi penulisan laporan cadangan dasar bertemakan 'Keterjaminan dan Keselamatan Makanan bagi Sayur-sayuran dan Buah-buahan'. Pertemuan ini adalah diharapkan agar pihak YB dapat menjadikan laporan ini sebagai satu cadangan yang dapat dibahaskan semasa sidang parlimen kelak.

A courtesy visit was held with YB Puan Young Syefura Othman at the Parliament Building to share updates on the policy proposal report titled "Food Security and Safety for Vegetables and Fruits." The meeting aimed to encourage YB's support in considering the report as a proposal to be discussed during the upcoming parliamentary session.

30.10.2025

Majlis Peluncuran Kertas Kerja "Patutkah Malaysia Meluaskan Pencen Sosialnya?"*"Should Malaysia Expand Its Social Pension?" Paper Launch Ceremony*

140



Lydia Ann, Nuha Mysara, dan Abdullah Nishad mewakili APPGM-SDG pada majlis peluncuran kertas kerja "Should Malaysia Expand Its Social Pension?" (Patutkah Malaysia Meluaskan Pencen Sosialnya?) yang dianjurkan oleh World Bank Group. Peluncuran tersebut membincangkan bagaimana liputan pencen sosial dan kelayakan umur berbeza-beza di peringkat global. Dalam konteks masyarakat menua di Malaysia, dicadangkan agar pencen sosial diperluaskan kepada kumpulan B40 sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih luas untuk mengurangkan kemiskinan dan mengukuhkan perlindungan sosial. Perbincangan ini sejajar dengan komitmen berterusan APPGM-SDG untuk memajukan pembangunan sosial inklusif di Malaysia.

Lydia Ann, Nuha Mysara, and Abdullah Nishad represented APPGM-SDG at the launch of the paper "Should Malaysia Expand Its Social Pension?" organised by the World Bank Group. The launching discussed how social pension coverage and age eligibility vary globally. In the Malaysian ageing society context, it was recommended that social pensions be expanded to the B40 group as part of broader efforts to reduce poverty and strengthen social protection. This discussion aligns with APPGM-SDG's ongoing commitment to advancing inclusive social development in Malaysia.

31.10.2025

Mesyuarat Bersama Pakar Bidang Dalam Penulisan Laporan Akhir Dasar Peringkat Parlimen APPGM-SDG*Meeting with Subject Experts Involved in the writing of the APPGM-SDG Parliamentary-Level Policy Final Report*

141



Pasukan PPAD telah mengadakan mesyuarat kemajuan yang fokus bersama penyumbang utama untuk memajukan dua laporan dasar utama. Sesi pagi melibatkan Cik Jasmin Mohd Saad dari Reef Check (penulis utama untuk laporan Perikanan), manakala sesi petang menampilkan Dr. Jain Yasin (penulis utama untuk laporan Kebajikan di Sabah). Kedua-dua perbincangan tertumpu kepada penelitian maklum balas yang diberikan oleh Dr. Teo Sue Ann, dengan matlamat untuk meningkatkan secara signifikan kualiti, struktur, dan kejelasan keseluruhan laporan tersebut. Di samping itu, sebahagian besar mesyuarat dikhususkan untuk menyelaraskan pembangunan infografik dan bahan visual yang penting untuk pelancaran laporan dasar akan datang.

The PPAD team held progress meetings with key contributors to advance two major policy reports. The morning session involved Ms. Jasmin Mohd Saad from Reef Check (lead writer for the Fisheries report), and the afternoon session featured Dr. Jain Yasin (lead writer for the Welfare report in Sabah). Both discussions centred on addressing feedback provided by Dr. Teo Sue Ann, with the goal of significantly enhancing the reports' overall quality, structure, and clarity. Additionally, a significant portion of the meetings was dedicated to coordinating the development of infographics and visual materials essential for the upcoming launch of the policy reports.



PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT

1.10.2025

Mesyuarat bagi Persidangan Alternatif Asia Tenggara ke-6 *Meeting on the Upcoming 6th Southeast Asian Conference*

142



Hirzawati Atikah dan Vikneswaran telah menghadiri mesyuarat bagi Persidangan Alternatif Asia Tenggara ke-6 yang akan datang, anjuran Movement for Alternatives and Solidarity in Southeast Asia (MASSA), yang akan berlangsung di Siem Reap, Kemboja pada November 2025. Tema persidangan ialah "Solidariti Rentas Sempadan: Membina Keamanan, Ekonomi Rakyat dan Pembangunan Alternatif di Asia Tenggara." Mesyuarat ini bertujuan memuktamadkan tema, program dan logistik.

Hirzawati Atikah and Vikneswaran attended a meeting for the upcoming 6th Southeast Asian Conference on Alternatives, organised by the Movement for Alternatives and Solidarity in Southeast Asia (MASSA), to be held in Siem Reap, Cambodia in November 2025. The theme is "Cross-Border Solidarity: Building Peace, People's Economies and Alternative Development in Southeast Asia." The meeting aimed to finalise the theme, programme, and logistics.

2.10.2025

Sesi Semakan Berkala bersama Dato' Sri Mustapa Mohammed *Regular Check-in Session with Dato' Sri Mustapa Mohammed*

143



Sesi semakan berkala bersama Dato' Sri Mustapa Mohamed telah diadakan bagi membincangkan beberapa program akan datang, termasuk Mesyuarat Rakan Kongsi dalam Mempercepatkan SDG, sesi ceramah Hari Pembasmian Kemiskinan Antarabangsa, Forum Intervensi Dasar SDG, serta perbincangan mengenai pemerkasaan pendekatan keseluruhan kerajaan dengan memanfaatkan rangkaian sedia ada untuk 13 Ahli Parlimen.

Regular check-in session with Dato' Sri Mustapa Mohamed was conducted to discuss several upcoming programmes, including Partners in Accelerating SDG Meeting, the International Poverty Day Talk, the SDG Policy Intervention Forum, and strategies to formalise a whole-of-government approach by leveraging the existing network of 13 Members of Parliament.

6.10.2025

Sesi Pertemuan bersama Pegawai Sekretariat Baharu

A Meeting Session with Scretariate Officer

144



Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli dan Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria telah mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai baharu bagi berkenalan dan mengenali mereka dengan lebih dekat. Turut hadir ialah James Raj, Dr. Teo Sue Ann, Karuppiah dan Mohd Hazwan.


Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli and Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria held a meeting with the new officers to get acquainted and know them better. Also present were James Raj, Dr. Teo Sue Ann, Karuppiah, and Mohd Hazwan.

6.10.2025

Mesyuarat Susulan bagi Persidangan Alternatif Asia Tenggara ke-6

Follow-Up Meeting on the Upcoming 6th Southeast Asian Conference

145



Hirzawati Atikah dan Vikneswaran telah menghadiri mesyuarat susulan bagi membincangkan program dan kandungan untuk Persidangan/Persidangan Agung MASSA yang akan diadakan di Siem Reap dari 11 hingga 13 November.

Hirzawati Atikah & Vikneswaran attended a follow up meeting to discuss the programmes and content for the upcoming MASSA Conference/Assembly in Siem Reap from 11 to 13 November.

6.10.2025

Mesyuarat Majlis Peluncuran Penerbitan PMD

PMD Publications Launch Event Meeting

146



Selaras dengan 'Tamu SDG': Karnival Kelestarian Komuniti APPGM-SDG yang akan berlangsung pada 1-2 Disember 2025, PMD akan menerbitkan sebanyak 13 penerbitan. Mesyuarat ini diadakan bagi memperkukuh kerjasama antara Jabatan Komunikasi Korporat dan PMD bagi memastikan kejayaan penganjuran acara tersebut.

In alignment with the upcoming 'Tamu SDG': APPGM-SDG Community Sustainability Carnival, which will be held on 1-2 December 2025, PMD will be publishing 13 publications. The meeting was convened to strengthen collaboration between the Corporate Communication Department and PMD to ensure the success of the event.

8.10.2025

Majlis Pelancaran Buku "Strategic Shift: Preparing Malaysia for a Turbulent Future"*Book Launch Ceremony of "Strategic Shift: Preparing Malaysia for a Turbulent Future"*

147



Karuppiah mewakili Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan APPGM-SDG ke majlis pelancaran buku *Strategic Shift: Preparing Malaysia for a Turbulent Future* karya Datuk Prof. Dr. Mohd Faiz Abdullah, Pengerusi ISIS Malaysia, yang diadakan di EQ Plaza Hotel, Kuala Lumpur. Majlis pelancaran tersebut turut menampilkan ucapnama oleh YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, Menteri Luar Negeri.

Karuppiah represented Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria and APPGM-SDG at the book launch of Strategic Shift: Preparing Malaysia for a Turbulent Future by Datuk Prof. Dr. Mohd Faiz Abdullah, Chairman of ISIS Malaysia, held at the EQ Plaza Hotel, Kuala Lumpur. The launch ceremony also featured a keynote address by YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, Minister of Foreign Affairs.

13.10.2025

Persiapan Sesi Dialog Tempatan bagi Shah Alam Urban Forum*Local Dialogue Session at the Shah Alam Urban Forum Preparation*

148



Nurul Syaza, Lydia Ann, Faiz Hadzim dan Diana (SP Shah Alam) telah mengadakan perbincangan bagi persediaan Sesi Dialog Tempatan bagi Shah Alam Urban Forum. Topik bagi sesi panel ini adalah Membina Bandar Inklusif dan Berdaya Tahan Bersama Komuniti Akar Umbi yang akan membincangkan isu, cabaran dan cadangan daripada suara akar umbi terutamanya di Parlimen Shah Alam.

Nurul Syaza, Lydia Ann, Faiz Hadzim, and Diana (SP Shah Alam) held a discussion to prepare for the Local Dialogue Session at the Shah Alam Urban Forum taking place on the 14th October 2025. The panel session, titled Building Inclusive and Resilient Cities with Grassroots Communities, will discuss issues, challenges, and recommendations drawn from grassroots voices, particularly from the Shah Alam parliamentary constituency.

14.10.2025

Sesi Dialog Tempatan bagi Shah Alam Urban Forum
Local Dialogue Session at the Shah Alam Urban Forum

149



APPGM-SDG telah dijemput oleh MBSA untuk mengadakan sesi panel bertajuk 'Membina Bandar Inklusif dan Berdaya Tahan bersama Komuniti Akar Umbi' di Shah Alam Urban Forum (SAUF) pada 14 Oktober di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam. Faiz Hadzim, Lydia Ann dan Nurdiana (rakan solusi Parlimen Shah Alam) merupakan ahli-ahli panel, manakala Nurul Syaza pula merupakan moderator bagi sesi ini. Sesi panel ini telah mengupas isu-isu daripada dapatan kajian pemetaan isu Parlimen Shah Alam serta perbincangan solusi melalui pendekatan penglibatan komuniti tempatan sebagai penggerak utama.

APPGM-SDG was invited by MBSA to conduct a panel session titled "Building Inclusive and Resilient Cities with Grassroots Communities" at the Shah Alam Urban Forum (SAUF) on 14 October at the MBSA Convention Centre, Shah Alam. Faiz Hadzim, Lydia Ann, and Nurdiana (Shah Alam Parliament solution partner) were the panel members, while Nurul Syaza served as the moderator for this session. This panel session discussed issues from the findings of the Shah Alam Parliament issue mapping study and solutions through the approach of local community engagement as the main driver.

29.10.2025

Maklum Balas Mengenai Sistem Perakaunan
Feedback on the Accounting System

150



Pasukan Kewangan telah menerima jemputan daripada Xero untuk berkongsi maklum balas mengenai sistem perakaunan mereka. Rachel Tan, Yusof, Mastura dan Siti Hajar telah menghadiri mesyuarat tersebut.

The Finance team received an invitation from Xero to share feedback on their accounting system. Rachel Tan, Yusof, Mastura, and Siti Hajar attended the meeting.

30.10.2025

Mesyuarat Pengarah APPGM-SDG
APPGM-SDG Directors' Meeting

151



Pengarah-pengarah APPGM-SDG telah mengadakan mesyuarat untuk menyemak rangka kerja sasaran dan penyampaian untuk tahun 2026 organisasi tersebut. Mesyuarat ini adalah penting untuk menilai trajektori prestasi semasa, bagi memastikan semua inisiatif yang dirancang sejajar dengan matlamat organisasi.

The APPGM-SDG Directors had a meeting to review the organisation's 2026 targets and delivery framework. This meeting was important to assess the current performance trajectory, ensuring all planned initiatives align with organisation's goals.

30.10.2025

Sambutan Hari Deepavali APPGM-SDG*APPGM-SDG's Deepavali Celebration*

152



APPGM-SDG telah menganjurkan sambutan dengan dua tujuan yang meriah, menggabungkan Sambutan Deepavali dengan Sambutan Hari Lahir bagi kakitangan yang lahir pada bulan Oktober. Kemeriahan majlis ini menampilkan hidangan India dan turut dihadiri oleh tetamu kehormat seperti YB Tuan Rushdan Rusmi dan Dato' Indrani Thuraisingham.

The APPGM-SDG hosted a vibrant, dual-purpose event that combined a Deepavali Celebration with a Birthday Celebration for staff members who were born in October. The festivities feature Indian food and, include guests such as YB Tuan Rushdan Rusmi and Dato' Indrani Thuraisingham.

30.10.2025

Mesyuarat Persiapan untuk Persidangan di Manila*Preparation Meeting for the Conference in Manila*

153




Satu mesyuarat telah diadakan antara Dr. Eri Trinurini Adhi, Dr. Victor Karunan, Dr. Khairil Ahmad, dan Zoel Ng, untuk membincangkan mesyuarat persiapan akhir menjelang Persidangan Manila yang dijadualkan pada November.

A meeting was held between Dr. Eri Trinurini Adhi, Dr. Victor Karunan, Dr. Khairil Ahmad and Zoel Ng, to discuss on the final preparation meeting ahead of the Manila Conference scheduled for next week.

31.10.2025

Perjumpaan bersama Wild Asia*Meeting with Wild Asia*

154



Satu mesyuarat telah diadakan bersama Wild Asia, sebuah organisasi yang berdedikasi untuk memberi inspirasi kepada perniagaan agar meningkatkan amalan sosial dan alam sekitar mereka bagi memenuhi dan melangkaui piawaian global. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk meneroka potensi perkongsian yang memfokuskan kepada pemerkasaan komuniti ekonomi sosial.

A meeting was held with Wild Asia, an organisation dedicated to inspiring businesses to improve their social and environmental practices to meet and exceed global standards. The meeting was to explore a potential partnership focused on empowering the social economy community.



SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT

SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

SDG 17: Kerjasama Untuk Matlamat merupakan asas kepada strategi pelaksanaan APPGM-SDG, yang **memacu kerjasama merentasi sektor** dengan Parlimen, agensi kerajaan, universiti, pertubuhan sivil, dan sektor swasta bagi mengukuhkan penyampaian SDG di peringkat akar umbi.

Sepanjang bulan lalu, kerjasama baharu dan yang diperluaskan telah menyumbang kepada pembinaan ekosistem pelaksanaan yang lebih bersepadu dan mampan. Ibu Pejabat APPGM-SDG memainkan peranan penting dalam menyelaras kerjasama ini, **memastikan sinergi dan perkongsian sumber yang berkesan ke arah mencapai impak kolektif.**

*SDG 17: Partnership for the Goals is the foundation of APPGM-SDG's implementation strategy, **driving cross-sector collaboration** with Parliament, government agencies, universities, civil society, and the private sector to strengthen SDG delivery at the grassroots level.*

*Over the past month, new and expanded partnerships have contributed to building a more integrated and sustainable implementation ecosystem. The APPGM-SDG's Headquarter plays a vital role in coordinating these partnerships, **ensuring synergy and effective resource sharing toward achieving collective impact.***

Accomplished





OKTOBER 2025



SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT |
SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

23.10.2025

Sesi Perkongsian Sempena Persidangan Rakyat ASEAN
Sharing Session In conjunction with the ASEAN People's Conference

155



Sempena Persidangan Rakyat ASEAN, satu sesi perkongsian dan pembelajaran telah diadakan bersama pertubuhan masyarakat sivil (CSO) Timor-Leste, yang dianjurkan oleh Pusat KOMAS dan dipengerusikan oleh En. Jerald. Sesi tersebut menjadi platform pertukaran pengalaman dan pandangan antara CSO Timor-Leste dengan wakil daripada APPGM-SDG, CSO Platform, Pusat KOMAS serta beberapa CSO Malaysia yang lain. Persidangan Rakyat ASEAN bertemakan "Our ASEAN, Getting it Right: People at the Core" akan berlangsung esok di Wisma MCA dan turut meraikan penyertaan rasmi Timor-Leste sebagai ahli ASEAN yang baharu.

In conjunction with the ASEAN People's Conference, a sharing and learning session was held with Timor-Leste civil society organizations (CSOs), organized by Pusat KOMAS and chaired by Mr. Jerald. The session facilitated an exchange of experiences and insights between Timor-Leste CSOs and representatives from APPGM-SDG, CSO Platform, Pusat KOMAS, and several Malaysian CSOs. The ASEAN People's Conference, themed "Our ASEAN, Getting it Right: People at the Core," will take place tomorrow at Wisma MCA and marks the warm welcome of Timor-Leste into ASEAN.



24.10.2025

Forum Rakyat ASEAN 2025 (ASEANPeoples@ASEAN2025)*The ASEAN Peoples Forum 2025 (ASEANPeoples@ASEAN2025)*

156



Forum Rakyat ASEAN 2025 (ASEANPeoples@ASEAN2025) yang diadakan di Wisma MCA, Kuala Lumpur menghimpunkan pertubuhan masyarakat sivil dan aktivis dari seluruh Asia Tenggara bagi menegaskan semula komitmen terhadap ASEAN berpusatkan rakyat. Forum ini turut disertai oleh 13 NGO dari Timor-Leste yang mewakili lebih 280 ahli di bawah FONGTIL, bersama 30 NGO dan aktivis dari Myanmar, Thailand, dan Malaysia. Perbincangan utama memberi tumpuan kepada penyertaan rasmi Timor-Leste sebagai ahli baharu ASEAN, mempromosikan ekonomi yang adil dan mampan, serta memperkukuh advokasi serantau dalam hak pekerja migran, hak asasi manusia dan peralihan tenaga yang inklusif.

The ASEAN Peoples Forum 2025 (ASEANPeoples@ASEAN2025), held at Wisma MCA, Kuala Lumpur, gathered civil society organisations and activists from across Southeast Asia to reaffirm a people-centred ASEAN. The forum welcomed 13 NGOs from Timor-Leste representing over 280 members under FONGTIL, alongside 30 NGOs and activists from Myanmar, Thailand, and Malaysia. Key discussions focused on welcoming Timor-Leste as ASEAN's newest member, promoting a sustainable and just economy, and advancing regional advocacy on migrant workers' rights, human rights, and inclusive energy transition.

27.10.2025

Hari Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu: MY-UN: Perjalanan Kita Bersama*United Nations Day: MY-UN: Our Shared Journey*

157



Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) telah memperingati Ulang Tahun ke-80 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan menganjurkan Acara Peringatan Hari PBB pada 27 Oktober 2025, menampilkan ucapan ucapatama oleh Timbalan Perdana Menteri II, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof dan Wacana Eksekutif oleh Setiausaha Agung PBB, António Guterres. Diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN-PBB Ke-15, dialog peringkat tinggi itu menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Dato' Sri Mustapa Mohamed, Penasihat Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PMPL), bagi mengesahkan semula komitmen Malaysia terhadap pembangunan nasional yang inklusif dan badan dunia itu.

The Ministry of Foreign Affairs (Wisma Putra) commemorated the UN's 80th Anniversary with the UN Day Commemorative Event on 27 October 2025, featuring a keynote address by Deputy Prime Minister II, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof and an Executive Talk by UN Secretary-General, António Guterres. Held in conjunction with the 15th ASEAN-UN Summit, the high-level dialogue brought together diverse stakeholders, including Dato' Sri Mustapa Mohamed, Advisor of Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PMPL), to reaffirm Malaysia's commitment to inclusive national development and the global body.

27.10.2025

Persidangan Impak Yayasan MySDG 2025
Yayasan MySDG Impact Conference 2025

158



James Raj telah dijemput menjadi ahli panel dalam sesi bertajuk “Leaving No One Behind: Gaps and Opportunities for Localisation of the SDGs.” James Raj menekankan kepentingan pembangunan yang dipacu oleh komuniti, sambil mengingatkan para peserta bahawa perubahan sebenar memerlukan masa, kepercayaan dan nilai bersama. Beliau menegaskan bahawa pendekatan APPGM-SDG melangkaui pelaksanaan program semata-mata — ia melibatkan turun padang bersama masyarakat, mendengar dengan empati, dan membimbing pemimpin akar umbi melalui proses penemuan, pemilikan serta tindakan.

James Raj was invited to be a panelist in the session titled "Leaving No One Behind: Gaps and Opportunities for Localisation of the SDGs." James Raj emphasised the importance of community-driven development, while reminding the participants that real change requires time, trust, and shared values. He stressed that the APPGM-SDG approach goes beyond mere program implementation—it involves being on the ground with the community, listening with empathy, and guiding grassroots leaders through a process of discovery, ownership, and action.

29.10.2025

Bengkel “Transformative Partnerships: Civil Society & Private Sector Driving the SDGs Forward”*“Transformative Partnerships: Civil Society and Private Sector Driving Sustainability Forward” Workshop*

159



James Raj telah menghadiri bengkel di bawah program Malaysian CSO-SDG Alliance bertajuk “Transformative Partnerships: Civil Society and Private Sector Driving Sustainability Forward” yang diadakan di SSH Home, Kuala Lumpur.

James Raj attended a workshop under the Malaysia CSO SDG Alliance programme titled “Transformative Partnerships: Civil Society and Private Sector Driving Sustainability Forward” held at SSH Home, Kuala Lumpur.




Tarikh Program

Programme Dates



- | | | |
|----------|---|---|
| <p>1</p> | <p>'Mesyuarat Rakan Kongsi Dalam Mempercepatkan SDG yang Ke-9 (dihoskan oleh Jabatan Statistik Malaysia/DOSM)
<i>9th Partners in Accelerating SDGs Meeting (hosted by Department of Statistics Malaysia/DOSM)</i></p> | <p>10 November 2025
<i>10 November 2025</i></p> |
| <p>2</p> | <p>'Tamu SDG': Karnival Kelestarian Komuniti APPGM-SDG bersama Parlimen Malaysia dan Kementerian Kewangan
<i>'Tamu SDG': APPGM-SDG Community Sustainability Carnival with the Malaysian Parliament and Ministry of Finance</i></p> | <p>1 - 2 Disember 2025
<i>1 - 2 December 2025</i></p> |
| <p>3</p> | <p>Peluncuran Buku dan Perbincangan Panel: Melabur dalam Masa Depan Penjagaan Malaysia (dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa/ISIS Malaysia)
<i>'Book Launch and Panel Discussion: Investing in Malaysia's Care Future (organised by the Institute Of Strategic & International Studies/ISIS Malaysia)</i></p> | <p>2 Disember 2025
<i>2 December 2025</i></p> |



**Penyelarasan
Kawasan Parlimen**

**Pengurusan Projek
Mikro SDG**

**Pembangunan
Kapasiti**

**Advokasi Dasar
Peringkat Parlimen**

**Solusi Dasar
Peringkat Daerah**

**Pemeriksaan
Belia**

**Akademi
MySDG**

**Pusat MySDG untuk
Keterangkuman Sosial**



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN